

أَدَبُ الْإِخْنَافِ فِي الْإِسْلَامِ

**ADAB  
PERBEZAAN  
PENDAPAT  
DALAM ISLAM**

Dr. Ṭāha Jābir Fayyād al-‘Alwānī

Cetakan Pertama, 1989  
Cetakan Kedua, 1993  
© Angkatan Belia Islam Malaysia  
ISBN: 967-940-032-8

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Cetakan Ketiga, 2023  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan  
Angkatan Belia Islam Malaysia  
ISBN: 978-983-042-686-0

Penerbitan buku ini adalah penerbitan bersama:

Penulis : Dr. Taha Jabir Fayyadh Al-'Alwani  
Penterjemah : Haji Muhammad Rivai Batubara  
Editor : JAKIM dan ABIM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



Angkatan Belia Islam Malaysia



Blok A & B, Kompleks Islam  
Putrajaya  
No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 Putrajaya  
No. Telefon: +603-8870 7000  
No. Faks: 03-8870 7707  
Laman Sesawang: [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Dicetak oleh:  
Visual Print Sdn. Bhd.

No. 6, Jalan TC 2A/2, Taman Cemerlang  
53100 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: +603-4108 4500  
No. Faks: +603-4108 2400  
Emel: [sap@abim.org.my](mailto:sap@abim.org.my)  
FB: [@ABIM.Malaysia](https://www.facebook.com/ABIM.Malaysia)  
Laman Sesawang: [www.abim.org.my](http://www.abim.org.my)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-983-042-686-0



# **ISI KANDUNGAN**

- viii Jadual Transliterasi
- ix Kata Pengantar YAB Perdana Menteri
- xi Prakata Penerbit
- xvi Prakata Penterjemah
- xviii Kata Pengantar
- 1 MUQADDIMAH
- 5 BAB PERTAMA: HAKIKAT PERSELISIHAN PENDAPAT DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN
  - 6 Perselisihan Pendapat dan Ilmu Mengenai Perselisihan Pendapat
  - 7 Perdebatan dan Ilmu Berdebat
  - 8 Perbalahan
  - 9 Perselisihan Pendapat yang Diterima dan Ditolak
  - 10 Antara Faedah yang Dapat Diterima
  - 10 Pembahagian Perselisihan Pendapat Mengikut Faktor-faktor Penggeraknya
  - 15 Pendapat Para Ulama Mengenai Perselisihan Pendapat
- 19 BAB KEDUA: SEJARAH PERSELISIHAN PENDAPAT DAN PERKEMBANGANNYA
  - 20 Perselisihan Pendapat dan dalam Kalangan Sahabat pada Zaman Rasulullah *ṣall>Allāhu ‘alayhi wa sallam*

- 23 Takwil dan Jenis-jenisnya
- 24 a. Takwil yang Hampir
- 24 b. Takwil yang Jauh
- 26 c. Takwil yang Dianggap Jauh
- 27 Garis Panduan Takwil
- 31 Ahli Ijtihad dalam Kalangan Para Sahabat
- 35 Peringatan Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* kepada Sahabat-sahabatnya Mengenai Perselisihan Pendapat
- 38 Panduan Adab Perselisihan Pendapat pada Zaman Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*
- 39 Adab Perselisihan Pendapat pada Zaman Sahabat
- 40 a. Perselisihan Pendapat Antara Para Sahabat Mengenai Kewafatan Rasulullah *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*
- 42 b. Perselisihan Pendapat Antara Para Sahabat Mengenai Pusara Rasulullah *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*
- 43 c. Perselisihan Pendapat Antara Para Sahabat Mengenai Khalifah Rasulullah *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*
- 49 d. Perselisihan Pendapat dalam Memerangi Orang yang Enggan Membayar Zakat
- 53 e. Perselisihan Pendapat dalam Sesetengah Masalah Fiqh
- 54 Antara ‘Umar dengan ‘Alī
- 55 Antara ‘Umar dengan ‘Abdullāh bin Mas’ūd
- 58 Antara Ibn ‘Abbās dengan Zayd bin Thābit
- 62 Gambaran Ḍirār Mengenai ‘Alī dan Tangis Mu‘āwiyah

- 64 Ciri-ciri Utama Perbezaan Pendapat Pada Zaman Khulafā' al-Rāshidīn
- 65 Perselisihan Pendapat pada Zaman *Tābi'iñ* dan Adabnya
- 69 Kesan Pergelutan Politik Terhadap Perselisihan Akidah dan Fiqh
- 77 Dialog Antara Ibn 'Abbās dengan Khawārij

## **81 BAB KETIGA: PERBEZAAN MANHAJ PARA IMAM DALAM MENETAPKAN HUKUM**

- 82 Mazhab-Mazhab Fiqh
- 83 Manhaj Para Imam yang Masyhur
- 85 Manhaj Imām Abū Ḥanīfah
- 87 Manhaj Imām Mālik
- 89 Manhaj Imām al-Shāfi'i
- 91 Manhaj Imām Aḥmad bin Ḥanbal
- 92 Manhaj Imām al-Ẓāhirī
- 93 Ulasan Kami

## **95 BAB KEEMPAT: SEBAB-SEBAB PERBEZAAN PENDAPAT DAN PERKEMBANGANNYA**

- 96 Sebab-sebab Perbezaan Pendapat pada Zaman Kenabian Hingga Zaman Fuqaha
- 99 Sebab-sebab Perbezaan Pendapat dalam Lapangan Fiqh pada Zaman Fuqaha
- 99 a. Sebab-sebab yang Berpunca daripada Bahasa (*Lughah*)
- 105 b. Sebab-sebab yang Berpunca daripada Riwayat Sunnah
- 107 c. Sebab-sebab yang Berpunca daripada Kaedah '*Uṣūl* dan Panduan *Istinbāt*

## **111 BAB KELIMA: PANDUAN DAN ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM KALANGAN IMAM MAZHAB**

- 115 Surat Layth bin Sa'ad kepada Imām Mālik
- 119 Abū Ḥanīfah dan Mālik
- 119 Muḥammad bin al-Ḥasan dan Mālik
- 120 Al-Shāfi'I dan Muḥammad bin al-Ḥasan
- 122 Mālik dan Ibn 'Uyaynah
- 123 Mālik dan al-Shāfi'I
- 123 Aḥmad bin Ḥanbal dan Mālik
- 124 Pendapat Sebahagian Ulama Mengenai Abū Ḥanīfah
- 126 Pendapat Sesetengah Ulama Mengenai Imām al-Shāfi'I
- 127 Antara Imām Aḥmad dengan Imām al-Shāfi'I

## **131 BAB KEENAM: PERSELISIHAN PENDAPAT SELEPAS KURUN TERBAIK DAN ADABNYA**

- 133 Situasi Selepas Kurun Keempat
- 140 Taklid dan Akibatnya
- 142 Situasi Umat pada Zaman Akhir
- 146 Sebab-sebab Perselisihan Pendapat Hari Ini
- 149 Jalan yang Selamat

## **153 PENUTUP**

## **164 CATATAN**

# JADUAL TRANSLITERASI

Arab	Latin	Arab	Latin
ء/ا	'	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	ه	h
ش	sh	و	w
ص	ṣ	ي	y
Vokal Panjang		Vokal Pendek	
ـ	ā/Ā	ـ	a
ـ	ū/Ū	ـ	u
ـ	ī/Ī	ـ	i

## KATA PENGANTAR

### YAB PERDANA MENTERI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،  
وَعَلَى أَلَهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ

**S**egala puji bagi Allāh Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat Nabi Muhammad, semulia-mulia Nabi dan Rasul, begitu juga buat keluarga baginda, para sahabat baginda, dan para pengikut baginda hingga ke hari akhirat.

Alhamdulillāh, segala puji dipanjatkan ke hadrat Ilahi, yang dengan izin dan ilham kurnia-Nya jualah, karya *Adab al-Ikhtilāf fī al-Islām* hasil tulisan Shaykh Dr. Ṭāha Jābir al-‘Alwānī rahimahullāh berjaya diterbitkan kembali dengan judul *Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam*. Inisiatif ini adalah usaha berterusan Kerajaan Malaysia menggalakkan wacana pemikiran Islam yang boleh memberi pencerahan dan kebaikan kepada masyarakat umum.

Shaykh Dr. Ṭāha Jābir al-‘Alwānī adalah ulama yang istimewa dan konsisten menjunjung prinsip hikmah, kebenaran dan keadilan. Sebagai seorang sahabat dan tokoh pemikir, pandangan beliau sarat dengan hikmah dalam menuntaskan isu berkaitan umat Islam.

Beliau dalam mengupas adab dalam berbeda pendapat dengan memberi gambaran perbedaan pandangan antara ulama-ulama besar sebelum ini amat bertolak ansur asalkan perkara yang berbeza itu tidak melanggar syariat atau hukum yang tetap (*thabit*) sekaligus mengelakkan dari terjerumus dalam perbalahan. Dalam konteks semasa khususnya media sosial dan ruang awam yang lain juga, saya melihat kepentingan memahami mesej Shaykh Dr. Ṭāha Jābir dalam buku ini agar perdebatan yang berlaku di ruang awam kini mestilah atas hujah dan fakta dan tidak menggunakan kata kesat serta maki hamun.

Selain itu, nukilan Buya Hamka dalam bukunya *Ayahku* serta pengalamannya berhadapan dengan pelbagai perbedaan pandangan dalam Islam di Indonesia ketika itu juga telah mengambil langkah bijak dengan pendekatan yang lebih lembut supaya dapat

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

berdamping dan menerima pelbagai pihak yang berseberangan dengan pandangan masing-masing. Sehubungan itu, saya menganjurkan kita mengamalkan budaya bersedia bersetuju dan tidak bersetuju dalam suasana yang penuh hikmah dan kebijaksanaan.

Justeru, kandungan buku ini dilihat memiliki remedi yang baik kepada isu perbezaan pendapat. Ia mengingatkan bahawa umat Islam perlulah menangani perbezaan pendapat dengan baik, dengan adab, dengan susila seputihnya yang diajarkan Islam dan diwarisi oleh budaya Timur. Ia mengingatkan agar umat Islam meskipun berbeza pendapat, tetap bersatu padu, memiliki *wahdatul fikri* (kesatuan fikiran), dan tidak membawa keegoan serta ketaksuhan ketika menangani perbezaan pendapat.

Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan semula buku *Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam* ini. Pada hemat saya, buku ini perlu dijadikan panduan utama dalam membantu kita mengemudi masa depan umat Islam di Malaysia ini ke arah yang lebih baik, *inshā'Allāh*.

Mudah-mudahan segala sumbangan dan usaha baik ini diberkati oleh Allāh *subḥānahu wa ta’ālā*, dan buku ini dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat. Saya yakin, melalui penyebaran ilmu yang terkandung dalam buku ini, ia akan memberi impak yang sangat besar kepada agama, bangsa dan negara kita yang tercinta ini.

Akhirul kalam, marilah kita bersama-sama berdoa agar usaha penerbitan buku ini sedikit sebanyak akan menyumbang syiar mengukuhkan kesatuan umat Islam di tanah air kita Malaysia ini dipermudahkan dan dibantu Allah *subḥānahu wa ta’ālā*. Sekian, terima kasih.

**YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**

---

## PRAKATA PENERBIT

---

### ***ADAB AL-IKHTILĀF FI AL-ISLAM DAN MIN ADAB AL-IKHTILĀF ILA NABDH AL-KHILAF: KISAH SEBUAH LEGASI***

Atas nama Allāh, Yang Maha Pemurah lagi  
Maha Mengasihani. Selawat dan salam  
buat Rasūlullāh. Seterusnya,

**A**ntara penyakit yang paling berbahaya yang menimpa umat Islam pada zaman ini ialah penyakit *ikhtilāf* atau perselisihan pendapat. Ia berakar daripada ego dan melarat ke dalam segenap institusi masyarakat Islam hari ini. Ia telah merugikan umat dan memecahbelahkan kesatuannya yang sedia ada lemah. Benarlah seperti yang disifatkan Nabi yang mulia *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tentang umatnya yang akan berpecah-belah, meskipun banyak bilangannya akan tetapi lemah dan rapuh seperti buih di lautan (H.R. Abū Dāwūd dan Aḥmad). Justeru, para ulamalah yang bertindak untuk menyatukan umat ini dan menjaganya daripada semakin terpecah dan terpesong. Mereka lah penjaga umat ini dengan makna yang sebenarnya. Mereka menyeru umat Islam agar kembali kepada rujukan Islam yang sebenar dan menegah umat Islam daripada terus berpecah-belah dan saling bermusuhan.

Sudah tentu setiap daripada para ulama memiliki pendekatan masing-masing berkaitan masalah ini. Ada yang melihat dan merawatnya daripada sudut fiqh seperti Ibn Rushd dengan *Bidāyah al-Mujtahidnya*. Ada yang melihat dan merawatnya daripada sudut akhlak dan tarbiyah seperti Imām al-Shahīd Ḥasan al-Bannā dengan *Uṣūl ‘Ishrīnnya*. Ada yang melihat dan merawatnya daripada sudut ‘uṣūl al-fiqh seperti Imām al-Ghazālī dengan *Mustaṣfānya*. Namun, yang lebih menarik perhatian kita dan lebih menjawab keperluan semasa kita ialah sebuah buku yang ditulis oleh Shaykh Dr. Ṭāḥa Jābir al-‘Alwānī *rāḥimahullāh* (w. 2016M), seorang pemikir Islam yang ensiklopedik dan berwawasan jauh. Buku tersebut ialah buku yang

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

berada di hadapan sidang pembaca; *Adab al-Ikhtilāf fi al-Islām* atau boleh juga diterjemahkan *Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam*.

Shaykh Tāha adalah antara tokoh pemikir Islam tersohor yang dikenali di dunia Timur dan Barat. Tokoh kelahiran Iraq ini bukanlah calang-calang tokoh. Dalam dunia pendidikan, beliau telah melalui sistem pengajian tradisi di al-Azhar daripada peringkat sekolah, kemudian ijazah sarjana muda, sarjana, seterusnya doktor falsafah. Beliau adalah seorang yang ‘ālim, mengajar di beberapa buah Universiti di Timur Tengah, dan kemudian berhijrah ke Amerika Syarikat dengan mengasaskan institusi pemikiran Islam yang kini dikenali ramai, iaitu *International Institute of Islamic Thought* (IIIT), dan dilantik menjadi Presidennya. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) semenjak awal penubuhannya mempunyai hubungan rapat dengan IIIT dan para ilmuwannya termasuk Shaykh Tāha. Shaykh Tāha secara peribadinya mempunyai hubungan yang sentimental dengan ABIM, yang memberi kebenaran kami menterjemahkan buku *Adab al-Ikhtilāf* ke dalam bahasa Melayu, dan diterjemahkan oleh al-Fadhil Ust. Muhammad Rivai Batubara, diterbitkan pertama kali oleh ABIM pada tahun 1989.

Pada tahun-tahun akhir hayat beliau, beberapa orang pimpinan ABIM Pusat telah mengadakan lawatan ke Mesir. Dalam keadaan Shaykh Taha yang tidak mengizinkan, beliau telah memanggil pimpinan ABIM ke rumahnya sebanyak dua kali, iaitu pada bulan Mac 2015, dan Disember 2015. Kekaguman kami terhadap beliau kian memuncak kerana di sebalik kekangan kesihatannya, beliau masih lagi mengajak kepada diskusi ilmu. Dalam sela-sela dialog, beliau turut menyentuh bukunya yang telah kami terjemahkan itu, dan menyebutkan bahawa beliau telah mengembangkan pemikiran beliau dalam mencari solusi kepada pertelingkahan dan perpecahan akibat perbezaan pendapat, dan telah menyiapkan tulisannya yang terbaru yang bakal diterbitkan, dan mewasiatkan kepada kami agar diterjemahkan dan disebarkannya.

Buku yang sedang berada di hadapan para pembaca sekalian ini adalah merupakan antara buku terawal yang dikarang oleh Shaykh Tāha. Dalam buku yang komprehensif ini, beliau menyusun enam bab dengan baik, dimulakan dengan perbahasan apa itu *ikhtilāf* – apa yang boleh diikhtilāfkan dan apa yang tidak boleh diikhtilāfkan; beliau memaksudkan *ikhtilāf* dalam *furū'* dibolehkan –, diikuti dengan perbahasan sejarah *ikhtilāf* dalam tamadun Islam bermula daripada

zaman para sahabat hingga ke zaman para ulama selepas mereka, kemudian perbahasan perbezaan metodologi (*manhaj*) yang digunakan para ulama dalam menyikapi *ikhtilāf*, kemudian penjelasan sebab-sebab *ikhtilāf*, kemudian panduan dan adab *ikhtilāf* dalam kalangan ulama – khususnya ulama *salaf al-ṣāliḥ* yang hidup di tiga kurun pertama hijriyah – adab-adab yang wajar dicontohi kita selaku khalaf. *Ikhtilāf* menurut Shaykh Ṭāḥā dalam buku ini sekiranya mengikuti adab dan batasnya, tidak akan menjadi asbab kepada perpecahan umat.

Buku ini diterima ramai, diwacanakan dan diterjemahkan ke pelbagai bahasa termasuklah bahasa Melayu. Buku ini dijadikan panduan umum para pelajar Islam dan penggerak dakwah Islam berkenaan cara mengendali *ikhtilāf* di lokaliti masing-masing dan telah banyak membantu mencerahkan pemikiran umat Islam berkenaan isu *ikhtilāf* khususnya dalam kalangan anak muda dan para sarjana yang berfikiran wasatiyah.

Shaykh Ṭāḥā berkali-kali diminta untuk menulis semula dan menambah isi kandungan kepada buku *Adab al-Ikhtilāf* ini. Akan tetapi, sesuai yang ditakdirkan Allāh ta’ālā, beliau telah melakukan *murāja’ah* (bacaan semula) kepada buku *Adab al-Ikhtilāf* dan mendapati perlunya satu usaha mengkonsistenkan buku tersebut dengan konsep *marja’iyah al-Qur’ān* (Al-Qur’ān sebagai sumber utama) dan metode *al-’Ard ’alā al-Qur’ān* (membandingkan dan menganalisis sesuatu pendapat dengan al-Qur’ān) yang dibinanya sepanjang hayatnya. Beliau menulis sebuah buku baharu yang berjudul, *Min Adab al-Ikhtilāf ilā Nabdh al-Khilāf* yang boleh diterjemahkan sebagai *Daripada Adab Ikhtilāf kepada Menghapuskan Khilāf*. Buku ini diterbitkan oleh IIIT di Jordan secara anumerta pada tahun 2017. Buku ini kurang dikenali. Mungkin kerana ia diterbitkan dalam bahasa Arab dan diterbitkan selepas kewafatan Shaykh Ṭāḥā *rāḥimahullāh*, maka buku ini kelihatan tenggelam dan tidak begitu rancak diwacanakan seperti bukunya yang pertama *Adab al-Ikhtilāf*.

Buku kedua ini boleh kita katakan sebagai kelangsungan kepada buku *Adab al-Ikhtilāf* dan ditulis pada marhalah *nudhuj* (kematangan) beliau. Dalam mukadimah buku kedua ini, beliau menyatakan ada beberapa perkara yang ditariknya semula (*taraju’*) daripada *Adab al-Ikhtilāf* (m.s. 14-27). Antaranya ialah *ikhtilāf* dan perbezaan pendapat perlu dihapuskan sama sekali dan tidak lagi diulas dengan retorik ‘adab.’ Menghapuskan *khilāf* merupakan perintah Allāh ta’ālā dan

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

caranya ialah dengan merujuk semula al-Qur'ān, bukan kepada pendapat-pendapat individu dan kelompok (*firqah*) tertentu. Begitu juga menurut beliau, perbincangan *ukhuwwah Islāmiyyah* (persaudaraan Islam) dalam buku *Adab al-Ikhtilāf* lebih bersifat retorik dan tidak mendalam, ia perlu dibincangkan semula dan diperhalusi agar ia konsisten dengan semangat persaudaraan seperti yang diajarkan oleh Allāh *subḥānahu wa ta'ālā* dalam al-Qur'ān.

Nadir sekali wujudnya seorang ulama seperti ini, yang adil terhadap diri sendiri dan amanah kepada ilmu. Beliau dalam mukadimah bukunya (m.s. 27) mengungkapkan sebuah kata-kata yang terbit daripada ketawadukan dan kematangan ilmu.

*"Daku berkata seperti ini, dan daku memohon ampun daripada Allāh buat diriku dan diri kalian. Daku berharap agar Allāh 'azza wa jalla mengurniakan(ku) kebenaran, dan agar Dia menilaiku dengan niatku yang baik, bukan dengan pendapatku dan perbuatanku yang tidak baik. Sekiranya daku dapati sendiri kesilapan-kesilapan menurut metode ini - metode al-'Arḍ 'alā al-Qur'ān al-Majīd - dalam apa saja buku-bukuku, maka daku bersedia untuk menariknya semula sekiranya daku masih hidup. Daku juga berharap agar murid-muridku dan saudara-saudaraku memohon keampunan buatku atas perkara-perkara yang daku tidak sempat untuk murāja'ah (menilai semula) dan memaklumkan penarikan (pendapat) itu ketika daku masih hidup. Semoga Allāh mengurniakan taufiq kepada kita semua, kepada perkara yang dicintai-Nya dan direndai-Nya." (Min Adab Al-Ikhtilāf ila Nabdh al-Khilāf, m.s. 27)*

Raḥimahullāh Shaykh Ṭāha. Kedua-dua buku ini merupakan hasil perahan umur beliau dan niat baik beliau di jalan dakwah, memikirkan untuk umat Islam, dan menyediakan solusi yang praktikal untuk umatnya. Justeru, penerbitan semula terjemahan *Adab al-Ikhtilāf* ini merupakan satu pengiktirafan yang baik kepada jasa besar Shaykh Ṭāha, yang wajar diraikan. Dalam masa yang sama, kita juga perlu menghormati keputusan Shaykh Ṭāha untuk menarik dan memperbetulkan pendapat-pendapatnya yang dinilai kurang tepat, dengan membaca dan merujuk buku keduanya *Min Adab al-Ikhtilāf ila Nabdh al-Khilāf* ini.

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

Buku kedua ini telah dikupas dengan baik oleh Dr. Ismā'īl al-Hasanī dalam artikelnya, *Qirā'ah Kitāb 'Min Adab al-Ikhtilāf ilā Nabdh al-Khilāf*(2020) yang diterbitkan oleh *Jurnal al-Fikr al-Islami al-Mu'asir*, yang penting juga untuk dirujuk.

Semoga Allāh merahmati Shaykh Ṭāḥa dan menempatkan beliau di sisi-Nya Yang Maha Kasih. Semoga Allāh *ta'ālā* mengurniakan kita kefahaman kepada ilmu yang benar dan amal yang soleh, dan mengurniakan umat Islam di Malaysia akan kesatuannya yang menjadi kunci kepada keamanannya dan kemakmurannya. Amin.

### **Editor**

---

## PRAKATA PENTERJEMAH

---

Dalam meniti arus kebangkitan Islam pada hari ini, banyak cabaran yang harus dihadapi. Antaranya ialah perpecahan yang berpunca daripada perbezaan pendapat. Adakah benar perpecahan itu berpunca daripada perbezaan pendapat? Bukanakah perbezaan pendapat itu satu naluri yang telah dijadikan Tuhan di dalam diri manusia? Bukanakah ia merupakan sebahagian daripada fenomena *tabī‘* yang dapat melahirkan perkara-perkara positif, sekiranya dipelihara batas-batas dan adabnya? Bukanakah telah berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat, *tābi‘īn*, para imām *mujtahidīn* dalam kalangan ulama Salaf al-Šāliḥīn? Mengapa ia tidak menimbulkan perkara-perkara yang negatif seperti yang berlaku pada umat Islam hari ini?

Jawapannya akan dapat ditemui dalam buku *Adab al-Ikhtilāf fī al-Islām* yang ditulis oleh Dr. Tāha Jābir al-‘Alwānī, pensyarah dan profesor fiqh dan ‘uṣūl al-fiqh di Universiti al-Imām Muhammad bin Su’ūd di Riyad, Arab Saudi, di samping ketua Biro Penyelidikan, Institut Pemikiran Islam Antarabangsa yang berpusat di Washington. Dalam buku ini, penulis telah menghuraikan hakikat perbezaan pendapat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, sejarah perkembangannya, sebab-sebabnya, panduan dan adabnya. Penulis tidak melewatkkan penanya untuk menyoroti situasi dan kondisi umat pada zaman yang akhir berhubung dengan perbezaan pendapat dan perkara-perkara yang timbul daripadanya. Sebagai seorang sarjana yang mahir dengan ‘uṣūl al-fiqh, dan penglibatannya dalam *ḥarakah islāmiyyah* di peringkat antarabangsa, penulis telah berusaha melakukan diagnos terhadap penyakit yang menimpa umat dan seterusnya menampilkkan pemikiran dan saranan-saranan beliau untuk mengubati dan menyelesaikan penyakit tersebut. Berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh umat pada hari ini, kami berpendapat bahawa buku ini perlu dibaca dan diketahui lebih luas oleh masyarakat, terutamanya mereka yang terlibat dalam kerja-kerja *dakwah islāmiyyah* dan para belia harapan umat.

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

Sesuai dengan harapan Ustaz Hj. Siddiq Fadzil, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), saya berusaha menterjemahkan buku ini. Semoga memenuhi maksudnya. Kepada ABIM Pusat yang berusaha menerbitkan buku ini diucapkan terima kasih. Akhirnya buah fikiran yang membina daripada semua pihak untuk kesempurnaan terjemahan ini sangat dialu-alukan. Kepada Allāh yang Maha Pengasih dipohonkan taufiq dan hidayah-Nya. Amin!

**Haji Muhammad Rivai Batubara**

Ipooh, 1989

## KATA PENGANTAR

---

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره، ونوعذ بالله من شرور  
أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، من يهد الله فلا مضل له، ومن  
يضل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وأن محمد صلى الله  
عليه وسلم عبده ورسوله، وبعد:

Buku ini adalah buku yang kesembilan dalam rangkaian "Kitab al-Ummah" yang diterbitkan oleh pimpinan Jabatan Kehakiman Syariah dan Pengurusan Islam, Qatar, dengan tajuk *Perbezaan Pendapat dalam Islam* oleh Dr. Ṭāha Jābir Fayyad Al-'Alwāni, sebagai sumbangan baru dalam usaha mewujudkan budaya ilmu dan penyempurnaan pembangunan Islam serta mengatasi krisis pemikiran yang menyebabkan perselisihan dan perpecahan sesama sendiri, di samping menghidupkan kekuatan iman dalam diri orang Islam yang tidak berperanan dalam hubungan antara sesama kita untuk memimpinnya ke arah hubungan yang lebih sihat disebabkan fahaman yang menyeleweng, praktik-praktik yang salah dan tekanan masyarakat yang bukan Islam. Dengan adanya iman yang kuat dan fahaman yang sihat, ia merupakan jaminan yang sebenar untuk memimpin hubungan kita serta membersihkan segala pertikaian dan penyelewengan. Barangkali habuan kita daripada ilmu dan pengetahuan tidaklah sedikit, tetapi masalah yang kita hadapi hari ini ialah kehilangan kepimpinan yang sebenarnya dapat memberi kepada kita ketepatan dan keselamatan ilmu dan pengetahuan itu. Sesungguhnya, kita berusaha untuk mendapatkan pengetahuan, tetapi kita kehilangan akhlaknya. Kita memiliki cara-caranya, tetapi kita kehilangan tujuan dan matlamatnya. Alangkah sering terjadi disebabkan pertikaian kita dalam masalah sunat dan harus, kita luput daripada perkara-perkara fardu dan wajib. Kita sangat mahir dalam soal perbezaan pendapat, tetapi kita kehilangan adabnya dan melazimi akhlaknya. Kita jatuh disebabkan pertikaian sesama sendiri

dan pertengkaran yang menyebabkan kegagalan dan hilangnya kekuatan. Firman Allah ta'āla:

وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفَشِّلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ... ﴿٤٦﴾

"...Dan janganlah kamu berbantah-bantahan, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu..." (al-Anfaal, 46)

Sesungguhnya Allah memperingatkan kita tentang sebab-sebab kejatuhan yang menimpa umat yang terdahulu untuk menjadi pengajaran dan pelajaran. Firman Allah ta'āla:

... وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُسْرِكِينَ ﴿٣١﴾  
وَكَانُوا شَيْعَةً كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدِيهِمْ فَرِحُونَ ﴿٣٢﴾

"...Dan janganlah kamu menjadi daripada mana-mana golongan orang musyrik, iaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak; tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong itu)." (ar-Rūm, 31-32)

Perselisihan pendapat yang menyebabkan perpecahan adalah dianggap jauh daripada sebarang petunjuk kenabian dan kerasulan. Firman Allah ta'āla:

... إِنَّ الَّذِينَ فَرَقُوا دِيَنَهُمْ وَكَانُوا شَيْعَةً لَّا سَتَّ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ... ﴿١٥٩﴾

"Bahwasanya orang-orang yang mencerai-beraikan ugama mereka (dengan perselisihan-perselisihan yang berdasarkan hawa nafsu), dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah engkau terkait sedikit pun dalam (perbuatan) mereka..." (al-Anām, 159)

Dalam hal ini, kehancuran ahli kitab bukan disebabkan kekurangan ilmu dan pengetahuan, tetapi disebabkan mereka menjadikan ilmu dan pengetahuan untuk melakukan penyelewengan dan kezaliman sesama mereka. Firman Allah ta'āla:

وَمَا أُخْتَلَفَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَاجَاهَةٍ  
هُمُ الْعَالَمُونَ بَغِيًا بَيْنَهُمْ... ﴿١٩﴾

“...Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka...” (Ali 'Imrān, 19)

Adakah kita telah mewarisi penyakit ahli kitab berbanding mewarisi Al-Kitab? Adakah kita mewarisi kedengkian dan penyelewengan berbanding mewarisi ilmu dan pengetahuan serta melazimi akhlaknya? Sesungguhnya, perselisihan, kedengkian dan perpecahan agama adalah penyakit ahli kitab yang menyebabkan kehancuran mereka dan bergantinya agama mereka. Maka, tinggallah kisah-kisah mereka untuk dijadikan pengajaran dan pelajaran kepada orang-orang yang mewarisi kitab dan kenabian. Sedangkan orang-orang Islam tidak ada jalan untuk meminta ganti kerana mereka adalah pemilik risalah yang terakhir. Sesungguhnya penyakit ini tidak menghancurkan tubuh sepenuhnya. Bahkan penyakit yang menimpa umat ini sama ada akan berterusan yang menyebabkan umat terus dalam keadaan lemah, atau dirawat. Maka akan berlakulah pembaikan supaya ia sihat dan berlakulah kebangkitan dan menghentikan pertikaian sesama sendiri dan inilah ciri-ciri risalah yang terakhir.

Sesungguhnya, apa yang dihadapi oleh kaum muslimin hari ini tidak terlepas daripada menjadi sasaran budaya asing dan pencemaran pemikiran Islam serta krisis akhlak. Tidak ada jalan keluarnya selain daripada menyelesaikan babit-babit yang menimbulkan krisis pemikiran, membetulkan kefahaman dan mengembalikan sikap dan cara hidup yang berakhlak sebagai suatu keperluan. Jika tidak, keadaan kita adalah laksana memukul besi yang dingin.

Sudah pasti bahawa perbezaan pendapat dalam cara pemikiran, menilai dan menghukum sesuatu adalah merupakan fitrah tabi'i yang mempunyai hubungan dengan pelbagai bentuk peribadi. Oleh itu, tidak mungkin kehidupan dan hubungan sosial antara manusia dapat dibina mengikut pendapat dan kemahuan seorang sahaja, kerana pemikiran dan amalan itu memerlukan kemahiran yang berbeza-beza. Seolah-olah ada hikmah Allah yang telah menentukan

bahawa manusia mempunyai bakat dan perbezaan masing-masing, sama ada daripada sifat semulajadi atau daripada kemahiran yang dipelajari, dan tiap-tiap sesuatu telah diper mudahkan mengikut kejadiannya. Berdasarkan ini manusia berbeza-beza dan orang-orang mukmin mempunyai beberapa darjatnya. Antara mereka ada yang menganiaya dirinya, dan ada yang pertengahan, dan ada pula yang lebih dahulu berbuat kebaikan. Firman Allah ta’ala:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَوْنَ مُخْتَفِيَنَ  
١١٨

*“Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah ia menjadikan umat manusia semuanya menurut ugama yang satu. (Tetapi ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.” (Hud, 118)*

Di sini dapat kita katakan bahawa perbezaan pendapat dengan pelbagai aliran pemikiran yang merupakan fenomena sihat yang mencambahkan pemikiran seorang Muslim dengan kesuburan pendapat yang terbuka terhadap pelbagai perspektif dan pandangan terhadap banyak perkara dari berbagai aspek dan sudut, serta saling melengkapi antara satu dengan yang lain, telah berubah menjadi alat untuk saling bertikai sesama sendiri, bercakaran dan berbunuhan pada masa kemunduran Islam. Malahan, sampai setengah orang-orang yang berselisih pendapat itu berusaha melenyapkan lawannya atau meminta tolong kepada musuh-musuh Islam untuk menghapuskan orang yang berlainan pendapat dengannya dan sejarah telah menyaksikan yang demikian. Seringkali seseorang itu tidak mampu memberikan pandangan dan pendapat yang komprehensif terhadap sesuatu perkara melalui pelbagai aspek, lalu ia bersembunyi di sebalik persoalan kecil lantas memperbesarkannya sehingga ia tenggelam di sebaliknya dan tidak mampu melihat hal-hal lain atau pendapat orang lain, malahan pendapat musuh lebih hampir kepadanya daripada pendapat saudaranya yang berbeza pendapat dengannya, walaupun mereka masih dipertemukan oleh asas akidah mereka sendiri.

Barangkali peristiwa-peristiwa sejarah telah menunjukkan kepada kita betapa perbezaan pendapat yang kehilangan adab-adabnya telah menyebabkan setengah golongan umat meninggalkan ajaran agamanya. Di sini, disorotkan satu daripada peristiwa itu untuk menjadi pengajaran kepada kita hari ini.

Diriwayatkan bahawa Wāṣil bin ‘Atā’ datang ke Rifqah di mana mereka mendapati kaum Khawarij. Lalu Wāṣil berkata kepada ahli Rifqah. “Ini bukan urusan kamu, pergilah dan biarkanlah aku dengan mereka.” Ahli Rifqah hampir saja binasa, maka mereka berkata kepada saya, “Ini adalah urusanmu.” Maka, pergilah Wāṣil menemui kaum Khawarij, lalu mereka berkata, “Apakah hal engkau dengan sahabat-sahabatmu itu?” Wāṣil menjawab, “Orang-orang musyrik yang meminta perlindungan supaya mendapat kesempatan mendengar kalam Allah dan mengetahui undang-undangnya.” Maka mereka berkata, “Kami memberikan perlindungan kepada kamu”. Wāṣil berkata, “Ajarilah kami”. Lalu mereka mengajarkan hukum-hukum mereka. Lantas Wāṣil berkata, “Sesungguhnya, aku dan orang-orang yang bersama aku telah menerimanya.” Maka, mereka berkata, “Pergilah kamu dengan berteman kerana kamu saudara kami”. Wāṣil berkata, “Bukan begitu, tetapi kerana Allah telah berfirman:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ أَسْتَجَارَكَ فَأْجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ  
كَلَمَّ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلَغْهُ مَا مَنَّهُ...  
⑥

“Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman...”  
(at-Tawbah, 6)

Oleh itu, hantarlah kami ke tempat yang aman bagi kami, maka mereka melihat antara satu sama lain, kemudian mereka berkata, “Itulah hak kamu.” Lalu mereka berjalan semuanya sehingga sampai ke tempat yang aman bagi mereka.” (Al-Kāmil fil lughah wal adab oleh Mubarrad, 2/122).

Demikian runcingnya perselisihan pendapat apabila seorang musyrik lebih mendapat keamanan di sisi sesetengah puak Islam daripada saudara Islamnya yang berbeza pendapat dengannya dari segi aliran pemikiran dan ijtihad, sehingga ia terpaksa menzahirkan sifat syirik supaya ia terlepas daripada dibunuh.

Perselisihan pendapat itu terus berkembang dan bertambah dalam jurang yang memisahkannya, sehingga ia menguasai

perasaan seseorang yang menyebabkan dia lupa makna yang mengikat dan menghubungkannya dengan saudara muslimnya. Pandangannya hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang mereka perselisihkan dan hilang daripadanya norma-noma akhlak Islam yang menyebabkan penilaian menjadi kacau bilau, *zannī* bertukar kepada *qatī*, *mutashābih* kepada *muḥkam*, *khafiyud dilālah* kepada *wādīhud dilālah* dan ‘ām kepada *khāṣ*. Jiwa yang sakit merasa senang berada dalam perselisihan, akhirnya ia jatuh dalam jurang mengkafirkan orang-orang Islam dan mengutamakan orang-orang musyrikin daripada kaum muslimin.

Lebih malang lagi bahawa pendapat-pendapat ijtihad dan aliran-aliran fiqh yang dihasilkan oleh ahli pemikir dan mujtahid telah bertukar menjadi kelompok-kelompok pemikiran, taksub politik dan pemecah belah masyarakat di tangan orang-orang yang taklid. Untuk kepentingan ini mereka mentakwilkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam*. Setiap ayat atau hadis yang tidak sesuai dengan kepentingan ini, sama ada ditakwilkan atau dinasakhkan. Perasaan fanatik semakin menjadi-jadi, sehingga berulang kembali kata-kata jahiliyyah, “Pembohong suku Rabī‘ah lebih baik daripada orang jujur suku Muḍar.”

Kebanyakan perselisihan pendapat antara kita hari ini ialah berpunca daripada fahaman yang tidak tepat yang menyebabkan timbulnya penyakit-penyakit jiwa seperti takbur dan ujub dengan pendapat sendiri dan terpesona dengan diri sendiri, serta kepercayaan bahawa kebenaran, kepimpinan dan ketokohan hanyalah dengan menuduh orang lain, yang akhirnya berkembang menjadi permusuhan. Semoga Allah melindungi kita.

Sesungguhnya, kita amat sedikit melihat ke dalam diri kita kerana sibuk memperkatakan aib orang lain, sehingga tidak ada masa bagi kita untuk merenungkan diri kita sendiri. Dalam athar ada disebut: “Berbahagialah orang yang sibuk dengan aib dirinya sendiri daripada aib orang lain.”

Sesungguhnya, para Salafus Ṣāliḥ *rīḍwānūllāhi 'alaihim* telah berbeza pendapat, namun perbezaan pendapat itu tidak menyebabkan persengketaan antara mereka kerana kesatuan hati mereka mengatasi segala-galanya. Sesungguhnya, mereka terselamat daripada penyakit-penyakit jiwa, walaupun ada yang ditimpa oleh penyakit anggota. Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* pernah memberitahu sahabat mengenai seorang lelaki dalam

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

kalangan mereka bahawa dia adalah ahli syurga. Apabila para sahabat menyelidiki keadaan dan amalnya, maka ternyata bahawa dia tidak akan tidur selagi hatinya tidak bersih daripada perasaan dengki kepada saudaranya yang Muslim. Adapun kita hari ini, musibah kita berada dalam diri dan hati kita. Oleh itu, kebanyakan slogan-slogan persatuan hanyalah berpura-pura dan menipu diri sendiri yang barangkali tidak banyak berbeza daripada musuh kita. Firman Allah ta’āla:

وَذُرُوا ظِهِيرَ الْإِثْمِ وَبَاطِنَةَ... ﴿١٢٠﴾

*“Dan tinggalkanlah kamu dosa yang nyata dan yang tersembunyi...” (al-An’ām,120)*

Akibatnya, dunia Islam yang tadinya merupakan satu negara yang diperintah dengan undang-undang yang berdasarkan Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, hari ini terpecah kepada 87 negara atau lebih dan sejauh mana perselisihan mereka hanyalah Allah sahaja yang Maha Mengetahui. Semuanya melaungkan slogan persatuan, bahkan dalam satu negara mempunyai pelbagai pertubuhan. Bukanlah merupakan satu kenyataan setengah pekerja-pekerja Islam hari ini yang dikaitkan dengan tugas menyelamatkan lebih baik halnya daripada institusi-institusi mereka yang rasmi.

Sesungguhnya, krisis yang kita hadapi adalah krisis pemikiran dan masalah yang berdepan dengan kita ialah ketiadaan kepimpinan yang sebenarnya. Sekiranya umat Islam mendapat suasana pemikiran yang sihat dan undang-undang yang dijunjungnya dalam kehidupannya berdasarkan al-Quran dan Sunnah, nescaya dia mampu memikul risalah dan menegakkan kemajuan, walaupun ia menghadapi kesukaran hidup dan cabaran kebendaan kerana disebalik kesukaran itu ada kelapangan. Persoalannya ialah penyelewengan daripada al-Quran dan al-Sunnah itu adalah punca terjadinya pertengkar dan kegagalan, firman Allah ta’āla:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ  
رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

*“Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu...” (al-Anfāl, 46)*

Sesungguhnya, Islam telah menghentikan perpecahan dan percakaran sesama sendiri, dan mengarahkan bangsa Arab kepada Tuhan yang Maha Esa lagi Hak serta menghancurkan semua tuhan-tuhan yang palsu, di mana setiap kabilah mempunyai tuhannya sendiri untuk disembah.

Adapun orang-orang Islam hari ini bukan menderita kerana kekurangan benda dan keperluannya, namun begitu mereka bertukar menjadi umat yang rosak taraf pemikiran dan kebendaan kerana mereka telah kehilangan makna perpaduan dan persamaan nasib, di samping kehilangan hukum syarak yang mengatur hidup mereka dan kecederaan dalam pemikiran mereka.

Bertitik tolak daripada perkara ini, bolehlah kita katakan, perlulah ada usaha pembinaan semula dengan mengembalikan disiplin dalam cara berfikir. Untuk itu, ia mestilah kembali kepada kitab-kitab usul, di mana para ulama kita telah menyusun garis panduan, kaedah-kaedah untuk membanding dan menilai, disiplin pemikiran dan keharusan ilmu dengan akhlaknya. Perkembangan kajian-kajian itu akan menguatkan perpaduan ummah, sementara manhaj pendidikan mesti dipersenjatai dengan akhlak yang menonjolkan titik-titik persamaan dan menyingkirkan segala perselisihan.

Di sinilah pentingnya kemunculan "buku ini", pada waktu di mana kaum muslimin sangat menghajatkannya. Ia merupakan sumbangan yang amat berharga dalam menghuraikan persoalan yang penting ini dan ia akan menjelaskan serta memperlihatkan kepada golongan terpelajar secara umum manhaj-manhaj para ulama dalam berijtihad dan dasar-dasar yang menjadi asas ijtihad dan perbezaan pendapat yang berlaku dalam kalangan mereka supaya disedari bahawa perbezaan pendapat ini mestilah berlandaskan kepada garis panduan, kaedah-kaedah dan dasar-dasarnya. Seseorang yang ingin memasuki lapangan ijtihad mestilah menguasai alat-alatnya, di samping akhlak dan adabnya supaya ia terpelihara daripada penyelewengan.

Sesungguhnya, contoh dan teladan yang paling baik untuk diikut dan diteladani telah pun ditunjukkan oleh sirah para Salafus Šālih *rīḍwānullāhi 'alaihim*, iaitu sebelum aliran-aliran ijtihad bertukar menjadi ideologi politik dan kelompok pemikiran di tangan orang-orang yang bertaklid. Sesungguhnya, *takhaṣṣus* pengarang dalam ilmu-ilmu Islam dan '*uṣūl al-fiqh* telah membantunya dalam menyusun buku ini. Sudah tentu dari beberapa segi buku ini menonjolkan sifat ilmiah yang bercorak akademik, namun dalam pandangan kami ia

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

adalah satu keperluan yang semestinya, terutama untuk golongan terpelajar Islam, secara umumnya iaitu mereka yang tidak berpeluang mempelajari perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar Syariah. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa buku ini berfungsi sebagai guru, walaupun kami percaya bahawa mempelajari manhaj dan adab-adab ini tidak cukup untuk menyelesaikan masalah kaum muslimin dan mengubati krisis pemikiran mereka. Tetapi di samping itu mesti ada *tarbiyyah* ilmiah dan praktik adab perbezaan pendapat serta akhlak yang wajib diikuti.

Kami tidak lupa untuk menyatakan di sini dengan semangat keislaman dalam ukhwah dan kerjasama yang kami rasakan dari Institut Pemikiran Islam Antarabangsa di Washington, yang telah memberi perhatian utama kepada buku ini supaya termasuk dalam rangkaian "Kitab al-Ummah", dengan kesatuan matlamat dan tujuan. Kepada Allah kami bermohon agar semua dikurniai keikhlasan dalam beramal dan kebenaran dalam berfikir, sesungguhnya, hanya Dialah Pembimbing ke jalan yang benar.

**'Umar 'Ubaid Hasnah**

# MUQADDIMAH

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
خَاتَمِ النَّبِيِّنَ وَعَلٰى آٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدُعْوَتِهِ وَاهْتَدَى  
بِهِدْيِهِ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ وَبَعْدٍ

Sesungguhnya, penyakit umat Islam pada masa kini sangat kompleks, meliputi seluruh aspek persoalan agama dan dunia. Namun demikian, umat Islam masih dapat meneruskan hidupnya, walaupun bertalu-talu ditimpa oleh pelbagai penyakit yang berbahaya itu. Seandainya sebahagian penyakit ini menimpa bangsa lain nescaya sudah cukup untuk meleburkan bangsa itu. Agaknya punca keselamatan umat Islam hingga dapat bertahan sampai ke hari ini, di samping kelemahannya, ialah adanya Kitab Allāh dan sunnah Rasul-Nya di hadapan mereka di samping doa Nabi-Nya dan istighfar orang-orang soleh dalam kalangan generasi umat ini:

وَمَا كَانَ اللّٰهُ لِيُعِذِّبَهُمْ وَأَنَّ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللّٰهُ مُعَذِّبَهُمْ  
وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٣﴾

*“Dan Allah tidak sekali-kali akan menyeksa mereka, sedang engkau (wahai Muhammad) ada di antara mereka; dan Allah tidak akan menyeksa mereka sedang mereka beristighfar (meminta ampun).”*  
(al-Anfāl, 33)

Antara penyakit yang paling berbahaya yang menimpa umat Islam pada masa-masa yang akhir ini ialah penyakit ‘perselisihan pendapat,’ iaitu perselisihan pada segala sesuatu dan atas segala sesuatu, sehingga meliputi akidah, pemikiran, wawasan dan pendapat, di samping perasaan, tindakan, sikap dan perangai, bahkan sampai kepada uslub-uslub fiqh dan persoalan-persoalan ibadat. Seolah-olah segala perintah dan tegahan yang ada di hadapan umat ini menggesa mereka supaya berselisih pendapat, padahal hakikat yang sebenarnya adalah sebaliknya, kerana Kitab Allāh dan sunnah Rasul-Nya tidak mementingkan sesuatu – selepas tauhid – melainkan memberi perhatian yang utama kepada usaha untuk mengukuhkan

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

perpaduan umat dan membuangkan perselisihan pendapat dalam kalangan mereka, serta mengatasi segala keadaan yang dapat mengeruhkan kemurnian perhubungan antara orang-orang Islam, atau yang merosakkan ukhuwah dalam kalangan mereka.

Kiranya perlu diingat bahawa ajaran Islam tidak mencerca sesuatu dengan keras – selepas syirik kepada Allāh – seperti cercaannya kepada perselisihan umat dan tidak menggalakkan sesuatu perkara – selepas beriman kepada Allāh – seperti galakannya atas perpaduan umat Islam. Perintah-perintah Allāh dan Rasul-rasul-Nya jelas dalam seruannya untuk membentuk umat bagaikan satu tubuh, apabila sebahagiannya merasa sakit, maka seluruh tubuh ikut merasa sakit.

Sementara itu, risalah Islam adalah risalah yang berjejak di atas realiti, berinteraksi dengan manusia mengikut keadaannya di mana Allāh *ta ‘ālā*, Pencipta manusia, yang Amat Mengetahui makhluk yang dicipta-Nya telah menganugerahkan kepada hamba-Nya akal dan kemampuan yang berbeza-beza, yang menyebabkan terjadinya perbezaan pemikiran, pendapat dan pendirian mereka dalam banyak perkara. Oleh yang demikian, Islam mengharapkan agar segala perselisihan pendapat itu tidak sampai mengancam perpaduan umat, supaya diusahakan permuafakatan dan kesatuan pendirian dalam menghadapi persoalan-persoalan besar dan kaedah-kaedah yang asas.

Adapun dalam perkara-perkara *furu’* yang dapat membantu perbezaan pendapat untuk mendapatkan yang lebih utama dan lebih ideal, maka tidak ada halangannya, dengan syarat perbezaan pendapat itu mempunyai garis panduan, undang-undang, kaedah dan adabnya, dan janganlah sampai menjelaskan kesatuan pemikiran umat dan sikapnya terhadap persoalan-persoalan asas. Oleh itu, apakah hakikat perbezaan pendapat itu? Apakah undang-undangnya yang tidak boleh dilanggar? Apakah sebab-sebabnya? Apakah ukuran yang dibolehkan berbeza pendapat? Apakah garis panduan dan adab-adabnya? Apakah cara untuk menghindarkan akibat negatifnya? Inilah perkara-perkara yang akan kita usahakan untuk membahasnya dalam usaha penyelesaian ini, *inshā’Allāh ta ‘ālā*.

Memandangkan pembahagian yang banyak dalam tajuk ini, maka banyak pulalah sumbernya. Dalam bidang mantiq yang bercorak perdebatan, dibahaskan oleh kitab-kitab mantiq khas berkenaan dengan adab-adab perbincangan dan pertukaran fikiran.<sup>1</sup> Manakala dalam bidang ‘*uṣūl* yang dibicarakan oleh kitab-kitab ‘*uṣūl* – yang mengutarakan pembahasan mengenai sebab-sebab perbezaan pendapat,<sup>2</sup> yang mana para ahli ‘*uṣūl* membicarakannya pada

<sup>1</sup> Misalnya: *Matan Ādāb al-Baḥāth*, oleh ‘Aqdāt al-Dīn al-Ījī, wafat tahun 756H. Matan ini kecil, tetapi syarahnya banyak. Selain itu ada lagi susunan Zayn al-Dīn al-Miṣāfi, wafat tahun 1300H, di mana beliau telah menyusun dalam kitab ini sejumlah adab perbincangan dan bertukar fikiran. Demikian juga susunan Tāsh Kubrā Zādah, wafat tahun 968H pengarang kitab yang terkenal *Miftāh al-Sa‘ādah* iaitu merupakan susunan yang terpenting dalam hal ini, di mana beliau menjelaskan hakikat bertukar fikiran dan adab-adabnya dan diringkaskan kepada sembilan perkara. Beliau juga menyatakan apa yang dituntut dari penanya dan pengomentar untuk menggunakan adab ketika bertukar fikiran. Demikian juga kitab yang disusun oleh al-Sayyid Muḥammad al-Amīn al-Shinqīṭī al-Juknī dalam tajuk ini untuk mahasiswa Universiti Islam di Madinah al-Munawwarah.

2 Antara kitab-kitab ini ialah:

- a) Kitab *al-Tanbih ‘Alā Asbāb Allatī Awjabat al-Ikhtilāf Bayn al-Muslimīn fī Ārā’ihim wa Madhāhibihim wa I’tiqādātihim*, oleh Abū ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Sayyid al-Baṭliyūsī, wafat tahun 521 H. Kitab ini telah dicetak dua kali di Kaherah, yang terakhir diterbitkan oleh Dār al-I’tisām, disunting dan diberikan komentar oleh Dr. Aḥmad Ḥasan Kuḥayl dan Dr. Ḥamzah ‘Abdullāh al-Nuṣhratī.
- b) Kitab *Raf‘ al-Malām ‘an al-A’immat al-A’lām*, oleh Shaykh al-Islām ibn Taymiyyah, wafat tahun 728 H. Telah dicetak berkali-kali di Mesir, Shām, India dan Arab Saudi. Kitab yang masyhur dan banyak tersebar.
- c) Kitab *al-Insāf fī Bayān al-Ikhtilāf fī al-Aḥkām al-Fiqhiyyah* oleh Shāh Waliyyullāh Aḥmad bin ‘Abd al-Rahīm al-Fārūqī al-Dahlawī, wafat tahun 1176 H. Dicetak secara bersendirian berkali-kali, dan juga telah dicetak bersama-sama kitabnya yang terkenal; *al-Hujjat al-Bālighah*.

Selain itu, banyak kalangan *muhaddithīn* telah menulis perkara yang penting ini dalam aspek-aspek ‘*uṣūl fiqh*’, antaranya:

- Al-Shaykh ‘Alī al-Khaffīf rahimahullāh yang menulis kitabnya, *Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā’*, sebagaimana yang ditulis oleh Ustādh

sesetengah perbahasan *qiyās*.<sup>3</sup> Dan ada bidang fiqh yang terserlah pada halaman kitab-kitab yang mementingkan perbahasannya dalam lapangan ‘fiqh perbandingan’ atau apa yang dinamakan *al-Khilāfiyyat*.

Adapun contoh-contoh adab boleh didapati daripada kitab-kitab *tabaqāt*, riwayat hidup, perbincangan, sejarah dan sebagainya. Sesungguhnya, kami telah berusaha dalam pembahasan ini mengambil dari sumber, kemudian kami susun bermula dengan mukadimah, enam bab pembahasan dan penutup. Selain itu, kami tambahkan dengan catatan-catatan nota kaki dan komentar, kerana hasrat kami agar setiap keterangan yang kami sebutkan kukuh dan dapat dipertanggungjawabkan berdasarkan sumber-sumbernya yang dipercayai, dan akhirnya kami irangi dengan *faharasat* bagi tajuk-tajuk yang dibicarakan. Kami mohon kepada Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* semoga berkenan memberi taufiq dan pimpinan-Nya, menyatukan umat Islam dan menyatukan hati mereka dalam mencintai-Nya dan mencintai Rasul-Nya dan mengeratkan hubungan kasih sayang antara mereka serta menghilangkan sebab-sebab yang boleh membawa kepada perselisihan. Sesungguhnya, Dia Maha Mendengar dan Maha Memperkenankan.

## **Dr. Ṭāha Jābir al-‘Alwānī**

---

Muṣṭafā Ibrāhīm al-Zulamī untuk tesis doktor falsafahnya tentang: *Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā’ fī al-Ahkām al-Shar‘iyyah*.

- Demikian juga Dr. Muṣṭafā Sa‘īd al-Khan dengan tesisnya tentang *Āthār al-Ikhtilāf fī al-Qawā'id al-Uṣūliyyah fī Ikhtilāf al-Fuqahā'*.
- Dr. ‘Abdullāh al-Turkī dengan tesis Masternya tentang *Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā'*, demikian juga Dr. Muṣṭafā al-Bughā dengan tesis doktor falsafahnya, *Āthār al-Adillah al-Mukhtalaf Fīhā*. Muḥammad Abū al-Fataḥ al-Bayānūnī pula menulis kitab, *Dirāsāt fī al-Ikhtilāf al-Fiqhīyyah*, dan al-Shaykh ‘Abd al-Jalil ‘Isā menulis kitabnya, *Mā lā Yajūz al-Ikhtilāf fī Bayn al-Muslimīn*.

3 Rujukan boleh dibuat dalam pembahasan yang berkaitan dengan *Qawā'id al-'illah wa al-as'ilah al-wāridah 'alā al-qiyās*.

## BAB PERTAMA

# **HAKIKAT PERSELISIHAN PENDAPAT DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN**

# HAKIKAT PERSELISIHAN PENDAPAT DAN PERKARA- PERKARA YANG BERKAITAN

## PERSELISIHAN PENDAPAT (الاختلاف) DAN ILMU MENGENAI PERSELISIHAN PENDAPAT (علم الاختلاف)

Perselisihan pendapat (الاختلاف والخلافة) ialah apabila seseorang melalui satu cara yang berbeza daripada orang lain mengenai perilaku atau pendapatnya. Perkataan الخلاف atau perselisihan membawa erti yang lebih umum daripada الخند atau perlawanan, kerana setiap yang berlawanan mestilah berselisih, tetapi bukan semua yang berselisih itu berlawanan. Dan apabila perselisihan pendapat yang berlaku antara manusia membawa kepada pertengkaran, maka digunakanlah perkataan الاختلاف untuk pertengkaran dan perdebatan. Contohnya seperti yang terdapat dalam Firman Allāh subḥānahu wa ta ‘ālā:

فَلَخَّتْلَفَ الْأَحْزَابُ مِنْ بَيْنِهِمْ... ٣٧

“Kemudian, golongan-golongan (dari kaumnya) itu berselisihan sesama sendiri...” (Maryam, 37)

وَلَا يَرَأُونَ مُخْتَلِفِينَ ١٨ ...

“...dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.” (Hūd, 118)

إِنَّكُمْ لَفِي قَوْلٍ مُخْتَلِفِينَ ٨

“Sesungguhnya kamu berada dalam keadaan berlainan pendapat (mengenai agama yang dibawa oleh Nabi Muḥammad ᷃allAllāhu ‘alayhi wa sallam).” (al-Dhāriyāt, 8)

٩٣ ... إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ

“...sesungguhnya Tuhanmu akan menghukum di antara mereka pada hari kiamat tentang apa yang mereka perselisihan itu.” (Yūnus, 93)

Berdasarkan maksud dalil-dalil di atas, bolehlah dikatakan bahawa الخلاف والاختلاف adalah bermaksud semata-mata perbezaan yang berlaku pada ucapan, pendapat, kelakuan, cara dan pendirian.

Manakala علم الخلاف yang dikenali dalam kalangan *Ahl al-Ikhtīṣāṣ*, ialah ilmu yang membolehkan seseorang memelihara pendapat yang dihasilkan oleh imam-imam mazhab dan menghancurkan setiap pendapat yang berlawanan dengannya tanpa berdasarkan kepada dalil-dalil yang tertentu, kerana seandainya berdasarkan kepada dalil dan menggunakan dalil itu, nescaya seseorang itu berijtihad menggunakan kaedah-kaedah ‘uṣūl. Andaian yang digunakan dalam perselisihan pendapat ini ialah ia tidak membahas dalil-dalil fiqh, tetapi memadai dengan hanya berpegang kepada pendapat imamnya kerana wujud kehendak dan keperluan hukum secara keseluruhan di sisi imamnya. Perkara ini sudah memadai baginya untuk menetapkan sesuatu hukum atau menafikannya.

## PERDEBATAN (الجدل) DAN ILMU BERDEBAT (علم الجدل)

Apabila semakin agresif salah seorang atau kedua-dua yang berselisih dalam ucapan, pendapat atau pendiriannya dan semakin berusaha mempertahankan pandangannya untuk menundukkan pihak lain supaya menerimanya, inilah yang dimaksudkan dengan perdebatan.

Perdebatan (الجدل) menurut bahasa ialah, berunding dengan cara bertengkar dan saling mengalahkan. Perkataan الجدل diambil daripada perkataan جدلت الحبل, yang bererti seseorang memintal tali dengan kukuh, kerana setiap seorang daripada dua orang yang berdebat itu berusaha untuk mengikat hujah lawannya kepada pendapatnya.

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Manakala ilmu berdebat (علم الجدل) ialah ilmu yang berdiri di atas pertentangan dalil-dalil bagi menzahirkan pendapat-pendapat fiqh yang lebih kuat.<sup>1</sup>

Sesetengah ulama mentakrifkannya sebagai ilmu yang digunakan untuk memelihara sesuatu persoalan yang dikehendaki walaupun ia batil; dan menghancurkan sesuatu persoalan yang dikehendaki walaupun ia benar.<sup>2</sup>

Mengikut takrif ini, ilmu perdebatan tidak bergantung kepada dalil-dalil tertentu, tetapi ia adalah kemampuan atau bakat yang diberi kepada seseorang, walaupun dia tidak mempunyai ilmu mengenai al-Qur'an dan al-Sunnah atau yang seumpamanya.

## PERBALAHAN (الشقاق)

Apabila permusuhan antara orang yang berdebat bertambah tegang, yang masing-masing lebih mementingkan kemenangan daripada mencari kebenaran, sehingga persefahaman dan persetujuan antara keduanya tidak mungkin tercapai, maka ketika itu ia dinamakan sebagai perbalahan (الشقاق). Perkataan ini berasal daripada (في شق من الأرض), iaitu tiap-tiap seorang berada pada belahan bumi atau sebahagiannya, seolah-olah satu bumi tidak cukup untuk kedua-duanya tinggal bersama-sama. Dalam al-Qur'an, Allāh *subḥānahu wa ta'ālā* berfirman,

وَإِنْ خَفَتْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا ...  
(٢٩)

*"Dan jika kamu bimbangkan perpecahan antara mereka berdua..."* (al-Nisā', 35)

Ia merujuk kepada perselisihan sengit yang menimbulkan persengketaan, di mana tiap-tiap seorang daripadanya berada pada bahagian yang lain daripada tempat lawannya, maka Allāh *subḥānahu wa ta'ālā* mengeluarkan firman-Nya, iaitu:

1 Lihat kitab *Miftāḥ al-Sa'ādah* (2/599) cetakan Dār al-Hadīthah Mesir dan *al-Ta'rīfāt* oleh al-Jurjānī (66), cetakan al-Halabī.

2 Lihat kitab *Miftāḥ al-Sa'ādah* (2/599) cetakan Dār al-Hadīthah Mesir dan *al-Ta'rīfāt* oleh al-Jurjānī (66), cetakan al-Halabī.

١٣٧ ... فَإِنَّمَا هُمْ فِي شِقَاقٍ

“...sesungguhnya mereka akan tinggal berkekalan dalam perbalahan dan permusuhan (dengan kamu)...”  
 (al-Baqarah, 137)

## PERSELISIHAN PENDAPAT YANG DITERIMA DAN DITOLAK

Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* mencipta manusia dengan pelbagai variasi yang merangkumi perbezaan bahasa, warna kulit, wawasan dan pemikiran. Setiap keadaan ini telah melahirkan pelbagai pendapat dan hukum yang berbeza mengikut siapa yang mengatakannya. Perbezaan bahasa, warna kulit dan rupa kejadian kita merupakan satu tanda daripada kekuasaan Allāh *subḥānahu wa ta’ālā*, begitu juga perbezaan fikiran dan akal serta apa yang dihasilkannya itu pun merupakan tanda daripada kekuasaan Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* yang Maha Tinggi. Sesungguhnya, pembangunan dan kemakmuran bumi ini tidak akan tercapai sekiranya manusia dijadikan sama dalam segala keadaan, kerana setiap sesuatu itu telah diper mudahkan mengikut penciptaan-Nya. Firman Allāh *subḥānahu wa ta’ālā*:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَوْنَ مُخْتَلِفِينَ  
 ﴿١١٨﴾  
 إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ...  
 ﴿١١٩﴾

“Dan kalaularah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan, Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia...” (Hūd, 118-119)

Sesungguhnya, perselisihan pendapat yang berlaku dalam kalangan umat semenjak dahulu hingga ke hari ini adalah merupakan fenomena *tabī‘ī*. Sekiranya umat ini tidak melampaui batasannya, dan sentiasa beradab, nescaya akan melahirkan pelbagai faedah.

## **ANTARA FAEDAH YANG DAPAT DITERIMA**

Sebagaimana yang diterangkan bahawa perselisihan pendapat akan melahirkan beberapa perkara yang positif, sekiranya dipelihara batas-batas dan adab-adabnya. Antaranya ialah:

1. Memberi peluang dan kesempatan – jika niatnya benar – bagi mengenal pasti segala kemungkinan untuk mempergunakan dalil ke atasnya mengikut salah satu cara kaedah penetapan dalil.
2. Perselisihan pendapat adalah latihan berfikir dan pertukaran pandangan serta membuka pelbagai bidang pemikiran untuk sampai kepada pelbagai andaian yang mungkin dapat dicapai oleh pemikiran yang berbeza.
3. Terdapat pelbagai metode penyelesaian dalam menghadapi setiap persoalan bagi mendapatkan penyelesaian yang bersesuaian dengan keadaan dan suasana yang dihadapi supaya selari dengan mudahnya beragama, di mana manusia bergaul dalam kehidupan mereka.

Faedah-faedah berkenaan mungkin akan dapat dicapai sekiranya perselisihan pendapat itu tetap berada dalam batas-batas dan adab-adabnya yang wajib dijaga dan dipelihara. Tetapi, sekiranya batas-batasnya tidak dijaga dan adabnya juga tidak dipelihara, maka ia akan berubah menjadi perdebatan dan perbalahan, yang akan melahirkan gejala-gejala negatif, yang boleh membawa akibat buruk kepada umat. Ketika itu perselisihan pendapat akan bertukar daripada fenomena membina kepada binasa.

## **PEMBAHAGIAN PERSELISIHAN PENDAPAT MENGIKUT FAKTOR-FAKTOR PENGGERAKNYA**

### **PERTAMA** Perselisihan pendapat yang didorong oleh hawa nafsu

Kemungkinan besar perselisihan pendapat ini lahir daripada keinginan untuk mencapai kepentingan diri atau keinginan peribadi. Mungkin juga didorong oleh keinginan untuk menunjuk-nunjuk

kelebihan ilmu atau kefahaman. Perselisihan pendapat jenis ini adalah dicela dalam segala bentuk dan rupanya kerana hawa nafsu berperanan lebih kuat di dalamnya daripada mencari kebenaran, sedangkan hawa nafsu tidak akan membawa kebaikan, malahan membawa seseorang kepada kekufuran. Firman Allāh ta ‘ālā:

...أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوِي أَنفُسُكُمْ  
۝ أَسْتَكْبِرُتُمْ فَقَرِيقًا كَذَّبُتُمْ وَفَرِيقًا قَاتَلُونَ

“...Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombang takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari Rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?” (al-Baqarah, 87)

Hawa nafsu yang terbit daripada orang zalim dapat mengalahkan keadilan di pihak lain. Firman Allāh ta ‘ālā:

۝ ...فَلَا تَتَبِّعُوا هَوَىًّا أَنْ تَعْدِلُوا

“...Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan...” (al-Nisā’, 135)

Hawa nafsu yang menyeleweng dan sesat dapat menyesatkan seseorang. Firman Allāh ta ‘ālā:

۝ ...قُلْ لَا أَتَبْعِي هَوَاءَ كُمْ قَدْ ضَلَّتْ إِذَا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهَتَّدِينَ

“...Katakanlah lagi: “Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turut, sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku dari orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (al-An‘ām, 56)

Hawa nafsu itu adalah lawan ilmu, musuh kepada kebenaran, kerosakan dan jalan menuju kesesatan. Firman Allāh ta ‘ālā:

٦٣ ... وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءِ هُنْمَانِكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ...

“...Dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allāh...” (Sad, 26)

Firman Allāh ta ‘ālā:

٦٤ وَلَوِ اتَّبَعَ الْحُقْقَاهُوَاءَهُنْمَانِ لَفَسَدَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ ...

“Dan kalaalah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang adanya.” (al-Mu’minūn, 71)

Firman Allāh ta ‘ālā:

١١٩ ... وَإِنَّ كَثِيرًا لَيُضِلُّونَ بِأَهْوَاءِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ ...

“...Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan...” (al-An‘ām, 119)

Terdapat pelbagai jenis hawa nafsu dan berbagai-bagai jenis sumbernya. Secara umumnya, ia merujuk kepada keinginan dan kecintaan terhadap diri sendiri. Hawa nafsu inilah yang menjadi punca kepada segala kesalahan dan penyelewengan. Seseorang tidak akan terperangkap dalam hawa nafsunya melainkan setelah ia menganggap penyelewengan itu adalah sesuatu yang betul. Moga Allāh subhānahu wa ta ‘ālā melindungi kita. Boleh jadi perselisihan pendapat yang berlaku dalam kalangan pengikut mazhab dan pembuat *bid‘ah* adalah berpunca daripada penyakit hawa nafsu ini. Bagaimanapun dengan adanya perlindungan Allāh subhānahu wa ta ‘ālā kepada hamba-hamba-Nya, telah dapat memberi pendedahan kepada kita bahawa pengaruh hawa nafsu dapat membawa kepada kesesatan, di mana Allāh subhānahu wa ta ‘ālā telah menyalakan obor iman dalam hatinya, sehingga menampakkan penyelewengan mazhab, pemikiran dan pendirian tersebut. Sebenarnya kebaikan itu masih wujud secara hakiki dalam jiwanya, bahkan gambaran yang digambarkan oleh hawa nafsu itu hanyalah gambaran khayalan

yang tidak pernah wujud melainkan dalam fikiran orang-orang yang terpedaya.

Untuk mendedahkan pengaruh hawa nafsu dalam sesuatu pemikiran memerlukan pelbagai cara. Ada yang bersifat luaran dan ada yang bersifat dalaman:

- a. Cara-cara yang bersifat luaran adalah untuk mendedahkan bahawa hawa nafsu berada di sebalik pemikiran. Perkara yang menjadi asas persoalan dalam perselisihan pendapat itu ialah bahawa ia bertentangan dengan wahyu nyata daripada al-Qur'an atau sunnah. Dengan itu, orang yang mengutamakan kebenaran tidak perlu membuang masa untuk melibatkan dirinya dalam percaturan pemikiran yang bertentangan dengan al-Qur'an dan sunnah.

Pemikiran yang berpunca daripada hawa nafsu bertentangan dengan kehendak akal yang sihat, telah diterima manusia sebagai suatu yang norma. Misalnya pemikiran yang menyeru agar beribadat kepada selain daripada Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*, atau berhukum kepada hukum selain syariat Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* atau menghalalkan zina, mengharuskan pembohongan, menggalakkkan pembaziran. Semua perkara ini adalah lahir dari hawa nafsu yang dipropagandakan oleh mereka yang telah dikuasai pemikirannya oleh syaitan.

- b. Manakala cara-cara dalaman pula adalah mendedahkan bahawa hawa nafsu menjadi taman asuhan pemikiran, iaitu dengan meneliti dan memikirkan secara mendalam sumber pemikiran itu dan bertanya pada dirinya secara jujur, sebab kepada terbinanya pemikiran itu dan pengaruh persekitaran terhadap pendukung pemikiran, dan sejauh mana keteguhan pemikiran sekiranya terjadi perubahan, dan adakah terdapat tekanan yang mendorong seseorang supaya berpemikiran seperti itu? Kemudian tekanan tersebut masuk ke dalam lubuk pemikiran itu sendiri, sekiranya didapati bahawa ia goyah dan tidak kukuh, serta terumbang-ambing antara kuat dan lemah mengikut perasaan tertentu, maka ketahuilah bahawa ia berpunca daripada hawa nafsu dan godaan syaitan. Oleh itu, berlindunglah kepada Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* yang Maha Mendengar lagi Maha

Mengetahui dan bersyukurlah kepada-Nya kerana telah memperlihatkan kepada anda hakikat yang sebenarnya sebelum anda terjerumus ke dalam perangkap hawa nafsu.

**KEDUA Perselisihan pendapat yang berpunca daripada kebenaran**

Kemungkinan juga berlaku perselisihan pendapat bukan disebabkan oleh desakan dan pengaruh hawa nafsu, tetapi perselisihan pendapat yang lahir dari sumber kebenaran iaitu dorongan ilmu, kehendak akal dan desakan iman. Misalnya perselisihan yang lahir dari pendukung iman terhadap pendukung kekufuran, syirik dan nifaq adalah perselisihan yang wajib, yang tidak mungkin dielakkan oleh seseorang Muslim, ataupun ia cuba hendak meniadakannya, kerana ia adalah perselisihan yang didorong oleh iman dan berpunca dari kebenaran. Perselisihan orang-orang Islam terhadap golongan kufur dan golongan atheis seperti; Yahudi, Kristian, Animisme dan Komunisme. Bagaimanapun perselisihan terhadap mereka tidak menghalang untuk melakukan dakwah ke atas mereka bagi menghapuskan sebab-sebab perselisihan itu supaya mereka memeluk Islam, dengan membasmi faktor-faktor perselisihan itu, iaitu kekufuran, syirik, perseteruan, *nifaq*, kerosakan akhlak, *ilhād*, *bid'ah* dan keterlibatan dalam ideologi-ideologi yang merosakkan.

**KETIGA Perselisihan pendapat yang terumbang-ambing antara pujian dan celaan**

Perselisihan jenis ini tidak berpihak sepenuhnya kepada salah satu antara kedua-duanya. Ini merupakan perselisihan pendapat yang berlaku dalam perkara-perkara *furu'*, yang hukumnya berada antara beberapa kemungkinan, di mana sesetengahnya lebih kuat daripada yang lain dengan sebab adanya faktor-faktor yang menguatkan dan sebab-sebab yang tertentu, yang akan diterangkan kemudian, *inshā'Allāh*. Contohnya, perselisihan ulama tentang perkara yang membatalkan wuduk, seperti darah luka dan muntah yang disengajakan. Perselisihan tentang hukum membaca surah di belakang imam, membaca *bismillāh* sebelum al-Fātiḥah, menjaharkan “*āmīn*” dan sebagainya. Perselisihan jenis ini merupakan tempat berlakunya penyelewengan, kerana boleh jadi

berlaku padanya kesamaran di antara hawa nafsu dengan taqwa, ilmu dengan prasangka, yang kuat dengan yang lemah dan yang diterima dengan yang ditolak. Tidak ada jalan untuk menghindarkan diri daripada penyelewengan itu melainkan dengan mengikut kaedah-kaedah yang digunakan dalam perselisihan pendapat, peraturan-peraturan dan adabnya. Sekiranya tidak, ia akan bertukar menjadi perbalahan, pertengkar dan kegagalan, yang boleh menyebabkan orang-orang yang berselisihan pendapat itu tergelincir daripada maqam takwa ke jurang hawa nafsu, dan berlakulah kekacauan, di mana syaitan mengambil peluang memainkan peranannya.

## PENDAPAT PARA ULAMA MENGENAI PERSELISIHAN PENDAPAT

Para ulama memberi ingatan tentang perselisihan pendapat dengan segala jenisnya dan mereka menekankan kewajipan menjauhinya.

Ibn Mas‘ūd *radiyAllāhu ‘anhu* berkata:

الخلاف شرٌ

“Perselisihan itu tidak baik.”<sup>3</sup>

Al-Subkī *radiyAllāhu ‘anhu* berkata, “Bahawa sesungguhnya rahmat itu menghendaki tidak ada perselisihan.”

Firman Allāh *ta ‘ālā*:

... وَلَكِنْ أَخْتَلُفُونَ فِيمَا مَنَّءَ امَنَ وَمِنْهُمْ مَنْ كَفَرَ ...  
٤٥٣

“... Tetapi mereka bertelingkah, maka timbulah antara mereka: orang yang beriman, dan orang yang kafir...”  
(al-Baqarah, 253)

Demikian pula menurut sunnah. Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda:

---

<sup>3</sup> Lihat *Ta’wīl Mukhtalif al-Hadīth* oleh Ibn Qutaybah, hlm. 22, dan *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*, hlm. 78, dan rujuk *al-Maḥṣūl* (2/Q1480).

«إِنَّمَا هَلَكَ بَنُو إِسْرَائِيلَ بِكَثْرَةِ سُوءِهِمْ  
وَاحْتِلَادِهِمْ عَلَى أَنْبِيَاهُمْ»

“Sesungguhnya Banī Isrā’il itu binasa disebabkan banyaknya soalan dan perselisihan mereka terhadap Nabi-nabi mereka.”<sup>4</sup>

Terdapat banyak ayat al-Qur’ān dan hadis berkaitan hal ini. Al-Subkī *rađiy Allāhu ‘anhu* membahagikan jenis perselisihan pendapat ketiga (antara pujian dan celaan) kepada tiga bahagian. Beliau berkata, “Perselisihan pendapat terbahagi kepada tiga: Pertama perselisihan dalam perkara ‘usūl, yang diisyaratkan dalam al-Qur’ān. Sudah pasti ia *bid’ah* dan kesesatan. Kedua mengenai pendapat-pendapat dan peperangan. Ia adalah haram juga, kerana mensiasiakan kemaslahatan. Ketiga mengenai *furu’* seperti perselisihan mengenai halal dan haram dan yang seumpamanya.”<sup>5</sup>

Apa yang dapat dipastikan ialah persetujuan dan persepakatan pendapat mengenai yang ketiga ini lebih baik daripada perselisihan pendapat sebelumnya. Beliau juga menarik perhatian terhadap kata-kata Ibn Ḥazm yang mencela perselisihan mengenai hal ini, kerana

---

4 Terjemahan hadis ini selengkapnya dari Abū Hurayrah, iaitu:

«ذَرُونِي مَا تَرْكُتُكُمْ فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِكَثْرَةِ سُوءِهِمْ، وَاحْتِلَادِهِمْ  
عَلَى أَنْبِيَاهُمْ، فَإِذَا أَمْرَزْتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ  
عَنْ شَيْءٍ فَلَدُعْهُ»

“Biarkanlah apa yang tidak kusebutkan kepada kamu, kerana umat yang terdahulu binasa dengan sebab banyaknya pertanyaan dan perselisihan pendapat mereka terhadap nabi-nabi mereka. Oleh itu bila aku menyuruh kamu melakukan sesuatu buatlah mengikut kesanggupan kamu, dan apabila aku mlarang kamu melakukan sesuatu tinggalkanlah.” Diriwayatkan oleh Aḥmad pada *Musnadnya*, Muslim, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah mengikut *al-Fath al-Kabīr* (2/120) *al-Iḥkām* (5/66).

5 Lihat *al-Ibhāj* (3/13).

beliau tidak menjadikan perselisihan itu sebagai rahmat, tetapi menganggap keseluruhannya sebagai azab.

Memadailah untuk mengetahui tentang bahaya kerosakan yang ditimbulkan oleh perselisihan, bahawa Nabi Hārūn ‘alayhissalām pernah menganggap bahawa bahayanya lebih dahsyat daripada menyembah berhala, iaitu ketika al-Sāmīrī membuat patung anak lembu daripada emas untuk kaumnya, lalu ia berkata kepada mereka:

﴿... هَذَا إِلَهُكُمْ وَإِلَهُ مُوسَىٰ ...﴾

“...Ini ialah tuhan kamu dan tuhan bagi Mūsā...”  
(Tāha, 88)

Maka Nabi Hārūn ‘alayhissalām mengambil sikap berdiam diri menunggu saudaranya Nabi Mūsā ‘alayhissalām kembali. Apabila Nabi Mūsā ‘alayhissalām sampai dan melihat kaumnya menyembah patung anak lembu itu, beliau mencerca saudaranya Nabi Hārūn ‘alayhissalām sekeras-kerasnya, maka tidak ada jawapan saudaranya untuk menyatakan keuzurannya melainkan berkata:

﴿يَبْنُؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِي وَلَا بِرَأْسِي إِنِّي خَشِيتُ أَنْ تَقُولَ فَرَقْتَ بَيْنَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَعْرَقْتَ قَوْلِي﴾

“Nabi Harun menjawab: “Wahai anak ibuku! Janganlah engkau meragut janggutku dan janganlah menarik (rambut) kepalamu. Sesungguhnya aku takut bahawa engkau akan berkata kepadaku: Engkau telah memecah-belahan kaum Bani Israil sesama sendiri, dan engkau tidak berhati-hati mengambil berat pesananku!”  
(Tāha, 94)

Nabi Hārūn ‘alayhissalām menjadikan perpecahan dan perselisihan antara kaumnya sebagai alasan untuk tidak bersikap keras mengingkari dan menentang perbuatan kaumnya, sehingga baginda terpaksa berpisah dengan mereka, sekiranya sikapnya ini tidak berguna kepada mereka.



## BAB KEDUA

# **SEJARAH PERSELISIHAN PENDAPAT DAN PERKEMBANGANNYA**

## SEJARAH PERSELISIHAN PENDAPAT DAN PERKEMBANGANNYA

### PERSELISIHAN PENDAPAT DALAM KALANGAN SAHABAT PADA ZAMAN RASŪLLĀH ᷽ALLĀHÙ ‘ALAYHI WA SALLAM

Pada zaman pemerintahan Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam, tidak ada sesuatu pun yang mungkin membawa kepada berlakunya perselisihan pendapat mengikut pengertian yang telah kita sebutkan. Ini disebabkan Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam menjadi tempat rujukan untuk semua mendapatkan kesepakatan, kerana Baginda ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam adalah pemimpin yang dapat menyelesaikan semua persoalan yang dihadapi. Apabila berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan para sahabat mengenai sesuatu persoalan, mereka akan segera merujuk kepada Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam. Bagi para sahabat yang menghadapi persoalan, tetapi tidak dapat merujuk terus kepada Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam kerana mereka tinggal berjauhan dari Madinah, sedangkan dalam kalangan mereka berlaku perselisihan pendapat, seperti penafsiran beberapa ayat al-Qur’ān dan sunnah yang telah mereka pelajari dan cara perlaksanaannya terhadap peristiwa yang dihadapi, ataupun mereka tidak mendapati nas mengenainya, lalu mereka akan berijtihad dan hasil ijtihad mereka inilah yang akan menimbulkan perselisihan pendapat. Apabila mereka kembali ke Madinah dan bertemu Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam, mereka akan mengemukakan apa yang mereka fahami daripada nas-nas yang ada pada mereka, ataupun hasil ijtihad mereka terhadap persoalan yang dihadapi. Dalam perkara ini Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam akan mengambil sikap sama ada menerima dan memperakuinya, sehingga menjadi sebahagian daripada sunnah ataupun Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam menerangkan kepada mereka jawapan yang benar dan tepat, sehingga mereka puas hati dan menerima ketetapan Rasūllāh ᷽allāhù ‘alayhi wa sallam itu. Dengan itu, selesailah masalah perselisihan pendapat tersebut.

Antara contohnya ialah peristiwa berikut:

### **PERTAMA:**

Apa yang diriwayatkan oleh Imām Bukhārī dan Muslim, bahawa Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah bersabda dalam peperangan Ahzāb:

«لَا يُصَلِّيَنَّ أَحَدُ الْعَصْرِ إِلَّا فِي بَنِي قُرَيْظَةَ»

*“Jangan solat Asar seorang pun melainkan di Banī Qurayzah.”*

Namun, sebahagian daripada mereka mendapati waktu Asar telah masuk ketika mereka masih dalam perjalanan, lalu berkatalah sebahagian daripada mereka, “Kami tidak akan mengerjakan solat Asar sehingga kami sampai di kampung Banī Qurayzah.” Tetapi, yang lain pula berkata, “Bahkan kami akan mengerjakan solat Asar, dan tidak ada apa-apa salahnya.” Perkara ini telah diberitahu kepada Baginda *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tetapi Baginda tidak mencela sesiapa pun di antara mereka.”<sup>1</sup>

Pandangan para sahabat *riḍwānūllāh ‘alayhim* berhubung dengan pendirian mereka mengenai perlaksanaan solat Asar tersebut terbahagi kepada dua; satu golongan berpegang kepada zahir lafaz (seperti yang dikatakan oleh ahli mantiq) atau mengikut istilah ahli-ahli uṣūl Ḥanafiyah dinamakan sebagai *‘ibārah al-naṣ*. Manakala golongan yang satu lagi, mengeluarkan (*istinbāṭ*) daripada nas itu tentang makna tertentu yang terkandung dalamnya.

Sikap Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang bersetuju dengan pandangan kedua-dua golongan itu menjadi bukti bahawa pendapat kedua-dua mazhab itu disyariatkan. Dengan itu, seseorang boleh berpegang kepada zahir nas, dan boleh pula mengistinbāṭkan makna-makna yang terkandung dalam nas itu dan boleh berdalil di atasnya. Tidak ada halangan dan celaan bagi seseorang yang menggunakan segala kesungguhannya untuk itu (berijtihad), sekiranya ia mempunyai keahlian yang diperlukan.

<sup>1</sup> Lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* di tepi syarahnya *Fath al-Bārī* (7/313) dan *Irshād al-Sārī wa al-‘Aynī* (83254) dan *Matan al-Bukhārī* (5/47). Pada kitab *al-Maghāzī*, lebih baik dirujuk pada bab *Ṣalāh al-Khawf* dan Muslim pada kitab *al-Ṣalāh*.

Golongan yang kedua dalam kalangan sahabat tadi memahami bahawa Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* hanya bermaksud untuk menyuruh mereka mempercepatkan perjalanan. Dengan itu, mereka menganggap bahawa mengerjakan solat sebelum sampai di Banī Qurayzah tidak menafikan perintah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* untuk mengerjakan solat di Banī Qurayzah, selagi solat itu tidak melambatkan perjalanan mereka. Pandangan Ibn al-Qayyim *rahimahullāh* tentang perkara ini amat menarik. Beliau telah mengemukakan perselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha yang membenarkan pendapat dua golongan ini dengan menerangkan perbuatan yang lebih afdal daripada kedua-dua golongan itu. Antaranya ada yang berkata; perbuatan yang afdal ialah mengerjakan solat di tengah perjalanan, kerana ia akan mendapat keutamaan mengerjakan solat pada waktunya dan menyahut perintah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*. Manakala yang lain berpandangan bahawa perbuatan yang lebih afdal ialah menta’*khirkhan* solat di Banī Qurayzah.<sup>10</sup>

Saya berpendapat, selagi Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tidak mencela sesiapa pun antara kedua-duanya, maka para fuqaha masih berpeluang untuk membahaskan sunnah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, tetapi mereka tidak boleh mempertikaikan perkara yang telah diputuskan dan diselesaikan oleh Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.

## **KEDUA:**

Hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dan al-Hakīm daripada ‘Amrū bin al-‘Āṣ *radiyAllāhu ‘anhu* katanya: “Aku telah bermimpi pada malam yang sangat sejuk dalam peperangan Dhāt al-Salāsil,<sup>2</sup> maka aku khuatir sekiranya aku mandi aku akan binasa, lalu aku bertayammum, kemudian aku solat Subuh bersama sahabat-sahabatku. Perkara ini telah diberitahu kepada Nabi *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, lalu baginda bertanya, “Ya ‘Amrū, kamu mengerjakan solat dengan sahabat-sahabat kamu sedangkan kamu dalam keadaan junub?” Maka, aku beritahu kepada Nabi *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* akan firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*:

---

<sup>2</sup> Satu tempat di dataran tinggi negeri Shām.

٦٩ ﴿... وَلَا تَقْتُلُو أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾

“... dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.” (al-Nisā’, 29)

Maka, Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tertawa dan tidak mengatakan sesuatu.<sup>3</sup>

## TAKWIL DAN JENIS-JENISNYA

Kita tidak bermaksud menyenaraikan setiap perbezaan yang berlaku dalam kalangan para sahabat *riḍwānullāh ‘alayhim* sama ada semasa pemerintahan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* atau selepasnya, iaitu antara golongan yang berpegang dengan zahir nas atau golongan yang sebaliknya mengikut perbezaan cara masing-masing dalam mengistinbātkan pelbagai makna daripadanya. Perkara ini sudah tentu mengambil masa dan memerlukan berpuluhan-puluhan jilid buku untuk membicarakannya. Para sahabat *riḍwānullāh ‘alayhim* telah memahami melalui peristiwa-peristiwa seumpama itu bahawa agama Islam mempunyai sikap terbuka dan syarak juga memberi peluang kepada kedua-dua cara itu dan mengakui kedua-dua manhaj tersebut.

Para mujtahid yang pakar dan fuqaha yang mahir adalah golongan yang telah berusaha melakukan ijтиhad untuk menerangkan cara yang betul untuk mencapai objektif pensyariatan (*Maqāṣid al-Shari‘ah*). Kadangkala dengan cara mengambil pengertian daripada apa yang ada di sebalik zahir lafaz, iaitu yang dikenali sebagai takwil. Barangkali ada baiknya kita menyentuh persoalan ini dengan mengemukakan serba ringkas jenis-jenis takwil dan garis panduannya.

Dengan mengambil pengertian daripada makna-makna yang ada di sebalik zahir lafaz, maka lahirlah takwil dalam bentuk-bentuk seperti berikut:

---

<sup>3</sup> Lihat *Sunan Abū Dāwūd*, hadis (334) Bab *Idhā khāfa al-Junubu al-Barada*, dan Imām al-Bukhārī meriwayatkannya sebagai *ta‘līq*, lihat *Fath al-Bārī* (1/385) dan *Nayl al-Awṭār* (1/324).

## A. TAKWIL YANG HAMPIR

Iaitu mengetahui sesuatu perkara dengan berfikir secara mudah akan kemungkinan makna yang terkandung oleh sesuatu lafadz itu. Misalnya, dengan menyatakan bahawa memberikan sedekah dengan menggunakan harta anak yatim, atau mendermakan kepada orang lain, atau membinasakannya adalah sama hukumnya dengan memakannya, ataupun sama hukumnya dengan haram ataupun lebih cenderung kepada haram, sepetimana firman Allāh ta ‘ālā:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ  
فِي بُطُونِهِمْ نَارًا ۝  
(١٠)

*“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka...”*  
(al-Nisā’, 10)

Demikian juga, anggapan bahawa kencing dalam bejana kemudian menuangkannya ke dalam air yang bertakung adalah sama dengan kencing terus ke dalam air yang bertakung itu, sebagaimana larangan Baginda *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dalam sabdanya:

«لَا يَبُولَنَّ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ، ثُمَّ يَغْتَسِلُ فِيهِ»

*“Janganlah seorang di antara kamu kencing ke dalam air yang tidak mengalir, kemudian ia mandi di dalamnya.”<sup>4</sup>*

Dengan anggapan bahawa kedua-dua perbuatan itu menyebabkan kotornya air dan menimbulkan was-was.

## B. TAKWIL YANG JAUH

Iaitu pemikiran secara mendalam tentang sesuatu perkara untuk mengetahui akan kemungkinan makna yang terkandung di sebalik sesuatu lafadz itu.

<sup>4</sup> *Muttafaqun ‘alayh*, mengikut kitab *al-Jāmi ‘al-Saghīr* (2/501) sebagaimana juga diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, al-Nasā’ī, Aḥmad, al-Tirmīdhī dan Ibn Mājah mengikut kitab *al-Fath al-Kabīr* (3/352).

Contohnya *istinbāt* Ibn ‘Abbās *rađiyAllāhu ‘anhu*, yang mengatakan tempoh hamil sekurang-kurang enam bulan berdasarkan firman Allāh *ta ‘ālā*:

﴿٥﴾ ... وَحَمْلُهُ وَفَصَلُهُ وَثَلَاثُونَ شَهْرًا ...

“...Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa 30 bulan...” (al-Aḥqāf, 15)

Firman Allāh *ta ‘ālā* seterusnya:

\*وَالْوَلِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ الرَّضَاعَةَ ... ﴿٢٣﴾

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu...” (al-Baqarah, 233)

Demikian juga cara pendalilan Imām al-Shāfi‘ī menggunakan *ijmā‘* sebagai hujah, dengan firman Allāh *ta ‘ālā*:

وَمَنْ يُشَاقِقُ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبَعُ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهُ مَا تَوَلَّ وَنُصْلِيهُ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١٥﴾

“Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.” (al-Nisā’, 115)

Begitu juga pendalilan para ahli *uṣūl* terhadap firman Allāh *ta ‘ālā*:

فَاعْتَرُوا يَأْوِلِي الْأَبْصَرِ ①

“...Maka insaflah dan ambillah pelajaran (daripada peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.” (al-Hashr, 2)

Semua dalil di atas adalah menggunakan *qiyās* sebagai hujah dan kedudukannya sebagai dalil syarak. Ternyata bahawa dalam membuat kesimpulan ini, walaupun nampaknya senang, tetapi tidak mungkin tercapai oleh sesiapa yang tidak cekap berfikir dan tajam pandangannya. Ia memerlukan kita merenung dan berfikir secara mendalam yang tidak mudah bagi golongan awam untuk memahaminya.

### C. TAKWIL YANG DIANGGAP JAUH

Iaitu perkara-perkara yang tidak mungkin terkandung dalam lafadz itu, dan tidak ada pada orang yang mentakwil dalam takwilannya satu jenis pun daripada jenis-jenis *dilālah* (pengertian lafadz kepada makna). Perkara ini dapat dilihat melalui beberapa penafsiran sesetengah golongan terhadap firman Allāh *ta ‘ālā*:

وَعَلِمَتِ وَبِالنَّجْمِ هُمْ يَهْتَدُونَ ١٦

“Dan (Ia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.”  
(al-Nahl, 16)

Mereka mentakwilkan النجم adalah Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, manakala العلامات merujuk kepada para Imām. Begitu juga terhadap penafsiran firman Allāh *ta ‘ālā*:

قُلْ أَنْظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْأَيَكُ  
وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ ١٧

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan

*keesaan Allah dan kekuasaan-Nya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadanya.” (Yūnus, 101)*

Dalam ayat di atas, sesetengah golongan, mereka mentakwilkan الآيات sebagai para imam, dan النبّر sebagai para Nabi.

Demikian juga tafsiran terhadap firman Allāh *ta ‘alā*:

عَمَّ يَسْأَلُونَ ① عَنِ النَّبِيِّ الْعَظِيمِ

“Tentang apakah mereka bertanya-tanya?  
Tentang berita yang besar, (berita kebangkitan manusia hidup semula menerima balasannya).” (al-Nabā’, 1-2)

Sesetengah golongan, mereka mentakwilkan ayat *النَّبِيُّ الْعَظِيمُ* sebagai Imām ‘Alī *raḍiyyaAllāhu ‘anhu*.<sup>5</sup>

## GARIS PANDUAN TAKWIL

Nyatalah daripada keterangan yang telah kita sebutkan bahawa takwil memerlukan sandaran di atas kemampuan berfikir dan memerhatikan secara mendalam perkara-perkara yang dapat digunakan sebagai dalil baginya. Sekiranya tidak, berpegang dengan zahir maknanya adalah lebih selamat. Seseorang tidak boleh memasuki pintu takwil, kecuali dalam perkara-perkara yang disifatkan sebagai persoalan *ijtihādiyyah*. Adapun dalam masalah-masalah *i’tiqādiyyah*, tidak ada ruang untuk berijtihad di dalamnya. Dengan itu, berpegang kepada zahir nas dengan menyerahkan sepenuhnya kepada Allāh *subḥānahu wa ta ‘alā* akan makna yang dimaksudkan dan *kayfiyyatnya* adalah cara yang paling selamat. Inilah pendirian Salaf al-Šālihīn *riḍwānAllāh ‘alayhim*.

---

<sup>5</sup> Lihat *Uṣūl al-Kahfī* (1/16)

Ketika penggunaan takwil sangat diperlukan, memahami nas dan cara penghuraiannya adalah merupakan suatu kemestian, di samping mengetahui segala cara penggunaan *dilālah* yang sesuai dengan pengertian bahasa serta disokong oleh objektif pensyariatan dan dibantu oleh prinsip-prinsip syariat dan kaedah-kaedahnya yang umum. Oleh itu, dalam menetapkan sesuatu hukum dengan memperlakukan nas ke atas zahirnya, atau menganalisisnya untuk mengetahui perkara-perkara yang diperlukan daripada pelbagai cara *dilālah*, merupakan bahagian *ijtihād fiqhīyyah* yang paling penting dan *al-i'tibār al-shar'iyy* yang paling mencabar firman Allāh *subḥānahu wa ta'ālā*:

فَأَعْتَرُوا يَنْأُلِ الْأَبْصَرِ ① ...

“...*Maka insaflah dan ambillah pelajaran (daripada peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.*” (al-Hashr, 2)

Ibn ‘Abbās *radīyAllāhu ‘anhu* ketika menerangkan garis panduan tafsir telah menyebutkan empat cara iaitu:

- Cara yang dikenali oleh orang Arab dalam pembicaraan mereka.
- Cara yang tidak dimaafkan seseorang dengan sebab kejahilannya.
- Cara yang diketahui oleh para ulama.
- Cara yang tidak dapat diketahui melainkan Allāh *subḥānahu wa ta'ālā*.

Berdasarkan yang demikian dan keterangan yang terdahulu mengenai takwil, nyatalah bahawa takwil dan tafsir mempunyai hubungan yang amat erat, malahan antara satu dengan yang lain saling menggunakan istilah *Yang Menurunkan Shari‘at Yang Maha Bijaksana*, seperti firman Allāh *ta'ālā*:

وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّسُولُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ...  
Ⓐ ... اَمَّا بِهِمْ

“...*Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: “Kami beriman kepada danya... ”*” (Āli ‘Imrān, 7)

Kebanyakan ahli tafsir berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan takwil di sini ialah tafsir dan penerangan. Antara mereka ialah Imām al-Tabarī, yang meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās *rađiyAllāhu ‘anhu* dan selainnya daripada para Salaf al-Šālihīn.

Pendapat seperti ini terdapat dalam doa Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* terhadap Ibn ‘Abbās *rađiyAllāhu ‘anhu*:

«اللَّهُمَّ فَقِهْنِي فِي الدِّينِ، وَعَلِّمْنِي التَّأْوِيلَ»

“*Ya Allāh, anugerahkan dia kefahaman dalam agama, dan ajarilah dia ilmu takwil.*”

Baginda Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah menggunakan takwil dengan makna tafsir dan penerangan (*al-bayān*).

Meskipun begitu, sebahagian ulama seperti al-Rāghib al-Asfahānī di dalam kitab *Mufradātnya* menganggap tafsir lebih umum daripada takwil. Namun, beliau mengingatkan bahawa tafsir lebih banyak digunakan untuk menerangkan lafadz dan syarah, manakala takwil pula lebih banyak untuk menerangkan makna dan ayat. Di samping itu, beliau menerangkan bahawa, takwil mengikut kebiasaannya digunakan untuk mengistinbātkan makna daripada nas-nas al-Qur’ān dan sunnah, manakala tafsir meliputi *istinbāt* makna daripada nas-nas al-Qur’ān, sunnah dan yang selain daripada kedua-duanya.

Hubungan yang amat erat antara kedua-dua istilah ini dan penggunaannya dalam al-Qur’ān dan sunnah secara khas, membolehkan kita meminjam garis panduan yang digunakan oleh golongan tertentu sebagai garis panduan bagi penggunaan tafsir untuk kita gunakan sebagai garis panduan bagi takwil.

Antara perkara yang tidak diragukan bahawa telah terbit di dalam al-Qur’ān perkara-perkara yang hanya Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* sahaja yang dapat mengetahui hakikat nama-nama dan sifat-sifat Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*, perincian mengenai perkara yang ghaib dan yang seumpamanya. Demikian juga, ada perkara-perkara yang hanya menjadi pengetahuan Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

sahaja. Dalam perkara-perkara seperti ini, sudah pasti bahawa tidak seorang pun dibolehkan untuk mentafsir atau mentakwilkannya, tetapi diwajibkan baginya mengikut batas-batas yang ditentukan untuknya di dalam al-Qur'ān dan sunnah.

Di samping itu, terdapat juga bahagian ketiga, iaitu yang merupakan ilmu-ilmu yang telah diajar oleh Allāh *subḥānahu wa ta 'ālā* kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* menurut apa yang terkandung di dalam al-Qur'ān, lalu menyuruh Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* mengajarkannya dan menerangkannya. Bahagian ini terdiri daripada dua jenis perkara iaitu:

1. Perkara yang tidak harus diselami melainkan dengan jalan pendengaran, seperti *asbāb al-nuzūl*, *nāsikh* dan *mansūkh* dan selainnya.
2. Perkara yang diambil dengan jalan pemerhatian dan pembuktian, iaitu terdapat dua pendirian dalam kalangan para pakar:
  - a) Sebahagian daripada mereka berselisih pendapat tentang keharusan mentakwilkannya, seperti ayat-ayat tentang nama-nama dan sifat-sifat Allāh. Pendapat Salaf al-Ṣālihīn tidak boleh mentakwilkannya. Inilah pendapat yang sahih.
  - b) Sebahagian lagi daripada mereka sepakat tentang keharusan mentakwilkannya, iaitu mengistinbātkan hukum-hukum syarak daripada dalil-dalilnya yang terperinci, dan inilah yang dinamakan "fiqh."

Dalam hubungan ini, para ulama telah meletakkan beberapa syarat bagi takwil dan tafsir, antaranya:

1. Takwil itu tidak menghilangkan zahir makna yang difahami daripada lafaz mengikut kaedah bahasa Arab dan kebiasaan orang Arab menggunakan kata-kata itu dalam percakapan mereka.
2. Takwil itu tidak bertentangan dengan nas al-Qur'ān.
3. Takwil itu tidak menyalahi kaedah syarak yang telah disepakati antara para ulama dan para Imām.
4. Wajib memelihara tujuan yang ditunjukkan dalam nas dari sudut sebab-sebab turunnya.

Manakala jenis-jenis takwil yang batil dan ditolak pula bolehlah dimasukkan dalam bahagian-bahagian seperti berikut:

1. Takwil dan tafsir yang terbit daripada orang yang tidak mempunyai kelayakan mentakwil disebabkan tidak mempunyai persediaan ilmu yang cukup dalam bahasa Arab dan Nahu dan segala syarat yang diperlukan untuk mentakwil.
2. Takwil perkara-perkara *mutashābihāt* tanpa sandaran yang sahih.
3. Takwil yang dilakukan oleh aliran-aliran yang menyeleweng dan bertentangan dengan zahir al-Qur'ān dan sunnah atau perkara-perkara yang telah disepakati oleh umat Islam.
4. Takwil yang memastikan bahawa ia adalah yang dimaksudkan oleh syarak tanpa ada dalilnya.
5. Takwil yang berdasarkan hawa nafsu, seperti takwil golongan *bāṭiniyyah* dan yang seumpamanya.

Takwil-takwil yang ditolak ini berada di bawah takwil yang dianggap jauh seperti yang telah kami sebutkan terdahulu.

## AHLI IJTIHAD DALAM KALANGAN PARA SAHABAT

Peranan ijтиhad dan kesan-kesan yang timbul daripadanya adalah penting. Oleh itu, hanya para sahabat Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* yang mempunyai kelayakan dan kemampuan sahaja yang boleh mempraktikkannya.

Apabila seseorang yang tidak mempunyai kelayakan dan kemampuan mempraktikkannya dan ternyata ia tersalah, maka Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* akan mengingkarinya dan tidak memperakuinya.

Diriwayatkan daripada Abū Dāwūd dan al-Dāruquṭnī daripada hadis Jābir bahawa beliau berkata, "Kami telah keluar dalam suatu permusafiran, lalu salah seorang antara kami telah luka kepalanya ditimpa batu, kemudian ia bermimpi keluar mani, lalu ia menanyakan sahabat-sahabatnya: Adakah kamu mendapatkan *rukhsah* bagiku

bertayamum? Mereka menjawab: Kami tidak mendapati bagimu *rukhsah*, kerana engkau berkuasa mendapatkan air. Maka ia mandi, lalu mati. Tatkala kami mendatangi Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* untuk menceritakan perkara tersebut maka Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* bersabda:

«قَتْلُوهُ قَتَلَهُمُ اللَّهُ، أَلَا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا فَإِنَّمَا شِفَاءُ  
الْعَيْ السُّؤَالُ، إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَّمَّمُ، وَيَعْصِرَ أَوْ  
يَعْصِبَ - شَكًّا مِنْ رَاوِي الْحَدِيثِ - عَلَى جُزْجِهِ خَرْقَةً،  
ثُمَّ يَمْسَحُ عَلَيْهَا وَيَغْسِلُ سَاعِرًا جَسَدِهِ...»

*“Mereka telah membunuhnya, Allāh membunuh mereka. Hendaknya mereka bertanya sekiranya mereka tidak tahu, kerana ubat bagi yang tidak tahu itu ialah bertanya. Sebenarnya memadailah ia bertayamum dan membalut lukanya, dan menyapunya dan membasuh sekalian tubuhnya...”*

Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* tidak memaafkan mereka yang memberi fatwa dalam kalangan sahabat itu, bahkan mengemar mereka dengan keras, kerana mereka memberi fatwa tanpa asas ilmu dan menganggap mereka sebagai pembunuhan saudaranya. Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* menjelaskan bahawa yang wajib bagi orang seperti mereka yang dalam keadaan jahil dan bingung ialah bertanya, bukan cepat-cepat berfatwa walaupun tidak ada ilmu. Apa yang diingatkan oleh Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* tentang keperluan bertanya adalah selaras dengan apa yang tersebut dalam al-Qur’ān sendiri seperti firman Allāh *ta ‘ālā*:

﴿فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ...﴾

*“...Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.”* (al-Nahl, 43)

<sup>6</sup> Sunan Abū Dāwūd, dalam “Bāb fī al-Majrūh al-Tayammum” hadis (336). Dan diriwayatkan oleh Ibn Mājah, hadis bil. (572) dan disahihkan oleh Ibn al-Sakan. Lihat Nayl al-Awṭār (1/323).

Imām Aḥmad, al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, al-Nasā'ī dan al-Ṭabarānī meriwayatkan daripada Usāmah bin Zayd *radīy Allāhu 'anhu* katanya, “Kami dihantar oleh Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* kepada satu peperangan dan kami sampai di perkampungan Jihaynah. Lalu aku menjumpai seorang lelaki dan dia terus berkata “*Lā ilāha illallāh*,” lantas aku menikamnya. Kemudian timbul sesuatu dalam hatiku, lalu aku sebutkan kepada Nabi *sallAllāhu 'alayhi wa sallam*. Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* bertanya, “Adakah ia mengucap *Lā ilāha illallāh* dan engkau bunuh dia? “Aku berkata, Wahai Rasūlullāh, sesungguhnya ia mengucapkannya kerana takut kepada senjata.”

Rasūlullāh bersabda:

«أَفَلَا شَقِّقْتَ عَنْ قَلْبِهِ، حَتَّىٰ تَعْلَمَ مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ  
قَالَهَا أُمٌّ لَا؟ مَنْ لَكَ بِلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ؟»

“Adakah engkau belah hatinya sehingga engkau tahu sebab yang demikianlah ia mengucapkannya atau tidak? Apakah halmu dengan kalimat *Lā ilāha illallāh* di hari kiamat nanti?”

Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* menyebutnya berulang kali, sehingga aku merasa bahawa aku belum Islam sebelum hari itu.”<sup>7</sup>

Dalam hadis pertama, Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* mengingkari sikap para sahabat yang begitu mudah menerima dalil-dalil yang mewajibkan penggunaan air bagi orang yang berkuasa mendapatinya dengan tidak memerhatikan keadaannya. Mereka tidak mengambil perhatian kepada firman Allāh *ta 'ālā*:

... وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِّنْ  
الْغَابِطِ أَوْ لَمْسَتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءَ فَتَيَّمُّمُوا صَعِيدًا  
○ طَيِّبًا ...

<sup>7</sup> Hadis ini telah datang dengan beberapa perbezaan dalam sesetengah lafaznya, harap dapat diperhatikan di dalam *Sahīh al-Bukhārī* (73398).

“...dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih...” (al-Mā’idah, 6)

Dan mereka tidak bertanya, sedangkan mereka bukanlah dalam kalangan orang yang memperhatikan.

Melalui hadis Usāmah pula, dapatlah difahami bahawa beliau seolah-olah telah mentakwilkan firman Allāh ta ‘ālā:

فَمَنْ يَكُونَ يَنْفَعُهُمْ إِيمَانُهُمْ لَمَّا رَأَوْا بَأْسَنَا ...  
⑧٥٠

“Maka iman yang mereka katakan semasa melihat azab Kami, tidak berguna lagi kepada mereka...”  
(Ghāfir, 85)

Beliau juga menganggap bahawa ayat ini menafikan manfaat di dunia dan akhirat dan ia umum meliputi kedua-dua hal itu, bukan hanya untuk akhirat, seperti yang zahir daripada ayat itu. Barangkali inilah yang menyebabkan Rasūlullāh ᷽allAllāhu ‘alayhi wa sallam mencelanya.

Demikianlah antara fatwa-fatwa para sahabat *rīḍwānūllāh ‘alayhim* yang tidak diperakui oleh Rasūlullāh ᷽allAllāhu ‘alayhi wa sallam.<sup>8</sup>

Sesungguhnya, orang ramai meminta fatwa kepada Nabi ᷽allAllāhu ‘alayhi wa sallam berhubung dengan beberapa kejadian, lalu Baginda memberi fatwa kepada mereka, atau dikemukakan kepada Baginda beberapa persoalan, lalu Baginda menetapkan hukumnya,<sup>9</sup> atau ditunjukkan kepada Baginda perbuatan yang elok, lalu Baginda menganggapnya baik dan menyanjung orang yang melakukannya, atau ditunjukkan kepadanya perbuatan yang bersalahan, lalu Baginda mengingkarinya. Para sahabat belajar daripada Baginda hal-hal demikian, lalu meriwayatkan antara satu dengan yang lainnya sehingga tersebarlah kepada semuanya.

<sup>8</sup> Ibn Ḥazm telah menyenaraikan sejumlah fatwa sahabat yang tidak diperakui oleh Rasūlullāh ᷽allAllāhu ‘alayhi wa sallam. Lihat kitab *al-Iḥkām* (6/84-85) dan rujuk (2/126-127).

<sup>9</sup> Rujuk *Hujjatullāh al-Bālighah* (1/294).

Kadang-kadang berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan mereka, sehingga terjadi perbincangan untuk mencari kebenaran, namun tidak sampai membawa kepada pertengkaran, perbalahan, tuduh-menuduh, dan cerca-micerca, kerana mereka segera kembali kepada al-Qur'an dan sunnah yang memutuskan sebarang perselisihan pendapat tanpa meninggalkan sebarang kesan yang tidak baik kepada saudaranya.

### **PERINGATAN NABI *ŞALLALLĀHU ‘ALAYHI WASSALAM* KEPADА SAHABAT-SAHABATNYA MENGENAI PERSELISIHAN PENDAPAT**

Rasūlullāh *şallAllāhu ‘alayhi wa sallam* menyedari bahawa kelangsungan hidup umat ini bergantung kepada kesatuan hati dalam mencintai Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*, dan kehancurannya adalah berpunca daripada hati mereka yang saling berantakan.

Oleh yang demikian, Rasūlullāh *şallAllāhu ‘alayhi wa sallam* sering mengingatkan supaya perselisihan pendapat yang berlaku tidak sampai merosakkan umat, lalu Baginda bersabda:

«لَا تَخْتَلِفُوا فَتَحْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ»

“Jangan kamu berselisih, nanti berselisih hati kamu.”<sup>10</sup>

Sesungguhnya para sahabat yang mulia berpendapat bahawa perselisihan pendapat tidak membawa kebaikan, sebagaimana yang diucapkan oleh Ibnu Mas'ūd *radiyAllāhu ‘anhu*:

الخلاف شرٌّ

“Perselisihan pendapat itu tidak baik.”

Oleh yang demikian, Rasūlullāh *şallAllāhu ‘alayhi wa sallam* mengungkai benih-benih perselisihan pendapat itu sebelum ia tumbuh. ‘Abdullāh bin ‘Umar *radiyAllāhu ‘anhu* berkata, “Aku berkunjung kepada Rasūlullāh *şallAllāhu ‘alayhi wa sallam* pada suatu hari. Aku mendengar dua orang berselisih pendapat, tentang

10 Diriwayatkan oleh al-Bukhārī mengikut kitab *al-Jāmi‘ al-'aghīr* (2/494).

satu ayat, maka keluarlah Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam, kelihatan pada wajahnya tanda-tanda marah. Lalu Baginda bersabda:

«إِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِاِخْتِلَافِهِمْ فِي الْكِتَابِ»

“Sesungguhnya, telah binasa orang-orang yang terdahulu daripada kamu disebabkan mereka berselisih pendapat mengenai al-Kitāb.”<sup>11</sup>

Al-Nizāl bin Subrah pula pernah mengatakan bahawa beliau ada mendengar ‘Abdullāh bin Mas‘ūd berkata, “Aku mendengar seorang lelaki membaca ayat berbeza dengan apa yang aku dengar daripada Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam, lalu aku pegang tangannya dan aku bawa kepada Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam.” Baginda bersabda:

«كُلَا كُمَا مُحْسِنٌ»

“Kamu berdua sama-sama elok.”

Shu‘bah pula menyangka bahawa Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam bersabda:

«لَا تَخْتَلِفُوا فَإِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ أَخْتَلَفُوا فَهُلَّكُوا»

“Jangan kamu berselisih pendapat, kerana orang-orang yang terdahulu daripada kamu berselisih pendapat, maka hancurlah mereka.”<sup>12</sup>

Di sini Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam mengajar dan memberitahu para sahabat dan generasi selepas mereka akan akibat perselisihan pendapat serta mengingatkan mereka supaya berhati-hati terhadapnya.

Sesungguhnya, Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam mengajar para sahabat *riḍwānullāh ‘alayhim* satu adab yang penting

11 Rujuk *al-Iḥkām fi Uṣūl al-Aḥkām* oleh Ibn Ḥazm (5/66).

12 Rujuk *al-Iḥkām fi Uṣūl al-Aḥkām* oleh Ibn Ḥazm, dan lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam “Bāb Karāhiyyah al-Ikhtilāf” (13/289) dan bab “Nazala al-Qur’ān ‘alā Sab‘ati Ahruf” (9/22-36).

antara adab-adab perselisihan dalam membaca al-Qur'ān khasnya, lalu Baginda bersabda di dalam hadis sahih:

«اْقْرُؤُوا الْقُرْآنَ مَا اتَّفَقْتُ عَلَيْهِ قُلُوبُكُمْ، فَإِذَا  
اَخْتَفَقْتُمْ فِيهِ فَقَوْمُوا»

*“Bacalah al-Qur'ān selagi hati kamu bersatu padu, apabila kamu telah berselisih mengenainya, maka bangunlah kamu.”<sup>13</sup>*

Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* menganjurkan supaya mereka bangun dari al-Qur'ān al-Karīm ketika berselisih pendapat tentang sesetengah huruf bacaan, atau tentang makna yang dimaksudkan daripada ayat yang mulia sehingga tenang jiwa, hati dan perasaan mereka dan hilang faktor-faktor yang menegangkan perdebatan yang membawa kepada pertengkaran dan perbalahan.

Tetapi, apabila hati sudah bersatu dan timbul keinginan yang ikhlas untuk mencari kefahaman, maka mereka boleh meneruskan bacaan dan renungan memikirkan ayat-ayat al-Qur'ān. Kadang-kadang al-Qur'ān al-Karīm mengingatkan mereka tentang adab perselisihan pendapat ketika berlaku dalam kalangan sahabat *rīḍwānAllāh ‘alayhim*. Daripada ‘Abdullāh bin al-Zubayr *raḍiyAllāhu ‘anhu* katanya, “Hampir sahaja dua orang yang baik jatuh ke lembah kecelakaan – iaitu Abū Bakar dan ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhumā*. Kedua-duanya telah meninggikan suaranya di sisi Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* ketika Baginda dikunjungi rombongan Banī Tamīm. Salah seorang menunjukkan al-Aqra‘ bin Ḥabis, manakala yang seorang lagi menunjukkan al-Qa‘qā‘ bin Ma‘bad bin Zarārah. Maka, Abū Bakar berkata kepada ‘Umar, “Engkau hanya ingin menentang aku!” Lalu ‘Umar menjawab dengan suara yang kuat, “Aku tidak ingin menentangmu!” Berikutnya peristiwa ini Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* telah menurunkan ayat:

---

13 Diriwayatkan oleh al-Shaykhān dan Aḥmad di dalam *al-Musnad*, dan al-Nasā’ī mengikut kitab *al-Jāmi‘ al-Saghir* (1/86) dan *al-Fath al-Kabīr* (1/218).

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ ... ﴿٦﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi...”  
(al-Hujurāt, 2)

Ibn al-Zubayr berkata bahawa selepas ayat ini ‘Umar *radiyAllāhu anhu* sentiasa mencari kefahaman apabila memperdengarkan bacaan ayat kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.<sup>14</sup>

### PANDUAN ADAB PERSELISIHAN PENDAPAT PADA ZAMAN NABI *ṢALLALLĀHU ‘ALAYHI WA SALLAM*

Dalam konteks perbincangan terdahulu mungkin kita dapat menyimpulkan panduan adab perselisihan pendapat pada zaman Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* seperti berikut:

1. Para sahabat *rīḍwānAllāh* ‘alayhim berusaha untuk tidak berselisih pendapat seboleh mungkin. Oleh itu, mereka menghindarkan diri daripada memperbanyakkan soalan dan perincian.<sup>15</sup> Malahan mereka menyelesaikan sebarang peristiwa yang berlaku di bawah naungan petunjuk Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*; Penyelesaian persoalan yang berlaku, mengikut adatnya, tidak memberi peluang yang besar untuk berdebat, apalagi untuk berbantah dan berbalah.
2. Apabila perselisihan pendapat berlaku, meskipun usaha untuk menghindarinya dijalankan, mereka akan segera merujuk perkara yang diperselisihkan itu kepada al-Qur’ān dan sunnah. Hilanglah segala perselisihan.
3. Mereka segera bersikap tunduk dan komited terhadap hukum Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* dan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dengan penerimaan dan penyerahan yang sepenuhnya.
4. Tindakan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* membetulkan perkara yang mereka selisihkan dalam kebanyakan perkara dapat ditakwilkan, di mana masing-masing mempunyai

14 Hadis ini adalah di sisi al-Bukhārī, lihat nota kaki syarahnya *al-Fath* (8/66 dan 454) dan (13/235).

15 Sebaliknya rujuk *al-Fath al-Bārī* (12/219-228).

perasaan bahawa pendapat saudaranya boleh jadi benar seperti anggapannya terhadap pendapatnya sendiri. Perasaan ini cukup sebagai jaminan untuk menghormati pendirian masing-masing dan menghindari sikap fanatik terhadap sesuatu pendapat.

5. Beriltizam dengan sifat takwa dan menjauhi hawa nafsu, dengan menjadikan kebenaran satu-satunya tujuan mereka berselisih pendapat, di mana tidak penting bagi mereka siapakah antara kedua-dua mereka yang dapat menzahirkan kebenaran, sama ada melalui lisannya ataupun melalui lisan saudaranya.
6. Beriltizam dengan adab-adab Islam dengan memilih kata-kata yang baik dan menghindari kata-kata yang tajam antara mereka yang berselisih, berserta dengan sikap yang baik sewaktu mendengar pendapat masing-masing.
7. Menghindari pembicaraan yang panjang dengan berusaha sejauh mungkin agar dapat menepati asas persoalan yang dibincangkan. Cara ini dapat memberi kesan kepada pendapat masing-masing tentang sikap kesungguhan dan saling menghormati. Cara ini dapat mendorong pihak lawan yang berbeza pendapat dengannya untuk menerima pendapat, atau berusaha untuk mendahulukan pendapat yang lebih baik.

Demikianlah panduan-panduan berkaitan dengan adab perselisihan pendapat yang dapat kami utarakan dan dapat simpulkan daripada peristiwa-peristiwa perselisihan pendapat yang berlaku pada zaman kerasulan.

## **ADAB PERSELISIHAN PENDAPAT PADA ZAMAN SAHABAT**

Sesetengah kitab sejarah berusaha menggambarkan generasi sahabat *riḍwānūllāh ‘alayhim* dengan gambaran yang menjadikan masyarakat umum berpandangan bahawa, generasi yang demikian bukan sahaja istimewa, bahkan generasi tersebut adalah amat mustahil untuk berulang. Cara seperti ini memberi kesan yang tidak baik kepada Islam, dan tidak kurang buruknya dengan pendapat orang-orang sesat yang menyangka bahawa bermula kehidupan Islam di bawah naungan al-Qur’ān dan sunnah selepas zaman sahabat adalah satu

perkara yang mustahil, yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh sesiapa. Pendapat ini mematikan cita-cita yang mula bersemarak dalam jiwa, yang sentiasa mengharapkan lahirnya kehidupan yang ideal berdasarkan syariat Islam yang maha suci.

Sesungguhnya, para sahabat *ridwānūllāh ‘alayhim* adalah umat yang telah berjaya dibina dan dibentuk oleh al-Qur’ān dan sunnah. Kita juga mampu membina umat *Rabbāniyyah* pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sekalipun, sekiranya al-Qur’ān dan sunnah dijadikan manhaj dan jalan, serta bertindak dengan keduanya sebagaimana para sahabat *ridwānūllāh ‘alayhim* melakukannya, dan akan menaungi mereka sehingga hari kiamat. Dakwaan yang menganggap mustahil bagi generasi yang awal itu berulang lagi adalah semata-mata menampakkan kelemahan kita terhadap al-Qur’ān dan sunnah. Ini juga merupakan percubaan untuk mengukuhkan pendapat bahawa kesan positif al-Qur’ān dan sunnah terhadap kehidupan manusia bergantung kepada suasana dan tempat yang tertentu, sedangkan zaman kita hari ini telah menjangkaunya dengan sistem hidup yang telah dicipta untuk dirinya. Pandangan hidup seperti ini membawa orang kepada kekufuran yang nyata.

Sesungguhnya, para sahabat Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah berselisih pendapat dalam banyak perkara. Perselisihan pendapat seumpama ini telah berlaku semasa hayat Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, maka bagaimana pula perselisihan pendapat tidak boleh berlaku selepas Baginda? Memang sudah berlaku! Namun, ada sebab-sebabnya dan mengikut adab-adabnya. Antara perkara-perkara yang menimbulkan perselisihan pendapat mengenainya adalah perkara-perkara yang amat penting, seperti berikut:

**A. PERSELISIHAN PENDAPAT ANTARA PARA SAHABAT MENGENAI KEWAFATAN RASŪLULLĀH *SALLALLĀHU ‘ALAYHI WA SALLAM***

Perselisihan pendapat yang mula wujud dalam kalangan para Sahabat *ridwānūllāh ‘alayhim* selepas wafatnya Nabi *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* ialah mengenai hakikat kewafatan Baginda. Ini kerana Sayyidinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb berkeras menyatakan bahawa Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tidak wafat. Beliau menganggap bahawa pendapat yang mengatakan Baginda telah

wafat hanya merupakan berita sensasi yang berniat jahat, hanya sengaja disebarluaskan oleh kaum *munāfiqīn*, sehingga Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu* tiba dan membacakan firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* kepada orang ramai:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَيْأَنْ مَاتَ  
أَوْ قُتِلَ أَنْقَبَتْمُ عَلَى أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَى عَقَبَيْهِ فَلَنْ  
يُضِرَّ اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ أَلَّا شَكَرَينَ ﴿١٤٤﴾

*“Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)”* (Āli ‘Imrān, 144)

Dan firman Allāh *ta‘ālā*:

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ ﴿٣٠﴾

*“Sesungguhnya, engkau (wahai Muhammad) akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati.”* (al-Zumar, 30)

Lantas pedang terjatuh dari tangan ‘Umar, lalu beliau tersungkur ke bumi dengan penuh keyakinan bahawa Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah terpisah daripada mereka dan wahyu telah terputus. Dan beliau memperkatakan mengenai ayat yang dibaca oleh Abū Bakar iaitu, “Demi Allāh, seolah-olah aku tidak pernah membacanya.”<sup>16</sup>

16 Lihat *al-Iḥkām* (2/125), dan *Tafsīr Ibn Kathīr* (4/52). Rujuk juga *Tafsīr al-Tabarī* (24/302) dan *Sīrah Ibn Hishām* (2/655).

Ibn ‘Abbās *rađiyAllāhu ‘anhu* meriwayatkan tentang Sayyidinā ‘Umar bercerita kepadanya bahawa ketika itu pada zaman pemerintahannya: “Wahai Ibn ‘Abbās, adakah kau tahu apa yang mendorong aku mengucapkan perkataan seperti yang kuucapkan ketika wafatnya Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*?” Aku menjawab, “Aku tidak tahu wahai Amīr al-Mu’minīn, engkau lebih tahu.” Lalu beliau berkata, “Sebenarnya yang mendorong aku mengucapkan perkataan yang sedemikian ialah kerana aku membaca ayat ini,

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أَمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ  
وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا...<sup>١٤٣</sup>

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu...”  
(al-Baqarah, 143).

“Demi Allāh, aku menyangka bahawa Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* akan kekal berada di tengah-tengah umatnya sehingga Baginda menjadi saksi amal perbuatan umatnya sampai ke akhirnya. Inilah yang mendorong aku mengucapkan apa yang telah ku ucapkan itu.”<sup>17</sup> Seolah-olah ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* telah berijtihad tentang makna ayat yang mulia itu dan telah memahami bahawa yang dimaksudkan dengan ayat tersebut ialah: penyaksian di dunia. Dengan itu, ia menghendaki Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* kekal hingga ke hari kiamat.

## B. PERSELISIHAN PENDAPAT ANTARA PARA SAHABAT TENTANG PUSARA RASŪLULLĀH ṢALLALLĀHU ‘ALAYHI WA SALLAM

Para sahabat berselisih pendapat mengenai tempat yang sewajarnya Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dimakamkan. Ada yang

17 *Sīrah Ibn Hishām* (2/661-666). Ada diriwayatkan beliau mengucapkan yang demikian ketika memberi baiah kepada Abū Bakar di masjid.

berkata, “Kita makamkan Baginda di dalam masjid.” Ada pula yang berkata, “Kita makamkan Baginda bersama-sama sahabat-sahabatnya.” Lalu Abū Bakar *radiyAllāhu ‘anhu* berkata, “Aku mendengar Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda,

«مَا قِبْضَ نَبِيٍّ إِلَّا دُفِنَ حَيْثُ يُقْبَضُ»

*“Tidaklah diwafatkan seorang Nabi melainkan dimakamkan di tempat ia diwafatkan.”*

Maka, diangkatlah tikar tempat Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* wafat dan digalilah pusara untuknya.<sup>18</sup>

Perselisihan pendapat yang timbul daripada dua persoalan penting ini selesai dengan merujuk kepada al-Qur’ān dan sunnah.

### C. PERSELISIHAN PENDAPAT PARA SAHABAT MENGENAI KHALIFAH RASŪLULLĀH *SALLALLĀHU ‘ALAYHI WA SALLAM*

Sesungguhnya, para sahabat telah berselisih pendapat tentang siapakah yang berhak mengambil alih jawatan khalifah, adakah di pihak Muḥājirīn atau di pihak Anṣār? Apakah ia menjadi hak untuk seorang individu atau lebih daripada seorang? Demikian juga tentang keperluan yang mesti ada bagi seorang khalifah, mestikah ia bersikap seperti Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang mempunyai sifat sebagai seorang hakim dan Imām bagi kaum Muslimin ataupun kurang dan berbeza daripadanya?

Ibn Ishāq berkata, “Tatkala Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* wafat, satu golongan daripada Anṣār memihak kepada Sa‘ad bin ‘Ubādah di Saqīfah Banī Sā‘idah, sedangkan ‘Alī bin Abī Ṭālib, al-Zubayr bin al-‘Awwām dan Ṭalḥah bin ‘Ubaydillāh mengasingkan diri di rumah Fāṭimah, manakala bakinya orang-orang Muḥājirīn berpihak kepada Abū Bakar disertai oleh Usayd bin Ḥuḍayr di Banī ‘Abd al-Ashhal.”<sup>19</sup>

18 *Sīrah Ibn Hishām* (2/661-666). Ada diriwayatkan beliau dan *Sunan al-Tirmidhī*, hadis no. (1018).

19 *Sīrah Ibn Hishām* (2/656)

Fitnah besar hampir berlaku dan seandainya berlaku dalam keadaan seperti itu ia bukanlah suatu yang sangat menghairankan kerana kekosongan yang ditinggalkan oleh sahsiah agung seperti Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* di tengah-tengah umat, di mana Baginda sebagai Nabi dan Pemimpin Agung, bukanlah mudah untuk mengisi kekosongan itu. Tambahan pula, dalam kalangan mereka ada orang-orang seperti ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* yang telah berkeras mengatakan bahawa mustahil Nabi Muhammad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* wafat dalam suasana seperti itu. Manakala setiap orang sangat mencintai Baginda hingga melebihi cinta mereka terhadap diri sendiri. Merekalah yang berebut-rebut mengambil titisan air wuduk Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* sebelum sempat jatuh ke bumi. Setiap titisan air wuduk Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang jatuh akan disambut oleh tangan para sahabat. Para sahabat yang paling mencintai Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dalam kalangan umat di atas muka bumi ini. Barangkali tidak ada seorang pun yang sanggup bertentang mata dengan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* disebabkan cinta yang mendalam dan kehebatan peribadi Baginda yang memenuhi hati dan sanubari mereka, di samping kerendahan hati dan ketinggian budi Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang tidak terperi. Maka, jika terjadi satu kejutan yang menggemparkan dengan berita kewafatan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* adalah wajar apabila ramai antara mereka kehilangan pertimbangan dan kewarasan, dan memang ia sudah berlaku. Mengapa tidak? Kerana Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang memimpin tangan mereka untuk mencapai kemuliaan dunia dan kebahagiaan akhirat. Namun demikian, mereka dapat mengatasi kepiluan hati berpisah dengan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dengan membaca ayat:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَقْتَ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَيْ أَنْ مَاتَ  
أَوْ قُتِلَ أَنْ قَاتَلْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ  
يَضُرَّ اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿٦٤﴾

“Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul  
yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul

(yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu). ” (Āli ‘Imrān, 144)

Lalu mereka membulatkan tekad untuk menyusun perpaduan, memelihara risalah abadi dan menghindarkan sebab-sebab berlakunya fitnah.

Memang benar kepimpinan yang nyata adalah bagi Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu*, kemudian ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu*. Tidak ada antara umat Islam yang tidak mengakui ketokohan kepimpinan mereka. Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu* adalah wazir, sahabat, teman hijrah di samping menjadi ayah kepada isteri Baginda yang sangat berpengaruh. Beliaulah orang yang tidak pernah ditinggalkan oleh Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dalam sebarang perkara yang penting. Manakala ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu*, siapakah dia? Sesungguhnya, Islamnya ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* menjadi kekuatan kepada Islam, hijrahnya merupakan tamparan bagi musyrikin dan pendapatnya mendapat sokongan daripada Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*. Banyak sekali disebut kata-kata seperti:

جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَهُ  
أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرٌ

“Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah datang, bersama-samaanya Abū Bakar dan ‘Umar.”

dan,

ذَهَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَهُ أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرٌ

“Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah pergi, bersama-samaanya Abū Bakar dan ‘Umar.”

dan,

غَزَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَهُ  
أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرَ

*“Rasūlullāh ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam telah berperang, bersama-sama Abū Bakar dan ‘Umar.”*

Semua ini telah meringankan pengalaman pahit dalam peristiwa sedih yang menggongangkan hati dan sanubari, di samping kekosongan perasaan menghadapi peristiwa ini yang membawa kepada ketidakstabilan perasaan, adalah suatu perkara yang tidak mudah untuk mengatasinya. Namun, mereka yang telah menjalani tarbiyyah di bawah naungan nubuwah dan adab-adabnya telah memimpin mereka dengan bijaksana untuk menghadapi segala keadaan, iaitu dalam keadaan bersepakat dan dalam keadaan berbeza pendapat – bahkan dalam setiap persoalan daripada pelbagai persoalan kehidupan. Adab-adab nubuwah ini adalah jaminan pencegahan untuk menolak segala bahaya yang mungkin berlaku, untuk menjaga risalah dan memelihara perpaduan ummah, serta memastikan setiap perkara yang berlaku itu berjalan seperti pada zaman Rasūlullāh ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam. Para perawi meriwayatkan, “Seseorang datang kepada Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu* dan ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* lantas berkata, “Bahawa satu golongan daripada Anṣār telah pergi memihak kepada Sa‘ad bin ‘Ubādah di Saqīfah Banī Sā‘idah. Sekiranya kamu mempunyai hasrat untuk menguruskan orang ramai ini pergilah temui mereka sebelum perkara ini menjadi urusan yang sukar untuk diselesaikan.”

Berita ini sampai kepada Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu* dan ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu*, sedangkan urusan jenazah Rasūlullāh ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam belum selesai dan belum dimakamkan. ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* kemudian berkata kepada Abū Bakar, “Mari kita pergi kepada saudara-saudara kita dari kaum Anṣār itu supaya kita dapat melihat apa yang terjadi.” Kemudian Sayyidinā ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* terus bercerita, “...Sesungguhnya, orang-orang Anṣār telah membelakangkan kita dan mereka berkumpul bersama pemimpin-pemimpin mereka di Saqīfah Banī Sā‘idah, marilah pergi menemui mereka, sehingga lah kami menjumpai dua orang soleh,

lalu menyebutkan kepada kami apa yang telah mereka lakukan.” Kedua-duanya berkata, “Hendak ke mana kamu wahai sekalian kaum Muḥājirīn?” Kami menjawab, “Kami hendak berjumpa dengan saudara-saudara kami kaum Anṣār.” Kedua-duanya berkata, “Janganlah hampiri mereka, wahai kaum Muḥājirīn! Selesaikanlah urusan kamu!” ‘Umar berkata, “Aku katakan, demi Allāh kami akan menjumpai mereka, lalu kami pergi sehingga kami menemui mereka di Saqīfah Banī Sā‘idah. Tiba-tiba di hadapan kami muncul seorang yang berselimut, lantas aku berkata, “Mengapa dia?” Mereka menyahut, “Dia sakit!” Tatkala kami duduk, kami saksikan ucapan yang disampaikan oleh jurubicara mereka... di mana ia menyebutkan perjuangan Anṣār dan kelebihan mereka serta alasan mengapa mereka lebih berhak akan jawatan khalifah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* berbanding selain daripada mereka.”

Dalam hubungan ini perlu direnungkan bahawa kaum Anṣār adalah penduduk negeri itu. Merekalah golongan majoriti mutlak – mengikut istilah sekarang. Merekalah yang telah memberi tempat kediaman dan pertolongan, yang menduduki kota Madinah dan yang beriman dan membuka hati mereka kepada Islam. Tidak ada seorang Muḥājirīn pun yang tidak menerima kebaikan daripada saudara Anṣārnnya. Seandainya ada nas yang pasti daripada al-Qur’ān dan sunnah mengenai persoalan khalifah ini, nescaya selesailah persoalannya untuk sama-sama kita menerima dan nescaya tidak akan terjadi perselisihan pendapat. Akan tetapi, tiada nas tentang perkara tersebut melainkan hanya menggunakan kepandaian dalam menggunakan kebijaksanaan dan pengalaman serta adab perbezaan pendapat dan perbincangan yang membina akal fikiran yang tenang berdasarkan kemampuan mengawal perasaan antara kedua-dua belah pihak supaya dapat melepassi ujian yang berat dan seterusnya mengatasi krisis yang amat mencabar.

Demikian cerita Sayyidinā ‘Umar *radiyAllāhu ‘anhu* dan seterusnya beliau menambah, “Apabila jurubicara Anṣār diam, aku ingin bercakap untuk menyampaikan ucapan yang telah aku sediakan dengan sebaik-baik ucapan yang paling menarik hatiku. Tiba-tiba Abū Bakar *rađiyAllāhu ‘anhu* berkata, “Nanti dahulu wahai ‘Umar!” Aku khuatir beliau marah, lalu aku biarkan beliau bercakap, yang memang beliau lebih alim dan lebih tenang daripada aku. Demi Allāh, beliau tidak meninggalkan satu kalimat

pun yang aku sediakan yang menarik perhatianku, melainkan telah diucapkannya dengan bersahaja, sama dengannya ataupun lebih baik daripadanya, sampailah beliau diam. Antara yang disebut oleh Abū Bakar, “Adapun yang kamu sebutkan tentang kebaikan-kebaikan kamu memang benar adanya.” Dan beliau memuji pengorbanan mereka terhadap agama dan saudara-saudara mereka kaum Muḥājirīn. Malahan beliau menyebutkan kebaikan dan perjuangan mereka yang tidak disebut oleh jurubicara mereka tadi. Selepas itu, beliau menyentuh persoalan utama yang diperkatakan oleh jurubicara Anṣār tadi, iaitu bahawa persoalannya bukan hanya terbatas di kota Madinah sahaja, tetapi meliputi seluruh Jazīrah ‘Arab yang telah masuk Islam. Apabila orang-orang Muḥājirīn yang tinggal di Madinah dapat menyerahkan jawatan khalifah itu kepada saudara-saudara mereka daripada kaum Anṣār, yang mereka mengenali kebaikannya, maka orang-orang Arab yang lainnya tidak akan bersedia menyerahkannya kepada selain daripada orang Quraysh, maka terjadilah perpecahan yang akan menghalang perkembangan Islam keluar Jazīrah ‘Arab. Dengan itu, untuk kepentingan dakwah dikehendaki supaya jawatan khalifah itu dilantik daripada orang Quraysh, demi kesinambungan risalah, perpaduan ummah dan perkembangan Islam. Kemudian beliau menyuruh salah seorang memilih salah seorang antara dua orang Quraysh yang tidak dipersoalkan kebaikannya, iaitu ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* dan Abū ‘Ubaydah. Manakala beliau (Abū Bakar) sendiri yang melucutkan diri daripada jawatan itu.”

Sayyidinā ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* kemudiannya berkata, “Tidak ada yang aku benci semua yang diucapkan oleh Abū Bakar kecuali pencalonannya terhadap ‘Umar dan Abū ‘Ubaydah. Sesungguhnya demi Allāh, bahawa aku datang, lalu engkau pukul tengkukku (untuk memaksa aku) nescaya perkara itu tidak akan menghampirkanku kepada dosa, lebih aku suka daripada aku diangkat menjadi Amīr pada satu kaum yang di situ ada Abū Bakar.”

Kemudian jurubicara lain daripada golongan Anṣār bangun mengulangi persoalan utama yang diperkatakan oleh jurubicara pertama tadi... lalu dia berkata, “Daripada kami seorang Amīr, dan daripada kamu pun seorang Amīr, hai kaum Quraysh.” Kemudian ‘Umar berkata, “Terjadi kekacauan, hiruk-pikuk sehingga aku takut

akan terjadi perselisihan.”<sup>20</sup> Lalu aku berkata, “Hulurkan tanganmu wahai Abū Bakar,” maka, beliau menghulurkan tangannya, lantas aku membai‘ahkannya, kemudian orang-orang Muḥājirīn dan Anṣār memberikan baiah kepadanya.”<sup>21</sup> Hampir sahaja Sa‘ad bin ‘Ubādah *raḍiyAllāhu ‘anhu*, calon Anṣār itu, terbunuh dalam keadaan berasak-asak itu. Sesungguhnya, orang ramai berasak-asak untuk membaiah Abū Bakar sehingga hampir mereka membunuh Sa‘ad tanpa menyadarinya.”<sup>22</sup>

Demikianlah kemampuan para sahabat *riḍwānAllāh ‘alayhim* menyelesaikan perselisihan pendapat tanpa meninggalkan sebarang kesan yang tidak baik dalam hati sanubari mereka dan bersatu padulah orang-orang Islam untuk meneruskan penyebaran risalah kebenaran mengikut apa yang dikehendaki oleh Allāh *ta ‘ālā*.

#### D. PERSELISIHAN PENDAPAT DALAM MEMERANGI ORANG YANG ENGGAN MEMBAYAR ZAKAT

Ini merupakan perkara penting yang keempat yang membawa kepada perselisihan pendapat dalam kalangan para sahabat. Mereka juga telah berjaya mengatasinya dengan niat yang jujur, di samping mengikuti dengan setia segala adab perselisihan pendapat. Sesudah Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu* dilantik menjadi khalifah menggantikan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, didapati sesetengah daripada kabilah yang baru sahaja memeluk Islam telah murtad dan diikuti juga oleh sesetengah orang yang mendakwa kenabian, seperti Musaylamah al-Kadhdhāb dan lain-lain.

Sebagaimana sesetengah kabilah enggan menunaikan solat dan membayar zakat, terdapat sesetengah kabilah enggan membayar zakat sahaja. Keengganan mereka membayar zakat ini adalah disebabkan oleh kedegilan dan keangkuhan mereka untuk membayarnya kepada Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu*. Di samping itu, syaitan juga mempermainkan mereka dengan penafsiran yang salah, di mana mereka menyangka bahawa pada asasnya zakat ini dibayar kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, kerana hanya nama Baginda *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang tercatat dalam kitab

20 Maksudnya pertengkar dan perbalahan.

21 Lihat *Sīrah Ibn Hishām* (2/656-661)

22 *Ibid.*

untuk tugas mengambil dan membalaunya kepada mereka dengan penyucian dan penyuburan serta mendoakan mereka seperti dalam firman Allāh *ta’ālā*:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزِّيَّنُهُمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ  
إِنَّ صَلَوةَكَ سَكُونٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ ۱۰۳

“Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya engannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”  
(al-Tawbah, 103)

Orang-orang yang enggan membayar zakat itu lupa atau sengaja lupa bahawa Kitab ini bukanlah terbatas kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* sahaja, tetapi meliputi juga orang yang mengendalikan urusan selepasnya, kerana Kitab yang ditujukan kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* adalah disebabkan sifatnya sebagai hakim dan imam bagi kaum Muslimin. Sesungguhnya, mengambil zakat daripada ahlinya dan menyerahkannya kepada orang yang berhak menerimanya adalah termasuk di bawah peraturan dan pentadbiran masyarakat, sama seperti menjalankan undang-undang dan seumpamanya, iaitu berpindah tanggungjawabnya kepada orang yang bertugas menguruskan kaum Muslimin selepas Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* sebagai penganti daripada umat.

Sebagaimana tiap-tiap Muslim telah baiahnya Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* untuk menuaikan solat dan mengeluarkan zakat tanpa membuka ruang untuk memisahkan antara solat dengan zakat, maka khalifah yang pertama telah memberikan perhatian berat untuk meneruskan perjalanan Islam sebagaimana yang berjalan pada zaman Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*. Dengan itu, Sayyidinā Abū Bakar al-Ṣiddīq *radiyAllāhu ‘anhu* memutuskan untuk memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat untuk mendorong mereka bertaubat, menuaikan zakat dan kembali kepada lingkungan peraturan Islam serta komited dengan

setiap perkara yang telah mereka berikan baiahnya kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.<sup>23</sup>

Ketika berdepan dengan pendirian yang telah diambil oleh khalifah yang pertama ini, terjadilah perselisihan pendapat antara beliau dengan Sayyidinā ‘Umar *radiyAllāhu ‘anhu*, yang berpendapat bahawa pada peringkat permulaan seperti ini kita tidak harus memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat. Abū Hurayrah *radiyAllāhu ‘anhu* pun berkata: “Tatkala Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* wafat, Abū Bakar *radiyAllāhu ‘anhu* menghadapi orang-orang kufur (murtad) dalam kalangan orang-orang Arab, maka ‘Umar *radiyAllāhu ‘anhu* berkata, “Mengapa engkau memerangi manusia, sedangkan Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah bersabda:

«أَمْرُتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَقُولُوا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. فَمَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَقَدْ عَصَمَ مِنِّي مَا لَهُ وَنَفْسَهُ إِلَّا بِحَقِّهَا، وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى»

*“Aku diperintahkan memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan Lā ilāha illallāh. Sesiapa yang mengucapkannya, terpeliharalah harta dan jiwanya daripadaku melainkan dengan haknya dan perkiraannya terpulang kepada Allāh ta ‘ālā.”*

Lantas Abū Bakar berkata, “Demi Allāh, aku akan memerangi orang yang memisahkan antara solat dengan zakat, kerana zakat itu adalah hak harta. Demi Allāh, andainya mereka tidak mahu bayar kepadaku sebesar hujung rambut yang pernah mereka bayarkan kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, nescaya akan aku perangi mereka kerana enggan membayarnya.” ‘Umar berkata, “Demi Allāh, pendirian yang sedemikian ialah kerana Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* telah membukakan dada (memberi petunjuk kepada) Abū Bakar untuk berperang, maka tahulah aku itulah yang benar.”<sup>24</sup>

Ibn Zayd pula berkata, “Telah difardukan solat dan zakat bersama-sama dan tidak dipisahkan antara kedua-duanya.” Lalu dia membaca firman Allāh *ta ‘ālā*:

23 Lihat *Sahīh al-Bukhārī* dan nota kaki syarahnya *Fath al-Bārī* (3/212)

24 Lihat *Sahīh al-Bukhārī* dan nota kaki syarahnya *Fath al-Bārī* (3/211).

فِإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوَةَ فَإِخْرَجْنَاهُمْ فِي  
الْدِينِ ...

*“Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran), dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama...”*  
 (al-Tawbah, 11)

Allāh subḥānahu wa ta’ālā tidak mahu menerima solat kecuali bersama-sama dengan zakat. Lalu Ibn Zayd berkata, “Allāh memberi rahmat kepada Abū Bakar yang sangat faham akan ayat ini, iaitu tentang pendiriannya yang tegas untuk memerangi orang-orang yang memisahkan antara solat dengan zakat.”<sup>25</sup>

Punca terjadinya perselisihan pendapat antara Abū Bakar *raḍiyAllāhu ‘anhu* dengan Sayyidinā ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* dan golongan yang sependirian dengannya ialah, disebabkan mereka berpegang kepada zahir lafaz hadis. Jelasnya, mereka berpendapat bahawa dengan semata-mata memeluk Islam, iaitu mengucap *Shahādatayn* – akan terpeliharalah darah dan hartanya serta diharamkan memeranginya. Namun begitu, Abū Bakar al-Ṣiddīq *raḍiyAllāhu ‘anhu* tetap berpegang kepada kata-kata Nabi dalam hadis yang berkenaan:

«إِلَّا بِحَقِّهِ»

*“Melainkan dengan haknya.”*

Beliau menganggap bahawa zakat adalah hak harta yang menghilangkan jaminan pemeliharaan jiwa dan harta dengan sebab keengganannya membayarnya. Sebagaimana beliau memahami perhubungan yang tidak dapat dipisahkan antara solat dengan zakat dalam kebanyakan ayat al-Qur’ān dan hadis-hadis Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* bahawa kedua-duanya adalah sama dan tidak dapat dipisahkan.

Selagi mereka bersetuju bahawa keengganan menunaikan solat adalah menjadi dalil murtad dan menjadi ikutan orang yang mendakwa kenabian, maka keengganannya menunaikan zakat juga

25 *Tafsīr al-Tabarī* (10/62).

sepertutnya dianggap sebagai dalil murtad yang boleh diperangi orang-orang yang melakukannya (enggan menunaikannya). Dengan yang demikian, Abū Bakar al-Šiddīq *rađiyAllāhu ‘anhu* mampu meyakinkan para sahabat yang lain akan kebenaran ijtihadnya dalam memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat.<sup>26</sup> Mereka dianggap murtad selagi mereka tidak bertaubat dan selagi mana mereka tidak mendirikan solat serta menunaikan zakat. Dengan demikian, hilanglah perselisihan pendapat dalam masalah yang agak mencabar ini. Persepakatan untuk memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat, sebagaimana persetujuan mereka memerangi orang-orang yang murtad sepenuhnya daripada Islam. Islam terselamat daripada usaha penghancuran dengan menanggalkan rukun demi rukun selepas mereka cuba menghancurkan keseluruhannya. Andainya tidak ada ketegasan pendirian Abū Bakar, yang kemudian disokong oleh para sahabat nescaya Islam tidak akan tertegak dan tidak dapat kita perkirakan apa yang akan terjadi terhadap kota Mekah dan kota Madinah, di mana fitnah dan *riddah* bermaharajalela di seluruh pelosok Jazīrah.<sup>27</sup>

## **E. PERSELISIHAN PENDAPAT DALAM SESETENGAH MASALAH FIQH**

Apabila kita membahaskan perkara-perkara yang lain, kita akan dapati banyak sekali perkara yang menarik mengenai adab perselisihan pendapat dan sikap menghormati pendirian sesama ulama. Antara perselisihan pendapat yang berlaku antara Abū Bakar dan ‘Umar selain daripada yang telah kami sebutkan ialah menawan orang-orang murtad. Dalam masalah menawan golongan perempuan murtad, Abū Bakar *rađiyAllāhu ‘anhu* berpendapat dengan pendapat yang berlawanan dengan pendapat ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* yang membantalkannya dalam zaman pemerintahannya – iaitu hukum Abū Bakar *rađiyAllāhu ‘anhu* dalam masalah ini. ‘Umar mengembalikan mereka kepada keluarganya dalam keadaan merdeka, kecuali yang dilahirkan untuk tuannya. Antara mereka ialah Khawlah binti Ja‘far al-Ḥanafiyyah ibu Muḥammad bin ‘Alī *rađiyAllāhu ‘anhu*.

---

26 Sebaliknya lihat perincian dialog antara Abū Bakar dan ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhuma* serta perincian pendapat-pendapat ulama mengenainya di dalam kitab *Nayl al-Awṭār*, bab al-Haththu ‘alā al-Zakāt wa al-Tashdīd fī Man ‘ihā (4/175).

27 Lihat perincian peristiwa-peristiwa sejarah dalam kitab-kitab sirah seperti kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (6/311) dan lain-lain.

Mereka juga berselisih pendapat mengenai tanah-tanah yang baharu dibuka. Dalam soal ini Abū Bakar berpendapat bahawa tanah yang baharu dibuka boleh dibahagi-bahagikan, manakala ‘Umar pula berpendapat ia tidak boleh dibahagi-bahagikan tetapi hendaklah diwakafkan. Demikian juga dalam masalah pemberian. Abū Bakar berpendapat dalam soal pemberian, pembahagian mestilah dilakukan sama rata. Sebaliknya ‘Umar pula berpendapat boleh ada perbezaan (ada yang lebih dan ada yang kurang) dalam pembahagian pemberian dan beliau telah melaksanakannya antara orang-orang Islam. Walaupun ‘Umar belum dipilih sebagai Khalifah, namun Abū Bakar telah melantiknya, sedangkan antara keduanya berlaku perselisihan pendapat dalam berbagai-bagai masalah fiqh.<sup>28</sup> Namun, perselisihan pendapat itu semakin mengeratkan kasih sayang antara mereka berdua. Abū Bakar *rađiyAllāhu ‘anhu* ketika melantik ‘Umar menjadi Khalifah telah ditanya oleh seseorang “Apa yang engkau akan katakan kepada Tuhanmu sekiranya Dia bertanya engkau tentang pelantikanmu kepada ‘Umar untuk kami, padahal engkau tahu sikapnya yang keras?” Abū Bakar menjawab, “Aku berkata, Ya Allāh, aku telah melantik atas mereka sebaik-baik ahli-Mu.”<sup>29</sup>

Ketika seseorang berkata kepada ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu*, “Engkau lebih baik daripada Abū Bakar.” Hampir saja ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* menangis, lalu berkata, “Demi Allāh, satu malam bagi Abū Bakar lebih baik daripada ‘Umar dan keluarga ‘Umar.”<sup>30</sup>

Demikianlah contoh antara perbezaan pendapat yang berlaku antara antara kedua-dua tokoh tersebut, *rađiyAllāhu ‘anhumā*. Pendapat mereka berdua berbeza, namun hati tetap bersatu, kerana jalinannya terikat kuat dengan kekuatan dari langit. Bilakah gerangan kekuatan seperti itu kembali memimpin bumi?

## ANTARA ‘UMAR DENGAN ‘ALĪ

Antara ‘Umar dan ‘Alī *rađiyAllāhu ‘anhumā* telah berlaku beberapa perbezaan pendapat, namun dalam konteks adab yang tinggi.

28 Lihat *al-Iḥkām* (6/76).

29 Lihat *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (3/199) dan *al-Kāmil* (2/292).

30 Lihat *Hayāt al-Šahābah* (1/646).

‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* telah menghantar utusan kepada seorang perempuan yang ditinggalkan suami (suaminya ghaib) dan telah didatangi oleh seseorang, menyebabkan ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* tidak menyukainya. Utusan itu berkata kepada perempuan itu, “Pergilah menghadap ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu.*” Perempuan itu menjawab, “Celaka, apakah yang akan dilakukan ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu terhadapku?” Dalam perjalanan ke tempat ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu*, dia terperanjat menyebabkan kandungannya terdesak untuk keluar, lalu dia masuk ke dalam rumah dan melahirkan anaknya. Bayi itu menangis dan terus mati. Lalu Sayyidinā ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* meminta pendapat para sahabat Nabi. Sesetengahnya mengatakan: “Tidak ada tanggungan apa-apa atas engkau, kerana engkau adalah pemerintah yang ingin memperbaiki adabnya.” Namun, ‘Alī *rađiyAllāhu ‘anhu* diam sahaja, lalu ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* pergi menghadapnya dan bertanya, “Apa pendapatmu?” ‘Alī *rađiyAllāhu ‘anhu* berkata, “Sekiranya itulah pendapat mereka, pendapat itu adalah salah, dan kalau pendapat itu untuk menyenangkan hatimu, nescaya mereka tidak memberi nasihat kepadamu. Aku berpendapat bahawa engkau wajib membayar *diyat* (anak yang mati itu), kerana engkau yang menyebabkan perempuan itu terperanjat sehingga melahirkan anaknya. Lantas ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* memerintahkan untuk membahagikan *diyat* anak itu kepada kaumnya.”<sup>31</sup> Demikianlah ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* meninggalkan pendapatnya untuk menerima pendapat Sayyidinā ‘Alī *rađiyAllāhu ‘anhu* dan beliau menganggap bahawa tidak ada apa-apa kekurangan beramal dengan ijтиhad ‘Alī *rađiyAllāhu ‘anhu*, walaupun beliau Amīrul Mu’minīn.*

## ANTARA ‘UMAR DENGAN ‘ABDULLĀH BIN MAS‘ŪD

‘Abdullāh bin Mas‘ūd adalah antara para sahabat Nabi yang paling tahu mengenai al-Qur’ān dan sunnah, sehingga banyak dalam kalangan sahabat menganggapnya *Ahl al-Bayt Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam* kerana beliau sentiasa bersama-sama Rasūlullāh ᷱallAllāhu ‘alayhi wa sallam. Abū Mūsā al-Ash‘arī *rađiyAllāhu ‘anhu* berkata, “Kami pada setiap masa tidak melihat Ibn Mas‘ūd

---

<sup>31</sup> Muslim meriwayatkan *āthār* ini pada bab “*Diyat al-Janīn*” No. hadis (1684) dan *Sunan Abū Dāwūd*, al-Nasā’ī, Ibn Hibbān dan selainnya. Lihat komentar kami pada kitab *al-Maḥṣūl* (2/Q1/76) dan (Q2/377).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

dan ibunya melainkan berada dalam kalangan *Ahl al-Bayt* Nabi *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, kerana beliau sering mendatangi mereka dan bersama-sama dengan mereka.”<sup>32</sup>

Abū Mas‘ūd al-Badrī berkata sambil menunjukkan kepada ‘Abdullāh bin Mas‘ūd ketika beliau melihatnya datang:

«مَا أَعْلَمُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَكَ بَعْدَهُ أَحَدًا  
أَعْلَمُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ هَذَا الْقَوْمَ فَقَالَ أَبُو مُوسَى لَقَدْ  
كَانَ يَشْهُدُ إِذَا غَيْبَنَا وَيُؤْذَنُ لَهُ إِذَا حُجَّنَا»

“Tidak aku tahu bahawa Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* meninggalkan selepasnya orang yang lebih mengerti tentang wahyu yang diturunkan oleh Allāh melainkan orang yang datang tadi.” Abū Mūsā berkata, “Sesungguhnya dia, ‘Abdullāh bin Mas‘ūd memang selalu menyertai Rasūlullāh ketika kita tidak turut serta, dan dia diberikan kebenaran masuk ke rumah Baginda ketika kita tidak ada.”<sup>33</sup>

‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* sangat mengetahui akan kefaqīhan dan ketinggian martabat Ibn Mas‘ūd. Beliau adalah antara pembantu ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* dalam melakukan berbagai-bagi pekerjaan. Ibn Mas‘ūd menyetujui kebanyakan ijtihad ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu*, sehingga para ahli sejarah undang-undang Islam menganggap bahawa ‘Abdullāh bin Mas‘ūd adalah orang paling terpengaruh dengan ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* dalam kalangan sahabat. Banyak sekali mereka bersetuju dalam ijtihad dan cara pendalilan. Kadang-kadang ‘Abdullāh bin Mas‘ūd merujuk kepada pendapat ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* dalam sesetengah masalah fiqh, contohnya dalam masalah pembahagian pusaka untuk datuk saudara, sekali kepada satu pertiga dan sekali kepada satu perenam.”<sup>34</sup>

Mereka berselisih pendapat dalam banyak permasalahan, antara perkara-perkara yang menjadi perselisihan adalah:

32 Diriwayatkan oleh Muslim dan lihat *al-Ihkām* oleh Ibn Hazm (6/63).

33 *Ibid.*

34 Lihat *al-Ihkām* (1/61) dan keterangan masalah itu.

- Ibn Mas‘ūd menggenggam tangannya dalam solat dan melarang meletakkannya di atas lutut, sedang ‘Umar melakukannya dan melarang daripada menggenggamnya.
- Ibn Mas‘ūd berpendapat bahawa ucapan seseorang kepada isterinya yang berbunyi, “Engkau haram atasku” adalah sumpah, manakala ‘Umar pula berpendapat bahawa ucapan itu adalah talak satu.
- Ibn Mas‘ūd berpendapat tentang masalah lelaki yang berzina dengan seorang perempuan kemudian mengahwininya, bahawasanya pasangan tersebut dianggap masih berzina selagi keduanya bersama, sedangkan ‘Umar tidak berpendapat demikian. Sebaliknya ‘Umar berpendapat bahawa perbuatan kali pertama dianggap zina, manakala yang kemudiannya adalah nikah.<sup>35</sup>

Ibn Qayyim menyebut dalam kitabnya *I'lām al-Muwaqqi 'īn* bahawa Ibn Mas‘ūd dengan Sayyidinā ‘Umar telah berselisih pandangan dalam masalah fiqh tidak kurang daripada seratus masalah, dan beliau menyebutkan empat daripadanya.<sup>36</sup>

Namun, perselisihan pendapat antara mereka tidak mengurangi rasa cinta, kemesraan dan penghormatan di antara satu dengan yang lain. Dalam peristiwa ketika mana Ibn Mas‘ūd didatangi oleh dua orang sahabat; seorang belajar al-Qur’ān daripada Sayyidinā ‘Umar *rađiyAllāhu 'anhu* manakala yang seorang lagi belajar al-Qur’ān daripada sahabat yang lain. Maka, berkatalah orang yang belajar al-Qur’ān daripada Sayyidinā ‘Umar *rađiyAllāhu 'anhu*, “Aku akan membaca al-Qur’ān seperti yang aku dengar daripada ‘Umar *rađiyAllāhu 'anhu*,” lantas Ibn Mas‘ūd menangis hingga air mata membasahi pipinya, lalu berkata, “Aku akan membaca al-Qur’ān kepada kamu berdua seperti bacaan yang engkau dengar daripada ‘Umar *rađiyAllāhu 'anhu*. Sesungguhnya, beliau adalah benteng yang kukuh bagi Islam menyebabkan ramai orang memeluk Islam dan tidak keluar lagi, tetapi apabila ‘Umar *rađiyAllāhu 'anhu* dibunuhi, hancurlah benteng itu.”<sup>37</sup>

---

35 *Ibid.*

36 Lihat *I'lām al-Muwaqqi 'īn* (2/218).

37 Lihat *al-Iḥkām* (6/61).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Suatu hari Ibn Mas‘ūd datang ke majlis ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu*. Apabila ‘Umar melihatnya datang beliau berkata:

كُنِيْفٌ مُلِئُ فِتْهًا أَوْ عِلْمًا

“Kunaif<sup>38</sup> penuh dengan fiqh dan ilmu.”

Dalam riwayat yang lain:

كُنِيْفٌ مُلِئُ عِلْمًا آتَتْ بِهِ أَهْلُ الْقَادِسِيَّةِ

“Kunaif penuh dengan ilmu yang bersemarak untuk ahli al-Qādisiyyah.”<sup>39</sup>

Demikianlah pandangan Sayyidinā ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* kepada ‘Abdullāh bin Mas‘ūd *rađiyAllāhu ‘anhu*. Perbezaan pendapat yang berlaku antara kedua-duanya hanya menambah saling cinta dan penghormatan. Alangkah beruntung sekiranya kita dapat meneladani peristiwa-peristiwa itu dengan adab-adab yang mulia untuk dijadikan pelita bagi mengubati peristiwa-peristiwa perselisihan pendapat yang berlaku antara kita.

## ANTARA IBN ‘ABBĀS DENGAN ZAYD BIN THĀBIT

Kita kemukakan beberapa contoh yang berlaku dalam kalangan sahabat *riḍwānAllāh ‘alayhim*. Sesungguhnya, Ibn ‘Abbās sependapat dengan Abū Bakar dan ramai sahabat *riḍwānAllāh ‘alayhim* bahawa datuk adalah seperti ayah boleh menggugurkan bahagian semua saudara lelaki dan saudara perempuan dalam pembahagian harta pusaka. Tetapi, Zayd bin Thābit sependapat dengan ‘Alī, Ibn Mas‘ūd dan satu golongan yang lain daripada kalangan sahabat *riḍwānAllāh ‘alayhim* bahawa datuk tidak menghalang saudara dan saudara mendapat warisan bersama-sama datuk. Suatu hari Ibn ‘Abbās berkata, “Tidakkah Zayd takut akan Allāh, Dia menjadikan anak daripada anak itu anak, tetapi tidak menjadikan bapa daripada bapa itu bapa!” Seterusnya Ibn ‘Abbās berkata, “Aku harap kita dapat bersama-sama

<sup>38</sup> Kunaif dalam riwayat ini adalah panggilan ‘Umar merujuk kepada ‘Abdullāh bin Mas‘ūd.

<sup>39</sup> *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (4/161) dan *Hayāt al-Sahābah* (3/791).

berhimpun dengan orang-orang yang tidak sependapat denganku dalam soal faraid ini, di mana bersama-sama dapat meletakkan tangan di rukun Ka‘bah, kemudian marilah kita berdoa kepada Allāh dan memohon supaya lakanat Allāh ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta.”<sup>40</sup>

Demikianlah antara contoh-contoh perselisihan pendapat *fiqhīyyah* yang berlaku dalam kalangan sahabat. Dikemukakan contoh-contoh tersebut bukanlah untuk menjauhkan lagi jurang atau memanjangkan perselisihan pendapat, tetapi untuk memperlihatkan betapa jauhnya kehilangan adab-adab yang mulia itu; adab-adab yang dapat mempertemukan kita untuk menyelesaikan perselisihan pendapat dan fahaman yang berlaku sehingga menjadi cara hidup dalam pergaulan sesama manusia.

Sesungguhnya, Ibn ‘Abbās merasa sangat yakin akan kebenaran ijtihadnya dan kesalahan ijtihad Zayd dalam perkara yang diperkatakan tadi.

Pada suatu hari Ibn ‘Abbās telah melihat Zayd bin Thābit datang menunggangi kudanya. Lalu dia memegang tali kuda tunggangan Zayd dan memimpinnya. Maka Zayd berkata, “Biarkanlah wahai anak saudara Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.” Lalu Ibn ‘Abbās berkata, “Beginilah kami disuruh menghormati para ulama dan pembesar kami.” Lantas Zayd berkata, “Hulurkanlah tanganmu!” Maka Ibn ‘Abbās pun menghulurkan tangannya, lalu dicium oleh Zayd sambil berkata, “Beginilah kami disuruh menghormati *Ahl al-Bayt* Nabi kita.”<sup>41</sup>

Dan ketika Zayd wafat, Ibn ‘Abbās berkata, “Beginilah hilangnya ilmu.”<sup>42</sup> Dan pada riwayat al-Bayhaqī dalam *Sunan Kubrānya*, “Beginilah hilangnya ilmu, sesungguhnya hari ini telah dikuburkan ilmu yang banyak.”<sup>43</sup> Sesungguhnya, Sayyidinā ‘Umar *radīyAllāhu*

40 Lihat *takhrij* kami akan āthār ini daripada kitab-kitab āthār dalam *Hāshiyah al-Mahṣūl* (2/Q2/76) dan lihat juga (2/Q1/181).

41 Seperti pada *Kanz al-‘Ummāl* (7/37) dan *Hayāt al-Saḥābah* (3/30). Di sini dilihat *taṣhīḥnya* dan *marāja‘ahnya* yang lain.

42 Lihat *I'lām al-Muwaqqi‘in* (1/18).

43 *Sunan Bayhaqī* (6/211) dan *al-Mahṣūl* (2/Q2/77).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

‘anhu telah memberikan penghormatan kepada ‘Abdullāh bin ‘Abbās *raḍiyAllāhu ‘anhu* dengan mengundangnya ke suatu majlis yang dihadiri oleh pemuka-pemuka Muḥājirīn dan Anṣār dalam kalangan Ahli Badar untuk membincangkan pelbagai masalah ilmu.<sup>44</sup>

Sebenarnya, kalau kita cuba mengikuti setiap perselisihan pendapat yang berlaku dalam kalangan sahabat berkaitan masalah fiqh dan mengemukakan setiap cara yang mereka gunakan untuk mengutarakan pendapat, sudah tentu kita akan menghasilkan sebuah buku yang lebih besar. Ini bukanlah tujuan kita. Tujuan kita hanyalah sekadar memberi contoh supaya kita dapat mencontohi dan memetik adab-adab yang telah mendidik generasi sahabat *riḍwānūllāh ‘alayhim*, untuk membuktikan kepada kita, sejauh mana komitmen mereka dengan adab-adab perselisihan pendapat ini dalam menghadapi setiap keadaan.

Apabila takdir Allāh *subhānahu wa ta ‘ālā* berlaku mengikut apa yang terdahulu dalam ilmu-Nya, iaitu terjadinya *al-Fitan al-Kubrā*, di mana telah berlaku peristiwa-peristiwa antara sesama sahabat, yang Allāh *subhānahu wa ta ‘ālā* sahaja mengetahui sebab-sebab dan faktor-faktor yang melingkunginya, maka terjadilah pertembungan senjata antara para sahabat. Namun demikian, mereka tidak melupakan segala kebaikan orang yang berbudi tinggi. Peristiwa yang dahsyat dan fitnah yang besar itu tidak melupakan mereka daripada keluhuran budi dan sifat utama daripada golongan yang berbudi mulia. Amīrul Mu’minīn ‘Alī bin Abī Ṭālib *raḍiyAllāhu ‘anhu* sebagaimana dilaporkan oleh Marwān bin Ḥakam, beliau mengatakan bahawa: “Tidak pernah aku melihat seseorang memuliakan orang yang telah kalah seperti ‘Alī *raḍiyAllāhu ‘anhu*, iaitu kami bertembung dalam Perang Jamal, maka disuruhnyalah orang yang menyerukan, “Jangan dibunuh orang yang luka.”<sup>45</sup>

‘Imran bin Talḥah datang kepada ‘Alī *raḍiyAllāhu ‘anhu* selepas Perang Jamal, lalu disambut dengan mesra oleh ‘Alī *raḍiyAllāhu ‘anhu* sambil berkata, “Sesungguhnya, aku mengharapkan agar

---

44 *Musannaf ‘Abd al-Razzāq* (11/28) No. (30489) dan *al-Maḥṣūl* (2/Q2/217) dan selepasnya.

45 *Ḥayāt al-Ṣaḥābah* (3/12).

Allāh menjadikan aku dan ayahmu termasuk dalam golongan orang yang disebut dalam firman-Nya:

وَنَرَغَنَامًا فِي صُدُورِهِمْ مِنْ غَلَٰٰ إِخْوَانًا عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَبِّلِينَ ﴿٤٧﴾

*“Dan Kami cabut akan apa yang ada dihati mereka dari perasaan hasad dengki sehingga menjadilah mereka bersaudara (dalam suasana kasih mesra), serta mereka duduk berhadap-hadapan di atas pelamin masing-masing.”* (al-Hijr, 47)

Kemudian beliau bertanya ahli keluarga Ṭalḥah seorang demi seorang, termasuklah anak-anak dan ibu anak-anak tersebut. “Hai anak saudaraku, bagaimana si fulan dan apa khabar si fulan?” Keadaan ini menghairankan sesetengah orang yang hadir dalam majlis itu, iaitu orang yang tidak dapat merasakan ketinggian peribadi sahabat yang dibina oleh Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, yakni mereka tidak dapat mengetahui jenis manusia bagaimanakah para sahabat Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, sehingga berkata dua orang yang duduk di suatu sudut ruangan itu. “Allāh lebih adil daripada itu, kamu perangi mereka kelmarin, kemudian kamu bersaudara nanti dalam syurga.” Imām ‘Alī *raḍiyAllāhu ‘anhu* marah mendengarnya dan berkata kepada orang yang berkata itu, “Mereka masih jauh ketika itu, siapa yang menghadapinya selain daripada aku dengan Ṭalḥah, kalau begitu siapa lagi?”<sup>46</sup>

Sesetengah mereka bertanya Amīrul Mu’minīn ‘Alī *raḍiyAllāhu ‘anhu* tentang sama ada Ahl al-Jamal itu kaum musyrik? Beliau menjawab, “Mereka lari dan menjauhkan diri daripada syirik.” Mereka bertanya lagi, “Adakah mereka munafik?” Beliau menjawab, “Orang-orang munafik hanya sedikit sekali mengingati Allāh.” Lalu beliau ditanya lagi, “Kalau begitu siapa mereka?” ‘Alī *raḍiyAllāhu ‘anhu* menjawab, “Mereka adalah saudara-saudara kita yang membuat aniaya ke atas kita.”<sup>47</sup>

Seseorang mencela Umm al-Mu’minīn ‘Ā’ishah *raḍiyAllāhu ‘anhā* di hadapan ‘Ammār bin Yāsir yang berlainan pendapat

46 *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (3/244) dan *Hayāt al-Sahābah* (93/13).

47 Diriwayatkan oleh Bayhaqī di dalam *Sunannya* (8/173).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

dengannya dalam Perang Jamal. Lalu ‘Ammār berkata, “Diamlah, dan berhentilah memperkatakan yang tidak baik itu! Adakah engkau hendak menyakiti kekasih Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam?* Saksikanlah bahawa beliau adalah isteri Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dalam syurga. Sesungguhnya, ibu kita ‘Ā’ishah *radiyAllāhu ‘anhā* telah menempuh jalannya sendiri dan sesungguhnya, kita tahu bahawa beliau adalah isteri Nabi *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* di dunia dan akhirat. Namun, sebenarnya Allāh telah menguji kita, supaya kita tahu adakah Allāh yang kita taati ataupun dia.”<sup>48</sup>

Adakah adab yang lebih tinggi daripada adab para sahabat yang dengan takdir Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* mereka bertembung sesama mereka, namun cahaya yang mereka serap daripada pelita kenabian sentiasa menerangi hati mereka yang menyebabkan kabus kekotoran tidak berupaya menutupinya. Adab-adab seperti ini melimpah ruah dalam setiap perbezaan pendapat. Syukur kepada Allāh yang telah menjalin dengan indah antara perbezaan pendapat dengan adab-adabnya pada zaman keemasan ini.

## GAMBARAN ƊIRĀR TENTANG ‘ALĪ DAN TANGIS MU‘ĀWIYAH

Abū Nu‘aym telah meriwayatkan dari Abū Ṣalīḥ, katanya, “Telah masuk Ɗirār bin Ɗamrah al-Kinānī kepada Mu‘āwiyah, lalu Mu‘āwiyah berkata kepadanya, “Sebutlah kepadaku sifat-sifat ‘Alī.”

Ɗirār berkata, “Atau engkau maafkan aku wahai Amīrul Mu’mīn?”

Mu‘āwiyah berkata, “Aku tidak maafkan engkau.”

Ɗirār berkata, “Baiklah, kalau mesti disebut juga; demi Allāh, sesungguhnya beliau mempunyai pengaruh yang sangat besar, kekuatan yang sangat hebat, kata-katanya tegas, hukumnya adil, ilmu yang berpancaran daripada segala sudut dan hikmah yang berhamburan daripada segala aspek. Beliau menganggap sepi dunia

---

48 Diriwayatkan oleh Bayhaqī di dalam *Sunannya*; dan *Kanz al-‘Ummāl* (7/166) dan *Hayāt al-Sahābah* (3/14).

dengan segala kemegahannya, tetapi bermesra dengan malam dan kegelapannya. Demi Allāh, beliau selalu menitiskan air mata dengan lebatnya di samping jauh pemikirannya, beliau membalik-balikkan tapak tangannya untuk bertanya dan menghitung-hitung dirinya, beliau hanya tertarik kepada pakaian yang sederhana dan makanan yang bersahaja. Beliau juga seperti kita, mesra apabila dikunjungi, menjawab apabila ditanya, sentiasa merendah diri, bergaul dengan penuh mesra dan cinta. Apabila beliau tersenyum laksana mutiara tersusun. Beliau menghormati ahli agama, dan mencintai orang-orang miskin. Beliau tidak memberi peluang kepada orang yang gagah dalam kebatilannya dan tidak membiarkan orang yang lemah berputus asa terhadap keadilannya. Aku bersaksi kepada Allāh bahawa aku melihat beliau dalam sebahagian renungannya, pada kala malam sudah melabuhkan tirainya, bintang-bintang masuk ke balik tabir biliknya, beliau melangkah masuk menuju mihrabnya memegang erat janggutnya, bergerak-gerak dan bergoncang badannya, sambil menangis laksana tangis orang yang berduakacita. Masih terngiang-ngiang di telingaku beliau berkata, “Yā Rabbanā, Yā Rabbanā, sambil merendahkan diri tunduk kepada-Nya, dan berkata kepada dunia, “Mengapa engkau datang mengunjungi aku, mengapa engkau merindui aku, pergilah jauh-jauh, tipulah orang lain selain daripada aku, aku telah menjatuhkan talak tiga kepadamu (dunia), kerana umurmu singkat, majlismu hina dan bahayamu mudah mempengaruhi, oh, oh amat sedikit bekalan, sangat jauh pengembalaan dan sungguh ngeri perjalanan.”

Bercucuran air mata Mu‘āwiyah membasahi janggutnya tanpa disedari dan disapu dengan lengkap bajunya, sementara orang ramai menangis, lalu Mu‘āwiyah berkata: “Demikianlah rupanya Abū al-Hasan *radiyAllāhu ‘anhu*, dan bagaimanakah perasaanmu wahai Dirār?” Dirār menjawab, “Seperti perasaan seseorang yang disembelih di biliknya sendiri, tidak akan kering air matanya dan tidak akan berhujung penderitaannya.” Kemudian beliau bangun dan terus keluar.<sup>49</sup>

---

49 *Al-Hilyah* (1/84). Diriwayatkan juga oleh Ibn ‘Abd al-Barr di dalam kitab *al-Isti‘āb* (3/44) dari al-Jurmāzī – orang Hamdān – dari Dirār al-Ṣadā’ī dengan maknanya.

## CIRI-CIRI UTAMA PERBEZAAN PENDAPAT PADA ZAMAN KHULAFĀ' AL-RĀSHIDĪN

Berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan isu-isu perbezaan pendapat dalam kalangan para sahabat, kita dapatti bahawa nafsu bukanlah menjadi tenaga pendorong bagi mereka untuk berbeza pendapat. Bahkan perbezaan pendapat yang telah dicirikan oleh adab-adab yang tinggi dan mulia itu hanyalah semata-mata untuk mencari dan mengutamakan kebenaran. Di sini hanya dikemukakan sekelumit daripada rangkaian adab perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat selepas kerasulan dan berakhirnya wahyu:

1. Mereka berusaha menghindari perbezaan pendapat, walaupun ada ruang untuk itu, namun mereka berusaha semampunya untuk meninggalkannya.
2. Sekiranya ada sebab-sebab yang membolehkan perbezaan pendapat, seperti sampai sunnah kepada salah seorang di antara mereka, tetapi tidak sampai kepada yang lainnya, atau perselisihan pendapat mereka dalam memahami nas, atau tentang sesuatu lafadz tertentu dalam batas-batas yang mereka fahami, maka mereka segera menyahut kebenaran dan mengakui kesalahan tanpa ada perasaan rendah diri dan kekurangan. Selain itu, mereka sangat menghormati ahli ilmu, ahli fiqh dan cendekiawan dengan tidak mengorbankan harga dirinya dan tidak pula mengurangi hak saudaranya. Setiap orang berhak berkongsi pendapat dengan saudaranya, di mana kebenaran itu mungkin di pihaknya sebagai pendapat yang terkuat, dan mungkin pula di pihak saudaranya sebagai pendapat yang kurang kuat, dan tidak ada halangan pendapat yang disangkanya itu, tetapi sebenarnya kurang kuat, atau sebaliknya pendapat yang disangkanya itu kurang kuat, tetapi kuat.
3. Bagi mereka, *ukhuwah Islāmiyyah* adalah asas utama daripada asas-asas ajaran Islam. Ia penting dan tidak akan berdiri Islam tanpanya, yang mengatasi segala perbezaan pendapat atau kesepakatan pendapat dalam masalah-masalah *ijtihādiyyah*.
4. Dalam masalah-masalah *i'tiqādiyyah*, perbezaan pendapat tidak berlaku sama sekali. Perbezaan pendapat hanya berlaku dalam masalah-masalah *furu'*.

5. Sebelum masa pemerintahan Khalifah ‘Uthmān *rađiyAllāhu ‘anhu*, para sahabat tinggal di Madinah dan sebahagian kecil tinggal di Makkah. Mereka tidak meninggalkan Madinah kecuali untuk keperluan jihad dan seumpamanya, kemudian mereka kembali ke Madinah sehingga mudahlah untuk menghimpunkannya dan tercapailah persepakatan dalam banyak perkara.
6. Para *qurrā'* dan fuqaha sama-sama menonjol seperti pemimpin politik. Masing-masing mempunyai kedudukan yang tertentu, tiada siapa yang dapat membantah, di samping setiap orang mempunyai kemasyhuran tentang keahliannya dalam bidang fiqh, dengan metode dan manhaj yang jelas dalam menetapkan hukum, yang berfungsi sebagai persetujuan secara tidak langsung antara mereka.
7. Pandangan mereka terhadap tanggapan sebahagian daripada mereka terhadap pendapat yang lain adalah merupakan bantuan terhadap saudaranya, bukan merupakan aib atau kritikan.

## **PERSELISIHAN PENDAPAT PADA ZAMAN *TĀBI’ĪN* DAN ADABNYA**

Antara strategi yang dijalankan oleh Amīr al-Mu’mīnīn ‘Umar *rađiyAllāhu ‘anhu* ialah tidak membenarkan para sahabat daripada kalangan Muḥājirīn dan Anṣār tinggal menetap di luar kota Madinah. Mereka yang berada di luar kota Madinah – kebiasannya – dalam keadaan musafir dengan tugas berperang, mengajarkan ilmu, menjalankan pemerintahan, menguruskan mahkamah atau mengendalikan perkara-perkara penting yang lain. Selepas itu, mereka kembali menetap di Madinah, kerana kota Madinah merupakan ibu negara dan pusat pemerintahan, di mana mereka adalah pembawa risalah Islam dan pengawal utamanya, yang sentiasa berdampingan dengan khalifah untuk membantu melaksanakan tanggungjawab serta bersama-sama menjalankan urusan ummah seluruhnya.

Namun, apabila tiba masa pemerintahan Khalifah ‘Uthmān *rađiyAllāhu ‘anhu*, beliau berpendapat tidak ada halangan bagi para sahabat yang ingin meninggalkan Madinah untuk tinggal menetap di mana-mana tempat yang dikehendakinya dalam negara Islam.

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Dengan demikian, para fuqaha dan *qurrā'* dalam kalangan sahabat telah bertebaran di beberapa bandar dan negeri yang telah dibuka. Di Basrah dan Kufah telah menetap lebih daripada 300 orang sahabat, manakala di Mesir dan Shām pula terdapat sejumlah lagi sahabat.

Diriwayatkan bahawa setelah selesai perang Hunayn, Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah meninggalkan 12,000 ribu orang sahabat di Madinah. Sewaktu Baginda wafat hanya tinggal 10,000 orang sahaja manakala baki 2,000 orang telah bertebaran di beberapa negeri.<sup>50</sup>

Sesungguhnya, yang memikul tanggungjawab untuk menyebar ilmu dan fiqh para fuqaha dan *qurrā'* daripada kalangan sahabat adalah para *tābi‘īn* yang telah mengambilnya daripada para sahabat *riḍwānullāh ‘alayhim*, seperti; Sa‘īd bin al-Musayyab,<sup>51</sup> yang dianggap pembawa panji-panji fiqh ‘Umar *raḍiyAllāhu ‘anhu* di Madinah, ‘Atā’ bin Abī Rubāh di Makkah, Tāwūs di Yaman, Yahyā bin Abī Kathīr di Yamāmah, al-Hasan di Basrah, Makhlūl di Shām, ‘Atā’ di Khurasan, ‘Alqamah di Kufah dan lain-lain. Mereka banyak sekali mempraktikkan fatwa dan ijtihad di hadapan para sahabat Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang menjadi tempat mereka memperoleh ilmu dan fiqh, menjalani tarbiyyah, mengambil dan mengamalkan adab-adab mereka, dan terpengaruh dengan manhaj-manhaj mereka dalam penetapan hukum. Apabila para *tābi‘īn* berhadapan dengan masalah perselisihan pendapat, mereka tidak keluar daripada adab-adab para sahabat *riḍwānullāh ‘alayhim* dalam perbezaan pendapat. Mereka juga tidak melangkahi *sīrah* yang luhur itu. Merekalah *fuqahā’ al-Jumhūr* yang paling berkesan untuk diteladani oleh seluruh umat. Penjelasan yang demikian, ada baiknya dikemukakan contoh dialog di sekitar *diyat*.

---

50 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/311).

51 Beliau ialah ulama besar dan pemuka *tābi‘īn*. Dilahirkan pada tahun 1511, wafat tahun 94 H. Riwayat hidupnya banyak diperkatakan, di antaranya: *al-Tabaqāt al-Kubrā Ibn Sa‘ad* (5/119-123), *Khulāṣah Tadhhib al-Kamāl* (121), *Tahdhīb al-Tahdhīb* (4/84), *Taqrīb al-Tahdhīb* (1/305), *al-Bidāyah* (9/99). Selain tu riwayat hidupnya ditulis tersendiri di dalam buku-buku tertentu dahulu dan sekarang.

‘Abd al-Razzāq<sup>52</sup> telah meriwayatkan dari jalan al-Shi‘bī, katanya, “Datang seorang lelaki kepada Shurayḥ bertanya tentang *diyat* jari-jari, maka berkata Shurayḥ: ‘Tiap-tiap satu jari 10 unta.’” Lelaki itu berkata, “*Subhānallāh*, ini dan ini sama (sambil menunjuk ibu jari dari jari kelingking).” Lantas Shurayḥ berkata, “Celaka, sesungguhnya sunnah melarang *qiyās*, ikut saja, jangan engkau membuat *bid‘ah*.”

Imām Mālik telah meriwayatkan dalam kitab *al-Muwaṭṭa‘* dari Rabī‘ah, katanya, “Aku telah bertanya kepada Sa‘īd bin al-Musayyab, ‘Berapa *diyat* jari perempuan?’” Jawabnya, “10 unta.” Aku bertanya lagi, “Pada dua jari?” Jawabnya, “20 unta.” Aku bertanya lagi, “Pada tiga jari?” Jawabnya, “30,” dan aku bertanya lagi, “Pada empat jari?” Jawabnya, 20.” Lantas aku bertanya, “Bagaimana jika semakin besar lukanya dan berat musibah, tetapi kurang *diyatnya*? ” Lalu Sa‘īd berkata, “Adakah engkau ini orang Iraq?” Berkata Rabī‘ah, “Bahkan aku seorang alim yang mencari kepastian, atau seorang jahil yang belajar.” Berkata Sa‘īd, “Demikianlah sunnah wahai anak saudaraku.”<sup>53</sup> Berakhirlah persoalan itu hingga di sini tanpa meruncing dan menuduh saudaranya jahil, atau menyangka dirinya benar dan pendapat kawannya batil.

Dalam hal ini pendapat Sa‘īd bin al-Musayyab dan ulama Hijāz bahawa *diyat* perempuan adalah seperti *diyat* lelaki sehingga sampai satu pertiga *diyat* lelaki. Apabila lebih daripada satu pertiga, *diyat* perempuan adalah setengah *diyat* lelaki. Hal ini berdasarkan hadis ‘Amrū bin Shu‘ayb daripada bapanya daripada datuknya, “*Diyat* perempuan sama dengan *diyat* lelaki sehingga sampai satu pertiga dari *diyatnya*.<sup>54</sup> Sedangkan pendapat para ulama Iraq bahawa *diyat* perempuan setengah *diyat* lelaki dari mula lagi.

Al-Shi‘bī telah berbincang dengan ‘Āmir bin Sharāhīl al-Kūfī tentang seorang lelaki dalam perkara menggunakan *qiyās*. Al-Shi‘bī

52 *Al-Muṣannaf wa al-Fikr Sāmī* (1/391) dan telah diriwayatkan oleh Ibn al-Mundhir dan sanadnya sahih.

53 *Al-Muwaṭṭa‘* dan syarahnya oleh al-Zamrānī (4/188) dan *Muṣannaf* ‘Abd al-Razzāq (9/349) dan *Sunan al-Bayhaqī* (8/96).

54 Diriwayatkan oleh al-Nasā’ī (8/54) dan al-Dāruquṭnī (4/364).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

berkata, “Apa pendapatmu sekiranya al-Ahnaf bin Qays dibunuh bersama-sama seorang kanak-kanak, adakah sama *diyatnya*? Atau lebih *diyat* al-Ahnaf kerana kesempurnaan akal dan kedewasaannya? Orang itu menjawab, “Bahkan sama.” Lalu al-Shi‘bī berkata, “Kalau begitu *qiyās* tidak berperanan apa-apa.”

Imām al-Awzā‘ī bertemu dengan Imām Abū Ḥanīfah di Makkah. Maka Imām al-Awzā‘ī berkata, “Mengapa kamu tidak mengangkat tangan ketika rukuk dan bangkit dari rukuk?” Imām Abū Ḥanīfah menjawab, “Tidak ada hadis yang sahih dari Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* mengenainya.” Maka Imām al-Awzā‘ī pun berkata, “Kenapa tidak, kerana sesungguhnya telah sampai kepadaku hadis dari al-Zuhrī daripada Salīm, dari bapanya daripada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, bahawa Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* mengangkat tangannya ketika memulai solat, ketika rukuk dan ketika bangkit dari rukuk.”

Lalu Imām Abū Ḥanīfah berkata, “Telah sampai kepada kami hadis oleh Ḥammād dari Ibrāhīm dari ‘Alqamah dan al-Aswad dari Ibn Mas‘ūd, “Bahawa Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tidak mengangkat tangan kecuali ketika memulai solat dan tidak kembali kepada perbuatan itu.”

Lantas Imām al-Awzā‘ī berkata, “Aku beritahu engkau hadis yang aku terima daripada al-Zuhrī dari Salīm dari bapanya, dan engkau katakan telah sampai kepadamu hadis oleh Ḥammād dari Ibrāhīm.”

Berkata Imām Abū Ḥanīfah, “Sesungguhnya Ḥammād lebih faham daripada al-Zuhrī, dan Ibrāhīm lebih faham dari Salīm, dan ‘Alqamah bukan di bawah Ibn ‘Umar walaupun Ibn ‘Umar mempunyai keutamaan sahabat, sedangkan al-Aswad mempunyai banyak kelebihan, manakala ‘Abdullāh adalah ‘Abdullāh.” Maka diamlah Imām al-Awzā‘ī.<sup>55</sup>

Diriwayatkan dari Abū Ḥanīfah bahawa beliau berkata, “Pendapat kami ini tidak kami paksakan kepada seseorang, dan

---

55 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/320).

kami tidak berkata, wajib atas seseorang menerima dengan sikap yang benci, sesiapa ada di sisinya pendapat yang lebih baik sila kemukakan.”<sup>56</sup>

Semuanya mengikut, apabila sunnah telah sahih tidak ada seorang pun yang menyalahinya, kalaupun terjadi perbezaan pendapat hanya dalam memahaminya, selagi lafaz mempunyai beberapa kemungkinan makna dan tidak ada dalil yang sahih yang menentangnya di sisi kedua-dua golongan itu.

## KESAN PERGELUTAN POLITIK TERHADAP PERSELISIHAN AQIDAH DAN FIQH

Antara perkara yang patut kami ingatkan mengenai apa yang kami sebutkan tentang perbezaan-perbezaan pendapat, bahawa sikap yang telah diambil oleh sebahagian besar umat ini tidak akan membiarkan perselisihan pendapat yang berlaku dalam masalah-masalah fiqh itu melebar dan berpanjangan, apabila ia dihadapkan kepada nas-nas al-Qur’ān dan sunnah yang akan menghilangkan segala kekeliruan. Semuanya tunduk menerima kebenaran di bawah naungan adab kenabian yang mulia, kerana sebab perselisihan pendapat tidak lebih dari apa yang kami katakan, sama ada tidak sampai tegakkan kepada seseorang dalam satu perkara, tetapi sampai kepada yang lainnya, atau perbezaannya dalam memahami nas atau lafaz. Namun, ada persoalan lain yang muncul, iaitu pergolatan dan perselisihan politik yang timbul ekoran pembunuhan khalifah yang ketiga Sayyidinā ‘Uthmān *raḍiyAllāhu ‘anhu* dan peralihan pusat khilafah ke Kufah, kemudian ke Shām, dan akses-akses yang timbul daripada pergolakan itu. Sesungguhnya, pergolakan itu telah membawa masuk ke dalam lingkungan perselisihan pendapat persoalan lain yang berada di luar dirinya dan membantu terjadinya pengelompokan penduduk sesuatu negeri ataupun bandar terhadap apa yang sampai kepada mereka daripada *sunnah* Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dan memandang pendapat penduduk di bandar-bandar yang lain sebagai pandangan yang berbeza, yang kebanyakannya berdasarkan pengaruh dukungan atau lawan politik. Ternyata Iraq dengan dua

---

56 *Al-Intiqāq* (140).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

bandar utamanya, iaitu Kufah dan Basrah adalah tempat yang subur bagi pergelutan dan pertembungan pemikiran politik dan tersebar ke pelbagai penjuru. Dari sinilah lahirnya *al-tashayyu'* (pemikiran *shī'ah*)<sup>57</sup> dan munculnya al-Jahmiyyah,<sup>58</sup>

---

57 Shī'ah adalah satu puak daripada puak-puak Islam. Dinamakan begitu kerana mereka mengisyiharkan berpuak dan menjadi pengikut 'Alī dan anak-anaknya *radiyAllāhu 'anhum*, dengan pendirian bahawa merekaalah yang lebih berhak ke atas jawatan Khalifah selepas Rasūllāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam*. Mereka berpendapat bahawa *imāmah* adalah pangkat agama seperti kerasulan, tidak diserahkan kepada manusia dan tidak akan dicapai dengan cara pilihan raya atau seumpamanya, bahkan ia seperti kenabian, merupakan pilihan Allāh yang dapat diungkapkan oleh nas yang jelas atau tersembunyi. Mereka mempercayai dengan zahirnya mukjizat di tangan imam seperti zahirnya di tangan Nabi. Mengikut mereka, para imam maksum daripada dosa-dosa kecil dan dosa-dosa besar seperti para Nabi. Puak-puak mereka yang banyak dan paling utama ialah al-Imāmiyyah dan al-Zaydiyyah. Walaupun mereka berbeza-beza pendapat, namun mereka bersatu pendapat dalam hal kuasa pemerintahan iaitu di tangan para Imām dari Ahl al-Bayt dan tidak mengakui orang yang menentangnya, perkataan, perbuatan dan akad, melainkan dalam hal *taqīyah*. Puak yang paling hampir kepada Ahl al-Sunnah ialah al-Zaydiyyah, kemudian al-Imāmiyyah dengan anggapan yang agak mudah. Rujuk pendapat mereka di dalam kitab *Uṣūl al-Kahfī* dan syarahnya, dan pada kitab *Aṣlu al-Shī'ah wa Uṣūlihā*.

Untuk menambah pengetahuan daripada hal pembicaraan mengenai mereka sila rujuk: *Al-Milal wa al-Nihāl* oleh al-Shahrastānī (1/234), *al-Fasl* oleh Ibn Hazm (4/179-188), *al-Firaq Bayn al-Firaq* (29), *I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn* (77/95) cetakan Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, *al-Firaq al-Islāmiyyah* (33), *al-Hurr al-'Ayn* (178), *al-Tabṣīr fī al-Dīn* (27-43) cetakan 'Alām al-Kutub.

58 Al-Jahmiyyah adalah satu puak yang dinisbahkan kepada Jaham bin Ṣafwān yang dibunuh pada tahun 128 H. Antara pendapatnya yang penting ialah tidak harus menyifatkan Allāh *subḥānahu wa ta 'ālā* dengan sebarang sifat yang dikongsi oleh yang lainnya tetapi harus menyifatkan Allāh *subḥānahu wa ta 'ālā* dengan sifat-sifat yang tidak dikongsi oleh yang lainnya kerana ia Khāliq. Mereka berpendapat bahawa hamba dipaksa atas segala perbuatannya, tidak ada sama sekali pilihan baginya, dan perbuatan-perbuatannya adalah disandarkan kepada Allāh *subḥānahu wa ta 'ālā* sahaja, sedangkan penyandarannya kepada hamba adalah *majāz*. Mereka juga mempercayai bahawa syurga dan neraka akan binasa sesudah manusia masuk ke dalamnya seperti akan binasanya segala makhluk.

Untuk menambah pengetahuan tentang pembicaraan mengenai mereka, sila baca kitab: *al-Zīnah fī al-Kalimāt al-Islāmiyyah al-'Arabiyyah* oleh Ibn Ḥātim Aḥmad bin Ḥamdān al-Rāzī al-Shī'ī (Q3/268), *I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn* (103), dan *al-Tabṣīr fī al-Dīn* (107-108).

Mu'tazilah<sup>59</sup> dan tersebarnya Khawārij<sup>60</sup> dan sejumlah puak yang berdasarkan hawa nafsu dan *bid'ah*. Bermulalah rekaan hadis-hadis palsu, dan penulisan kisah-kisah yang cenderung ke arah politik, serta mencetus perselisihan dan pertembungan, sehingga Imām Mālik berkata – mengenai bandar Kufah, “Sesungguhnya, ia adalah bandar pergelutan.”<sup>61</sup> Manakala al-Zuhrī berkata, “Keluar hadis dari sisi kita sejengkal, lalu kembali di Iraq satu hasta.”<sup>62</sup>

Perkara-perkara inilah yang menyebabkan para fuqaha Iraq sendiri terpaksa mengambil langkah yang lebih teliti dengan membuat syarat-syarat tertentu untuk menerima tegakkan atau hadis yang belum pernah diperhatikan sebelumnya. Hal yang demikian merupakan suatu keinginan yang kuat daripada mereka agar tidak

59 Mu'tazilah ialah puak yang dinamakan oleh kebanyakan orang Islam sebagai Mu'tazilah, tetapi puak ini manamakan dirinya sebagai Ahl 'Adl wa al-Tawhīd. Mereka berpendapat bahawa tidak ada sesuatu yang *qadīm* selain daripada Allāh *subḥānahu wa ta'ālā*. Terkenal dengan pendapat mereka tentang makhluknya al-Qur'ān al-Karīm, dan bahawa Allāh *subḥānahu wa ta'ālā* bersifat dengan sifat-sifat yang tidak dapat dibezakan baginya dan hanya berdiri dengan *Dhāt*-Nya, dan wajib atas Allāh memilih perbuatan yang lebih baik bagi hamba-Nya. Mereka mempunyai ajaran yang terkenal dengan asas-asas ajaran yang lima, yang di atasnya ditegakkan pendapat-pendapat mereka. Puak-puak mereka banyak.

Untuk lebih mengenali mereka dan perincian perbincangan mengenai mereka boleh dirujuk pada kitab: *I'tiqādāt al-Firaq* oleh al-Rāzī (23) dan berikut *al-Tabṣīr fī al-Dīn* (63) dan berikutnya, *Al-Milal wa al-Nihāl* (1/61-32) cetakan Azhar, dan *al-Firaq Bayn al-Firaq* (93/190).

60 Al-Khawārij, termasuk beberapa puak Islam, iaitu golongan yang keluar menentang ‘Alī *radīy Allāhu ‘anhu* dan Mu‘āwiyah selepas peristiwa *tahkīm* yang terkenal. Mereka mempunyai pendapat-pendapat, mazhab-mazhab serta perbincangan-perbincangan yang terperinci dalam pelbagai masalah. Antara yang terpenting ialah pendapat mereka bahawa seorang itu akan menjadi kafir semata-mata melakukan dosa besar. Oleh yang demikian mereka mengkafirkhan kebanyakan sahabat, seperti ‘Uthmān, ‘Alī, Ṭalhah, Zubayr dan ‘Ā’ishah *radīy Allāhu ‘anhā*.

Untuk lebih mengenali mereka dan perincian perbincangan mengenai mereka sila lihat *I'tiqādāt al-Firaq* oleh al-Rāzī (51) dan berikutnya, *al-Tabṣīr fī al-Dīn* (45) dan berikutnya, *Al-Milal wa al-Nihāl* (1/195-256) cetakan Azhar, dan *al-Firaq Bayn al-Firaq* (54/93).

61 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/313).

62 *Al-Intiqā'*.

masuk ke dalam kefahaman pemikiran golongan yang berdasarkan hawa nafsu dan *bid'ah* serta puak-puak yang saling bertarung yang akan merosakkan agama. Kalau begitu halnya ulama Iraq, sudah tentu para ulama bukan Iraq lebih berhati-hati lagi, malahan mereka sangat takut mengambil sesuatu dari Iraq, sehingga orang-orang Hijāz berpendapat bahawa hadis orang-orang Iraq atau Shām tidak diterima sekiranya tidak ada asalnya di sisi orang-orang Hijāz.<sup>63</sup>

Pernah dikatakan salah seorang ulama Hijāz: hadis Sufyān al-Thawrī, daripada Mānsūr al-Mu'tamir, daripada Ibrāhīm al-Nakha‘ī, daripada ‘Alqamah al-Nakha‘ī, daripada ‘Abdullāh bin Mas‘ūd... yakni, apa pendapatmu tentang *isnād* silsilah hadis ini, iaitu *isnād* yang paling *sahīh* di sisi orang-orang Iraq.” Jawabnya, “Jika ada asalnya di Hijāz, maka tidak diterima.”<sup>64</sup>

Khalifah ‘Abbāsiyyah telah mengambil Rabī‘ah bin Abī ‘Abd al-Rahmān<sup>65</sup> sebagai wazir dan penasihat. Kemudian dia bersara dan kembali ke Madinah kerana dia orang Madinah. Lalu ditanya, “Bagaimana pendapatmu tentang Iraq dan penduduknya?” Jawabnya, “Aku melihat kaum yang halal bagi kita haram bagi mereka, dan yang halal bagi kita haram bagi mereka. Dan aku tinggalkan di sana lebih daripada 40,000 orang melakukan tipu daya terhadap agama ini!” Diriwayatkan daripadanya bahawa dia berkata, “Seolah-olah Nabi yang diutus kepada kita bukan Nabi yang diutus kepada mereka.”<sup>66</sup>

Pendapat-pendapat ini walaupun dimaksudkan terhadap golongan yang bertindak atas kepentingan hawa nafsu dan ahli *bid'ah*, namun, ia menunjukkan dengan jelas betapa sesetengah

---

63 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/312).

64 *Ibid.*

65 Rabī‘ah bin Abī ‘Abd al-Rahmān, iaitu Rabī‘ah bin Abī ‘Abd al-Rahmān al-Taymī al-Madanī. Dipanggil juga dengan Farūkh dengan nama *kunya* Abī ‘Uthmān dan digelar dengan Rabī‘ah al-Ra'y. Beliau seorang imam mujtahid, antara guru Imām Mālik yang paling utama. Wafat di al-Hāshimiyyah dari kawasan al-Anbar di Iraq tahun 136 atau 133 atau 142H. Riwayat hidupnya ada dalam kitab *al-Tahdhīb* (3/285), *Tārīkh Baghdād* (8420), *al-Hīlyah* (2/259), *Safwah al-Safwah* (2/148) dan *al-Shadharāt* (1/94).

66 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/312).

perkara itu mempunyai kesan yang jauh terhadap perkembangan fiqh dan pendirian para ulama antara dua negeri ini, juga terhadap metode dan manhaj yang mereka gunakan dalam *istinbāt*.

Orang-orang Hijāz mempercayai bahawa mereka telah meneliti dengan saksama sunnah dan tidak ada sesuatu yang ganjil mengenainya yang terbit daripada mereka. Di Madinah ada 10,000 orang sahabat Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam* yang ditinggalkan oleh Baginda selepas peperangan Hunayn, di mana mereka menetap sampai wafatnya Rasūlullāh *sallAllāhu 'alayhi wa sallam*. Sesungguhnya, ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz telah menulis surat kepada penduduk beberapa buah bandar untuk mengajar mereka tegakkan dan fiqh, tetapi ketika dia telah menulis surat ke Madinah dan bertanya kepada mereka tentang tegakkan yang ada pada mereka supaya diberitahu kepadanya untuk dikirimkan ke tempat-tempat yang lain. Adapun tokoh pendukung sunnah serta fiqh dan *āthār* sahabat di Madinah ialah Sa‘īd bin al-Musayyab dan sahabat-sahabatnya yang mengambil daripada mereka selepas itu, iaitu al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah, al-Hanābilah, al-Ζāhiriyah dan selain daripada mereka. Sesungguhnya, para ulama Madinah dalam kalangan *tābi‘in* berpendapat bahawa ditegakkan dan *āthār* yang ada pada mereka cukup untuk menyahut keperluan fiqh dan tidak ada sebab yang mendesak mereka untuk mengambil pendapat (*al-Ra'y*) dengan keseluruhannya. Namun, sesetengah orang berpendapat sebaliknya, iaitu perlunya mengambil pendapat (*al-Ra'y*) sehingga mereka dikenali dengan gelaran itu, seperti Rabī‘ah bin ‘Abd al-Rahmān, guru Imām Mālik, yang digelar Rabī‘ah al-Ra'y. Bagaimanapun, majoritinya berpegang kepada ulama-ulama sunnah dan *āthār*.

Adapun orang-orang Iraq, seperti Ibrāhīm al-Nakha‘<sup>67</sup> dan sahabat-sahabatnya berpendapat bahawa habuan mereka daripada

---

67 Ibrāhīm al-Nakha‘ī ialah Ibrāhīm bin Yazīd al-Nakha‘ī al-Kūfī yang digelar dengan Abū ‘Imrān. Beliau ialah pemimpin aliran yang mengutamakan pemikiran. Beliau pewaris fiqh Ibn Mas‘ūd. Wafat tahun 92. Beliau adalah antara ulama yang menyelaraskan antara fiqh dan hadis. Beliau adalah ulama *thiqah* dan hujah dengan kesepakatan ulama. Berkata al-Shi‘bī ketika mendengar berita kewafatan Ibrāhīm: “Ibrāhīm tidak meninggalkan orang yang sepertinya selepasnya.” Riwayat hidupnya terdapat dalam *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (6/71), *Ṣafwah al-Ṣafwah* (3/68) *al-Tadhkīrah* (1/73), *al-Hīlyah* (4/217) dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* (1/87).

sunnah bukanlah sedikit, kerana telah hidup di tengah-tengah mereka sejumlah besar sahabat melebihi 300 orang, dan ramai pula daripada mereka terdiri daripada kalangan fuqaha. Antara yang terpenting ialah ‘Abdullāh bin Mas‘ūd yang dianggap sahabat Rasūlullāh yang paling tahu dengan al-Qur’ān. Demikian juga Sayyidinā ‘Alī ḻaḍīyAllāhu ‘anhu yang menetap di sana selama pemerintahannya, Abū Mūsā al-Ash‘arī, ‘Ammār dan lain-lain.

Sesungguhnya, Ibrāhīm al-Nakha‘ī dan kebanyakan ulama Iraq berpendapat bahawa hukum-hukum syarak boleh difikirkan maknanya, merangkumi perkara-perkara yang mendaratangkan *maṣlahah* kepada manusia, dan bahawa ia diasaskan atas dasar-dasar yang pasti dan ‘illah-‘illah yang dapat menjelaskan *maṣlahah* dan kebijaksanaan itu, sebagaimana ia dapat difahami daripada al-Qur’ān dan sunnah dan bahawa hukum-hukum *furu‘* disyariatkan berdasarkan ‘illah-‘illah itu. Tugas seorang *faqīh* ialah membahaskan ‘illah-‘illah hukum yang disyariatkan itu dan memahami tujuan-tujuannya dengan menjadikan hukum-hukum itu sentiasa berhubung kait dengan ‘illahnya dari sudut adanya hukum atau tiadanya. Para ulama Iraq juga berpendapat bahawa nas-nas syarak telah berakhir, namun kejadian-kejadian dan peristiwa tidak berakhir. Nas-nas telah berhenti dengan wafatnya Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*. Oleh yang demikian, seandainya ‘illah-‘illah hukum yang disyariatkan oleh al-Qur’ān dan sunnah tidak diambil perhatian adalah suatu hal yang tidak mungkin untuk menghadapi keperluan perundangan yang dihadapi manusia.

Daripada al-Ḥasan bin ‘Ubaydillāh al-Nakha‘ī, katanya, “Aku berkata kepada Ibrāhīm al-Nakha‘ī, “Adakah setiap yang aku dengar yang engkau fatwakan itu engkau telah mendengarnya (ada nasnya)?” Jawabnya, “Tidak.” Lalu aku berkata, “Engkau berfatwa dengan apa yang tidak engkau dengar?” Jawabnya, “Aku telah mendengarnya dan sampai kepada aku apa yang aku tidak dengar, lalu aku *qiyāskan* dengan apa yang aku dengar.”<sup>68</sup> Demikian ciri khas aliran Iraq, iaitu menggunakan pemikiran (*al-Ra‘y*) sekiranya *āthār* tidak ada.

Adapun Sa‘īd bin al-Musayyab dan ulama-ulama Madinah tidak mempedulikan ‘illah, kecuali apabila tidak berupaya sampai kepada

---

68 *Al-Faqīh wa al-Mutafaqqih* (1/203).

nas atau *āthār*. Tetapi bagaimana ia tidak berupaya kerana beliau sendiri menegaskan, “Tidak ada sesuatu hukum yang diputuskan oleh Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān dan ‘Alī melainkan aku telah mengetahuinya.”<sup>69</sup>

Di samping itu, persekitaran Madinah tidak mengalami perubahan dan pergolakan seperti yang terjadi pada persekitaran Iraq. Oleh itu, kebanyakan ulama Madinah apabila ditanya tentang sesuatu, sekiranya ada *āthār* di sisinya ia menjawab, kalau tidak, ia menyatakan keuzurannya. Telah ditanya Masrūq tentang satu masalah, lalu ia menjawab, “Aku tidak tahu,” lantas dikatakan kepadanya, “*Qiyāskanlah dengan pendapatmu?*” Maka ia berkata, “Aku takut tergelincir.”<sup>70</sup>

Antara perkara yang dapat menjelaskan kekhuatiran orang-orang Madinah menggunakan pemikiran dalam perkara yang tidak ada *āthārnya* ialah apa yang dikatakan oleh Ibn Wahab, Mālik berkata, “Sesungguhnya, Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* adalah *Imām al-Muslimīn* dan *Sayyid al-Ālamīn*, jika ditanya tentang sesuatu, maka tidak dijawabnya sehingga datang wahyu dari langit. Apabila Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tidak menjawabnya melainkan dengan wahyu, maka adalah suatu keberanian yang luar biasa apabila Baginda memberi jawapan dengan pemikirannya, atau dengan *qiyās*, atau mengikut apa yang disangkanya baik atau *‘urf*, atau *‘ādat*, atau *stiyāsah* atau perasaan, atau *kashf*, atau mimpi, atau *istihsān*, atau dugaan, *wallāh al-musta‘ān wa ‘alayhi al-tiklān.*”<sup>71</sup>

Sesungguhnya, perbezaan pendapat agak nyata antara kedua-dua aliran ini dan kritik-mengkritik pun sering berlaku, namun tidaklah sampai merosakkan adab perselisihan pendapat,<sup>72</sup> sebagaimana yang telah kami jelaskan dalam perbincangan-perbincangan yang lalu, ditambah lagi dengan dialog yang banyak berlaku antara dua aliran ini, ternyata tidak membawa mereka keluar daripada sempadan-sempadan adab perbezaan pendapat. Tegasnya tidak ada tindakan mengkafirkhan, atau memfasikkan, atau menuduh melakukan *bid‘ah munkar*, atau tidak memperakui saudaranya.

69 *Tabaqāt Ibn Sa‘ad*.

70 *I‘lām al-Muwaqqi‘īn*. (1/257).

71 *I‘lām al-Muwaqqi‘īn* (1/256) cetakan Dār al-Jabal.

72 Dapat dilihat pada *I‘lām al-Muwaqqi‘īn* (1/130) dan berikutnya.

Ibn Abī Shubramah berkata, “Aku bersama Abū Ḥanīfah mengunjungi Ja‘far bin Muhammad bin al-Hanafiyyah. Lalu aku memberi salam, kerana ia adalah teman baikku. Kemudian aku menemui Ja‘far dan kukatakan kepadanya, “Semoga Allāh menyenangkan hatimu, kerana bersamaku ada seorang alim yang bijak dari Iraq.” Lalu Ja‘far berkata kepadaku, “Barangkali dialah yang mengqiyāskan agama dengan pemikirannya.” Lalu ia berkata, “Bukankah dia al-Nu‘mān?” Abū Ḥanīfah berkata, “Ya, semoga Allāh memberikan kebaikan kepadamu.” Maka Ja‘far berkata, “Takutlah kepada Allāh, jangan engkau qiyāskan agama dengan pemikiranmu, kerana yang mula-mula melakukan qiyās ialah Iblis ketika ia diperintahkan oleh Allāh agar sujud kepada Ādam, lalu ia berkata, “Aku lebih baik daripadanya kerana engkau jadikan aku daripada api manakala engkau jadikan dia daripada tanah.”

Kemudian ia berkata kepada Abū Ḥanīfah, “Beritahu kepada aku suatu kalimat yang awalnya syirik dan yang akhirnya iman!” Jawab Abū Ḥanīfah, “Aku tidak tahu.”

Ja‘far berkata, “Itulah kalimat *Lā ilāha illāllāh*, kerana kalau ia berkata, *Lā ilāha* kemudian diam, nescaya ia menjadi kafir. Inilah dia kalimat yang awalnya syirik dan akhirnya iman.” Kemudian ia bertanya lagi, “Manakah yang besar dosanya di sisi Allāh, antara membunuh jiwa yang diharamkan Allāh, atau berzina?” Jawab Abū Ḥanīfah, “Tentu membunuh jiwa itu.” Lalu Ja‘far berkata, “Sesungguhnya, Allāh menerima dua saksi dalam hal pembunuhan, sedangkan dalam perkara zina ia tidak menerima selain empat orang saksi, bagaimana engkau hendak menegakkan *qiyās*?” Kemudian ia bertanya lagi, “Manakah yang lebih besar di sisi Allāh antara puasa dengan solat?” Jawab Abū Ḥanīfah, “Tentulah solat.” Lantas ia berkata, “Bagaimana halnya dengan golongan perempuan, apabila ia haid ia mesti mengqadā’ puasa tetapi tidak mengqadā’ solat? Takutlah kepada Allāh wahai ‘Abdullāh (Abū Ḥanīfah) dan jangan engkau mengqiyās kerana kita, aku dan engkau sama-sama berada di hadapan Allāh nanti, lalu kita berkata, “Telah berfirman Allāh ‘azza wa jalla yang telah bersabda Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, padahal engkau dan sahabatmu berkata, “Kita telah mengqiyās dan

kita telah mempunyai pendapat, lalu Allāh melakukan sesuatu kepada kami dan kamu apa yang dikehendaki-Nya.”<sup>73</sup>

Sebenarnya pertanyaan-pertanyaan Imām Abī Ja‘far bukan tidak dapat dijawab oleh orang seperti Imām Abū Ḥanīfah, namun untuk memelihara adab *Ahl al-Bayt* Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* menyebabkan beliau mengambil sikap berdiam diri.

Kita dapat mengambil pengajaran daripada perbincangan-perbincangan yang terdahulu bahawa *al-Adab al-Nabawī* yang luhur itu telah membantu orang-orang yang melakukan perbincangan itu, dan perbezaan pendapat tidaklah menjadi tembok pemisah yang menyekat pertemuan antara jarak orang-orang yang bersaudara. Apa yang disebut oleh ahli sejarah tentang keruncingan yang berlaku pada masa itu adalah, kebanyakannya berlaku di antara puak-puak ahli kalam yang membawa kepada perkara-perkara *i’tiqādiyyah*, sehingga timbulah tuduhan-tuduhan kufur, fasik atau *bid‘ah*, namun begitu masih ada yang dapat dicatat adab perbezaan pendapat dalam golongan ini.

## DIALOG ANTARA IBN ‘ABBĀS DENGAN KHAWĀRIJ

Daripada ‘Abdullāh bin al-Mubārak<sup>74</sup> katanya, telah sampai hadis kepada kami oleh ‘Ikrimah bin ‘Ammār, telah sampai kepada kami oleh Sammāk al-Hanafī, katanya, aku mendengar Ibn ‘Abbās berkata, ‘Alī berkata: “Jangan perangi Khawārij sehingga mereka keluar, kerana mereka itu akan keluar.” Ibn ‘Abbās berkata, aku berkata, “Ya Amīr al-Mu’mīnīn, bertenanglah dengan solat, kerana aku bermaksud untuk mengunjungi mereka agar aku dapat mendengar percakapan mereka dan aku juga dapat bercakap dengan mereka.” Ibn ‘Abbās berkata, “Aku adalah orang yang berbudi dan

---

73 *I'lām al-Muwaqqi 'in* (1/255-256).

74 ‘Abdullāh bin al-Mubārak. Beliau ialah ‘Abdullāh bin al-Mubārak bin Wāddih al-Ḥanzalī al-Tamīmī al-Marwazī yang digelar Abī ‘Abd al-Rahmān. Beliau ahli fiqh, *muḥaddith*, *hāfiẓ* dan *hujjah*, yang menghimpun di antara ilmu dan ibadah, *jihād* dan *tijārah*. Masyhur dengan sifat zuhud dan warak, wafat di bandar Het di Iraq tahun 181H. Riwayat hidupnya terdapat dalam *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (7/372), *al-Shīrāzī* (77) *al-Jarḥ wa al-Ta‘dil* (202/179) *al-Hilyah* (8/162) dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* (5/382).

tidak pernah menyakiti orang.” Dan seterusnya ia berkata, “Lalu aku memakai pakaian paling cantik yang diperbuat di Yaman, dan aku sikat rambut dengan baik lalu aku pergi menemui mereka.” Lantas mereka bertanya, “Pakaian apa ini?” Maka, kubacakan kepada mereka firman Allāh *subḥānahu wa ta’ālā*:

﴿٣٦﴾ قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ ...

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allāh yang telah dikeluarkannya untuk hamba-hamba-Nya, ...” (al-A‘rāf, 32)

Ibn ‘Abbās berkata, “Aku telah melihat Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* memakai pakaian Yaman yang paling cantik.” Lalu mereka berkata, “Kalau begitu tidak mengapa. Nah, apa maksudmu datang?” Aku jawab, “Aku datang kepada kamu dari sisi sahabat aku, iaitu anak bapa saudara Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dan sahabatnya, dan sahabat-sahabat Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* lebih tahu daripada kamu tentang wahyu, kerana pada mereka lah diturunkan al-Qur’ān, aku sampaikan kepada kamu daripada pihak mereka dan aku sampaikan kepada mereka daripada pihak kamu, apa sebabnya kamu menaruh harapan?” Sesetengah mereka berkata, “Jangan bercakap dengan dia, kerana orang Quraysh suka bertengkar.” Firman Allāh:

﴿٥٨﴾ بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصْمُونَ ...

“...Bahkan mereka itu adalah kaum yang suka sekali mengemukakan bantahan.” (al-Zukhruf, 58)

Tetapi, sesetengahnya berkata, “Ajaklah dia bercakap.” Lalu datanglah kepadaku dua atau tiga orang, lantas mereka berkata, “Jika engkau suka, engkau bercakap dan jika engkau suka, kami bercakap.” Aku berkata, “Bercakaplah kamu.” Lalu mereka berkata: “Tiga perkara yang kami menaruh dendam kepada ‘Alī, iaitu ia menjadikan hukum kepada manusia,” padahal Allāh berfirman:

﴿٤٠﴾ إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ ... ﴿٤١﴾

“...Hanya Allah jualah yang menetapkan hukum...”  
(al-An‘ām, 57; Yūsuf, 40 dan 67)

Aku berkata, “Sesungguhnya Allāh telah menjadikan hukum kepada manusia, dalam hal satu perempat dirham, dalam hal arnab<sup>75</sup> dan dalam hal perempuan dengan suaminya, Allāh berfirman:

فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا ... ﴿٢٥﴾

“...Maka lantiklah “orang tengah” (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan...” (al-Nisā’, 35)

Manakah lebih baik hukum tentang seorang lelaki dengan isterinya dan hamba daripada hukum (keputusan) tentang umat yang akan memelihara pertumpahan darahnya dan menyelesaikan keputusannya?” Mereka menjawab, “Ya.”

Mereka berkata, “Perkara lain yang dipersoalkan ialah sama ada Amīr al-Mu’minīn, atau Amīr al-Kāfirīn agaknya.” Aku berkata kepada mereka, “Apa pendapat kamu sekiranya aku bacakan kepada kamu daripada Kitab Allāh dan aku datangkan kepada kamu daripada *sunnah* Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, adakah kamu akan rujuk kembali?” Mereka menjawab, “Ya.” Aku berkata, “Sesungguhnya kamu telah mendengar atau aku kira telah sampai kepada kamu bahawa tatkala berlaku Perjanjian Hudaybiyyah, datang Suhayl bin ‘Amrū kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, lalu Baginda *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* berkata kepada ‘Alī, “Tulis ... Inilah perdamaian yang dibuat oleh Muḥammad Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*” Orang Quraysh berkata, “Kalau kami mengakui bahawa engkau Rasul Allāh, tentu kami tidak memerangimu. “Maka, Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* berkata kepada ‘Alī, “Hapuslah wahai ‘Alī.” Apakah tidak cukup alasan dengan ini?” Mereka menjawab, “Ya.”

Ibn ‘Abbās pun berkata, “Adapun kata-kata kamu bahawa ‘Alī berperang, tetapi tidak menawan atau mengambil harta rampasan (dalam Perang Jamal dan Siffin), adakah kamu akan menawan ibu

<sup>75</sup> Merujuk kepada firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* yang bermaksud, “...Maka dendanya ialah menggantikan dengan binatang ternak seimbang dengan buruan yang dibunuuhnya menurut keputusan (hukum) dua orang yang adil di antara kamu sebagai hadnya...” (al-Mā’idah, 95). Demikian tentang buruan orang yang ihram.

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

kamu (maksudnya Umm al-Mu'minīn ‘Ā’ishah *rađiyAllāhu ‘anhā*) dan kamu halalkan daripadanya seperti menghalalkan yang lainnya? Jika kamu katakan, ya, nescaya kamu telah kufur dengan Kitab Allāh dan keluar daripada Islam dan kamu berada dalam dua kesesatan.”

Setiap aku kemukakan alasan dan keterangan daripadanya, aku berkata tidakkah cukup alasan ini? Mereka berkata: “Ya.” Ibn ‘Abbās berkata, “Rujuk semula daripada mereka 2000 orang dan kekal 6000 orang.”<sup>76</sup>

Mereka itu adalah golongan yang menghunus pedang untuk berperang, dan mereka menghalalkan darah orang yang tidak sependapat dengan mereka, akan tetapi bila didebat dengan kebenaran ternyata menyahut sejumlah besar daripada mereka. Apabila mereka diperingatkan dengan al-Qur’ān, mereka mengambil pengajaran. Apabila diajak berbincang mereka menyahut dengan hati yang terbuka, tetapi di manakah orang-orang Islam pada hari ini?

---

76 *I'lām al-Muwaqqi'iñ* (1/214-215) dan ada jalan lain dengan lafaz yang berbeza.

## BAB KETIGA

# **PERBEZAAN MANHAJ PARA IMAM DALAM MENETAPKAN HUKUM**

# PERBEZAAN MANHAJ PARA IMAM DALAM MENETAPKAN HUKUM

## MAZHAB-MAZHAB FIQH

Mazhab-mazhab fiqh yang lahir selepas zaman sahabat dan *tābi‘īn* yang terkemuka mengikut sesetengah kalangan mereka ada 13 mazhab, dan semuanya dinisbahkan kepada *Ahl al-Sunnah*, yang kekal menjadi mazhab sebahagian besar dalam kalangan umat Islam. Namun, hasil karya penulisan fiqh yang sempat dibukukan hanya antara lapan atau sembilan sahaja daripada imam-imam yang berkenaan. Itu pun tidak sama, kerana ada antara hasil karya para imam itu yang dapat dibukukan semuanya dan ada pula yang hanya dapat dibukukan sebahagiannya. Dari sinilah dapat dikenali dasar-dasar mazhab dan manhaj fiqh yang mereka gunakan. Mereka ialah:

1. Imām Abū Sa‘īd al-Hasan bin Yasār al-Baṣrī, wafat tahun 110H.
2. Imām Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān bin Thābit bin Zuṭī, wafat tahun 150H.
3. Imām al-Awzā‘ī Abū ‘Amrū ‘Abd al-Rahmān bin ‘Amrū bin Muḥammad, wafat tahun 157H.
4. Imām Sufyān bin Sa‘īd bin Masrūq al-Thawrī, wafat tahun 160H.
5. Imām al-Layth bin Sa‘ad, wafat tahun 175H.
6. Imām Mālik bin Anas al-Asbūhī, wafat tahun 179H.
7. Imām Sufyān bin ‘Uyaynah, wafat tahun 198H.
8. Imām Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, wafat tahun 204H.
9. Imām Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, wafat tahun 241H.

Terdapat juga Imām Dāwūd bin ‘Alī al-Asbahānī al-Baghdādī yang terkenal dengan nama al-Zāhirī, kerana beliau berpegang kepada zahir lafaz al-Qur’ān dan sunnah, wafat tahun 270H.

Adapun para imam yang telah berakar umbi mazhab mereka dan kekal hingga ke hari ini, mempunyai ramai pengikut di seluruh negara Islam, fiqh serta ‘uṣūl al-fiqh yang mereka perkenalkan sentiasa menjadi bahan kajian serta sumber fatwa, mereka itulah imam yang empat, iaitu: Abū Ḥanīfah, Mālik, Shāfi‘ī dan Ahmad.

Selain mereka, ada ramai lagi, seperti Ishāq bin Rāhawayh, wafat tahun 238H, Abū Thawr Ibrāhīm bin Khālid al-Kalbī, wafat tahun 240H. Malahan masih banyak yang tidak tersebar mazhabnya dan tidak ramai pengikutnya, atau dianggap menjadi pengikut kepada mazhab-mazhab yang terkenal.

## MANHAJ PARA IMAM YANG MASYHUR

Imām Mālik, Imām Shāfi‘ī dan Imām Ahmad dianggap sebagai fuqaha hadis dan āthār, kerana mereka yang menerima fiqh *Ahl al-Madīnah* dan pendukung ilmunya. Sementara Imām Abū Ḥanīfah adalah pewaris *Ahl al-Ra'y* dan pemimpin aliran mereka pada zaman itu.

Sesungguhnya, perbezaan pendapat yang berlaku antara Sa‘īd bin al-Musayyab yang menegakkan fiqh dan āthār sahabat dan diikuti oleh al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah dan al-Hanbaliyyah, dengan aliran Ibrāhīm al-Nakha‘ī yang berpegang kepada *al-ra'y*, ketika ketiadaan āthār, adalah suatu proses yang *tabī‘ī*, apabila perbezaan pendapat itu berpindah pula kepada orang lain yang mengambil mazhab salah satu aliran ini. Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat ketika itu sudah menurun disebabkan Bani ‘Abbasiyyah yang memegang kuasa pemerintahan telah berusaha membawa ulama-ulama Hijāz yang terkemuka ke Iraq untuk menyebarkan sunnah (tegakkan) di sana. Antaranya ialah Rabī‘ah bin Abū ‘Abd Rahman, Yahyā bin

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Sa‘īd,<sup>1</sup> Hishām bin ‘Urwah,<sup>2</sup> Muḥammad bin Ishāq,<sup>3</sup> dan lain-lain. Sementara itu, ulama-ulama Iraq mengembara pula ke Madinah untuk belajar daripada ulama-ulama Madinah seperti Abū Yūsuf Ya‘qūb bin Ibrāhīm,<sup>4</sup> dan Muḥammad al-Ḥasan,<sup>5</sup> yang kedua-dua mereka belajar daripada Imām Mālik.<sup>6</sup> Dengan demikian, banyak pendapat dan pemikiran Iraq berpindah ke Ḥijāz, sementara banyak pula pemikiran Ḥijāz berpindah ke Iraq. Bagaimanapun, kita dapat

---

1 Yaḥyā bin Sa‘īd, ialah Yaḥyā bin Sa‘īd bin Farrūkh al-Qaṭān al-Tamīmī al-Baṣrī, digelar Abū Sa‘īd. Beliau termasuk pemuka *huffāz al-hadīth*, imam, *ḥujjah* dan *thiqah* yang kukuh ilmunya. Beliau adalah rakan Imām Mālik. Beliau adalah orang yang paling tahu *rījāl hadīth* dan mengenali hadis yang benar dan salah pada masanya. Beliau sering berfatwa dengan pendapat-pendapat Abū Ḥanīfah. Wafat tahun 198H. Riwayat hidupnya terdapat dalam *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (7/293), *al-Hilyah* (8/382), *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* (4Q2/152), *Tārīkh Baghdaḍ* (14/135), *al-Tadhkirah* (1/298) dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* (11/216).

2 Hishām bin ‘Urwah, ialah Hishām bin ‘Urwah bin Zubayr bin al-‘Awwām Abū Mundhir Usdī dari kalangan *tābi‘īn*. Beliau *thiqah*, *ḥāfiẓ* dan kukuh ilmunya, banyak hadis, *faqīh* dan termasuk ulama Madinah pada masanya. Wafat tahun 145H, atau 146H, 147H. Riwayat hidupnya pada *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (7/321), *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* (4Q2/63), *Tārīkh Baghdaḍ* (14/37) dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* (11/48).

3 Muḥammad bin Ishāq, ialah Muḥammad bin Ishāq bin Yasār al-Madanī. Menetap di Iraq dan wafat di Baghdaḍ tahun 151H. Imam dan ahli tentang sejarah peperangan dan sirah. Riwayat hidupnya pada *Tārīkh Baghdaḍ* (1/214), *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (7/321), *al-Tadhkirah* (1/172), *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* (3Q2/191), *al-Mīzān* (3/468) dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* (9/39).

4 Ya‘qūb bin Ibrāhīm, ialah Ya‘qūb bin Ibrāhīm bin Habīb al-Anṣārī al-Kūfī al-Baghdaḍī. Beliau adalah murid dan sahabat Abū Ḥanīfah yang paling terkemuka, *Qādī al-Quḍāh al-Hādī*, *al-Mahdī wa al-Rashīd*. Wafat di Baghdaḍ tahun 182H atau 181H. Riwayat hidupnya terdapat dalam *Tārīkh Baghdaḍ* (14/242), *al-Tadhkirah* (1/292), *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* (4Q2/201), *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (7/330) dan *al-Jawāhir al-Muḍī’ah* (2/220), malahan ada riwayat hidup dan *manāqibnya* yang ditulis dengan kajian tersendiri.

5 Muḥammad bin al-Ḥasan, ialah sahabat dan penyebar fiqh Abū Ḥanīfah. Digelar Abū ‘Abdullāh. Ketua mahkamah di al-Riqqah dan al-Ray pada zaman al-Rashīd. Wafat pada tahun 189H di al-Ray. Riwayat hidupnya terdapat dalam *Tabaqāt Ibn Sa‘ad* (7/336), *al-Mīzān* (3/513), *Tārīkh Baghdaḍ* (2/172), *al-Shadharāt* (1/321) dan *al-Jawāhir al-Muḍī’ah* (2/42).

6 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/434-435).

bahawa tiga orang imam lain, iaitu Imām Mālik, Imām Shāfi‘ī dan Imām Ahmad membentuk manhaj yang hampir sama antara mereka, walaupun ada perbezaan dalam dalam manhaj dan metode *istinbāt*, sementara Imām Abū Ḥanīfah membentuk manhaj sendiri yang jauh berbeza daripada manhaj mereka.

## MANHAJ IMĀM ABŪ ḤANĪFAH

Manhaj yang dibawa oleh Abū Ḥanīfah adalah jelas berbeza daripada manhaj yang digunakan oleh tiga orang imam lain. Kaedah-kaedah mazhab yang diperkenalkannya dapat disimpulkan daripada ucapannya, “Aku mengambil daripada al-Qur’ān apabila aku mendapatinya. Apabila aku tidak menjumpainya, aku mengambil dari sunnah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dan *āthār* yang sahih yang ada pada orang-orang *thiqah*. Apabila aku tidak mendapatinya pada al-Qur’ān dan sunnah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* aku mengambilnya daripada sesiapa yang aku kehendaki, kemudian aku tidak akan meninggalkan pendapat orang lain. Apabila persoalannya sampai kepada Ibrāhīm, al-Shi‘bī dan Ibn al-Musayyab (dan menyebut beberapa orang lagi), maka aku berijtihad sebagaimana mereka berijtihad.”

Inilah dasar-dasar utama mazhab Imām Abū Ḥanīfah. Di samping itu, ada dasar *furu‘* atau dasar sekunder yang merupakan perincian dari dasar-dasar utama itu. Dasar-dasar inilah yang menampakkan ciri perbezaan dengan dasar-dasar tiga orang imam yang lain, misalnya pandangan mereka, ‘kepastian *dilālah* (indikasi) lafadz yang ‘ām adalah sama seperti *khāṣ*<sup>7</sup>, ‘mazhab (pendapat) *al-Sahābī* (sahabat)

<sup>7</sup> *Al-‘ām*: ialah lafadz yang merangkumi semua makna diletakkan baginya seperti lafadz *kullu* (seluruh) atau *jamī‘u* (semua) dan sebagainya. *Al-khaṣ*: ialah lafadz yang menunjukkan sesuatu yang tertentu seperti nama-nama yang tertentu dan seumpamanya.

*Al-qat‘ī*: ialah kepastian atau kemutlakan. Kadang-kadang nasnya *qat‘ī dilālahnya* dan *qat‘ī thabitnya*, seperti ayat-ayat al-Qur’ān yang *zāhir*, yang mana nasnya *shāhīh* dan *muhkam*, yakni terang maksudnya. Kadang-kadang nasnya *qat‘ī thabitnya*, tetapi *zannī dilālahnya*, iaitu nas yang thabit dengan jalan yang meyakinkan seperti ayat-ayat al-Qur’ān dan *hadis mutawātir*. Apabila maknanya berkemungkinan lebih dari satu, maka *dilālahnya* adalah *zannī* ke atas makna yang diandaikannya itu, seperti firman Allāh:

adalah berfungsi untuk mengkhususkan makna lafaz yang umum yang berlawanan dengannya<sup>8</sup>, ‘ramai perawi tidak menjadikan hadis itu kuat’, ‘tidak diambil kira *mafhūm* syarat dan sifat.’<sup>9</sup>,

وَالْمُطَّلِقُ بِتَرْكِهِنَّ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةٌ قُرُونٌ ...  
⑥

“Hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (daripada haid)...”  
(al-Baqarah, 228)

Ini adalah nas yang *qat’i* kerana ia merupakan nas al-Qur’ān yang dipindahkan kepada kita dengan jalan *mutawātir*, akan tetapi *dilālahnya zannī* ke atas makna *al-tuhr* (suci) atau makna haid, kerana ulama telah berbeza pendapat tentang makna yang dimaksudkan dengan perkataan *quru’* adakah maksudnya haid atau suci. Masing-masing ada ulasan dan alasan.

8 Mazhab Sahabat berfungsi untuk mengkhususkan makna lafaz yang umum yang berlawanan dengannya. Dalil-dalil yang umum dimasuki oleh sesuatu yang mengkhususkannya seperti pengecualian dan seumpamanya. Antara yang dianggap oleh sesetengah ulama berfungsi mengkhususkan dalil itu ialah amalan sahabat Nabi atau mazhabnya yang berlawanan dengan keumuman lafaz, maka mereka mengiranya sebagai mengkhususkan dalil itu, kerana mereka mengandaikan bahawa para sahabat tidak akan berpendapat menyalahi keumuman dalil yang diketahuinya andainya ia tidak mengetahui bahawa Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* mengkhususkan keumuman itu.

9 Tidak diambil *mafhūm* syarat dan sifat: *Dilālah al-Mafhūm* ialah indikasi lafaz ke atas hukum sesuatu yang tidak disebut di dalam perkataan itu, seperti indikasi firman Allāh:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ  
إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا...  
⑦

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir...” (al-An‘ām, 145)

Difahami daripada firman-Nya ‘mengalir’, maka halallah darah yang tidak mengalir seperti hati dan limpa. Adapun *mafhūm* syarat ialah indikasi lafaz yang memberitahu akan hukum yang dikaitkan dengan syarat bahawa *thabitnya* lawan hukum itu ketika tiadanya syarat, misalnya firman Allāh *subhānahu wa ta‘ālā*:

وَإِنْ كُنْتُ أُولَئِكَ حَمْلٌ فَأَنْفُقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعُنَّ حَمْلَهُنَّ ...  
⑧

“...dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka naskahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...”  
(al-Talāq, 6)

‘dalam perkara ‘*umūm al-balwā* tidak diterima hadis berdasarkan riwayat orang perseorangan’<sup>10</sup>, ‘*al-Amr* (perintah) menghendaki wajib secara pasti selagi tidak ada yang memalingkannya’, ‘apabila perawi yang *faqīh* menyalahi riwayatnya, dengan mengamalkan apa yang berlawanan dengan riwayatnya, maka yang diamalkan adalah pendapatnya, bukan riwayatnya’, ‘mendahulukan *qiyās* yang nyata di atas *khabar wāhid* (riwayat perseorangan) yang bertentangan dengannya’, serta ‘mengambil *istihsān*<sup>11</sup> dan meninggalkan *qiyās* ketika ternyata adanya keperluan.’ Oleh yang demikian, ada diriwayatkan dari Imām Abū Ḥanīfah yang berkata: “Kami tahu bahawa ini adalah pendapat yang terbaik yang terdaya oleh kami, sesiapa yang dapat membawa kepada kami pendapat yang lebih baik daripadanya, kami akan menerimanya.”

## MANHAJ IMĀM MĀLIK

Imām Mālik *raḥimahullāhu ta ‘ālā* pula mempunyai manhaj yang berbeza. Beliau berkata: “Apakah setiap kali datang kepada kami

---

*Manṭūq* (logik) ayat ini menunjukkan wajib memberi nafkah perempuan hamil yang sedang dalam ‘*iddah* sehingga ia bersalin, tetapi dengan menggunakan *mafhūm* syarat, ia menunjukkan bahawa tidak wajib memberi nafkah perempuan yang dalam ‘*iddah* dan tidak hamil.

Adapun *mafhūm* sifat ialah indikasi lafadz yang disifatkan di atas thabitnya lawan hukum yang difahamkan secara logik daripada susunan perkataan itu ketika tiadanya sifat yang berkenaan, misalnya firman Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*:

وَحَلَّتِلُّ أَبْنَاءِ إِكْرَمَةَ مِنْ أَصْلَهِ كُنْمٌ ...

“... *Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal daripada benih kamu...*” (*al-Nisā'*, 23)

Ayat ini memberi indikasi dengan lafadz atas haramnya isteri anak bagi bapanya jika anak itu kandungannya, dan memberi indikasi dengan *mafhūm* sifat atas tidak haramnya isteri anak angkatnya, kerana ia bukan anak kandung.

10 ‘*Umūm al-Balwā*, mengikut fuqaha ialah perkara-perkara yang diberi keuzuran atau sangat sukar untuk memeliharanya, seperti tanah lumpur, jalan raya atau air yang turun dari pancutan dan sebagainya.

11 *Al-Istihsān* ialah memilih untuk meninggalkan hukum yang sama dan setanding dengannya dalam sesuatu masalah untuk mengambil hukum yang berlawanan dengannya kerana sesuatu cara yang menghendaki keringanan. Lihat kitab *Raf‘ al-Haraj* oleh Dr. Ya‘qūb al-Bāḥasīn (396).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

seseorang, kami tinggalkan apa yang dibawa oleh Jibrīl kepada Nabi Muhammmad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, nescaya perbuatan itu membantah Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.<sup>12</sup> Telah disebutkan sebelum ini bahawa mazhab Imām Mālik adalah mazhab Hijāz, pendukung aliran Imām Sa‘īd bin al-Musayyab *rahimahullāhu ta ‘ālā*. Kaedah-kaedah mazhab Imām Mālik dapat disimpulkan sebagai berikut:

- Berpegang kepada *naṣ* al-Qur’ān;
- Kemudian berpegang kepada *zāhir* al-Qur’ān, iaitu *al-‘umūm*;
- Kemudian berpegang kepada *dalīl* al-Qur’ān, iaitu *mafhūm mukhālafah*.
- Kemudian berpegang kepada *mafhūm* al-Qur’ān, (ia maksudkan *mafhūm muwāfaqah*);
- Kemudian berpegang kepada *tanbīh* al-Qur’ān, iaitu pemerhatian terhadap *‘illah*, seperti firman Allāh:

﴿...فِإِنَّهُ وَرِجُسٌ أَوْ فِسْقًا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ...﴾<sup>145</sup>

“...kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau, sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain daripada Allah...” (al-An‘ām, 145)

Semua dasar ini ada lima ditambah pula lima yang serupa daripada sunnah menjadikan jumlahnya sepuluh.

- *ijmā‘*;
- *qiyās*;
- ‘*amal Ahli Madīnah*;
- *istihsān*;

---

12 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/378).

- menghukum dengan *sadd al-zarā'i*;
- *al-Maṣāliḥ al-Mursalah*;<sup>13</sup>
- pendapat sahabat (jika sanadnya sahih dan hendaklah sahabat yang terkenal);
- memerhati dan meneliti perbezaan pendapat (jika kuat dalil pihak penentang);
- *istiṣḥāb*;
- syarak umat yang terdahulu.

## MANHAJ IMĀM AL-SHĀFI‘Ī

Kaedah-kaedah dan dasar-dasar mazhab Imām al-Shāfi‘ī *raḥimahullāhu ta‘ālā* ialah seperti yang diringkaskannya dalam kitab *uṣūlnya al-Risālah*, yang dianggap kitab ‘uṣūl al-fiqh yang julung kali disusun dalam sejarah Islam.

Imām al-Shāfi‘ī *raḥimahullāhu ta‘ālā* berkata, “Al-Qur’ān dan sunnah adalah asas, jika tidak ada, maka diqiyāskan pada kedua-duanya. Apabila bersambung sanad hadis kepada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dan sahih *isnādnnya* kepada Baginda, maka itulah yang paling sempurna. *Ijmā‘* lebih besar daripada hadis riwayat perseorangan. Hadis terikat mengikut zahirnya, bila mempunyai beberapa kemungkinan makna, maka makna yang

---

13 *Al-Maṣāliḥ al-Mursalah*: ialah setiap yang bermanfaat yang selaras dengan tindakan Al-Shāfi‘ī, sesuai dengan tujuannya, tidak dapat disaksikan asal yang ditentukan sama ada jadi ataupun tidak. Contohnya akad tempahan iaitu ada berakad dengan seseorang supaya ia membuat untuk anda sesuatu yang belum wujud ketika berakad itu, padahal mengikut ketentuan Al-Shāfi‘ī akad tidak dianggap sah melainkan akad dilakukan ke atas sesuatu yang diketahui dan boleh berlaku penyerahan, sedang tempahan itu adalah sesuatu yang belum wujud. Namun jelas di sini ada kepentingan dan *maṣlaḥah* manusia. Sekiranya tidak dibolehkan hilanglah *maṣlaḥah* itu. Oleh yang demikian Al-Shāfi‘ī memperakuinya. Begitu jugalah mengenai akad benda-benda yang remeh-temeh yang biasa di antara manusia, di mana mereka memerlukannya kerana kepertinginan dan *maṣlaḥah* mereka, maka sesetengah ulama tidak mensyaratkan ijab dan qabul padanya.

lebih serupa dengan zahirnya adalah lebih utama. Bila hadis-hadis bersamaan, maka *isnād* yang lebih *sahīh* adalah yang paling utama. Hadis yang terputus sanadnya tidak diterima kecuali daripada Ibn Musayyab. Tidak diqiyāskan asal kepada asal dan tidak dikatakan kepada asal kenapa dan mengapa? Hanya dikatakan kepada *fara'* kenapa? Apabila sah *qiyāsnya* kepada asal, maka sahlah dia dan berdirilah hujah dengannya.”<sup>14</sup>

Dengan demikian, Imām al-Shāfi‘ī *rahimahullāhu ta‘ālā* berpendapat bahawa al-Qur‘ān dan sunnah adalah sama, sebagai sumber undang-undang. Beliau tidak mensyaratkan apa-apa melainkan *sahīh* dan bersambung sanadnya, kerana ia adalah asas, sedang asas tidak dikatakan kepadanya, kenapa dan mengapa? Maka tidak disyaratkan *hadīth mashhūr*,<sup>15</sup> dalam menghadapi peristiwa ‘umūm al-balwā, sebagaimana disyaratkan oleh Imām Abū Ḥanīfah, dan tidak mensyaratkan wujudnya percanggahan hadis amalan Ahli Madinah, sebagaimana yang disyaratkan oleh Imām Mālik, namun beliau tidak menerima *hadīth mursal*<sup>16</sup> kecuali Mursal Sa‘īd bin al-Musayyab, kerana mempunyai jalan-jalan yang bersambung di sisinya. Dalam hal ini, beliau berbeza pendapat dengan Imām Mālik, al-Thawrī dan orang yang sezaman dengannya daripada kalangan *Ahl al-Hadīth*, di mana mereka menerima *hadīth mursal* itu sebagai hujah.<sup>17</sup> Imām al-Shāfi‘ī juga menolak hujah “*istihsān*”, berbeza dengan pendirian al-Mālikiyah dan al-Hanafiyah mengenainya. Beliau telah menolak *istihsān* dalam tulisannya *Ibṭal al-Istihsān*, di mana beliau mengucapkan kata-katanya yang masyhur, “Barang siapa yang melakukan *istihsān*, sesungguhnya ia telah menokok tambah dalam syarak.” Beliau juga telah menolak *al-Maṣāliḥ*

---

14 *Al-Minhāj*, oleh al-Nawawī dan *Fikr al-Sāmī* (1/398).

15 *Hadīth mashhūr* ialah hadis yang mempunyai jalan lebih dari dua, atau hadis yang diriwayatkan pada setiap tingkatan oleh tiga ataupun lebih dan tidak sampai bilangan mutawatir. Dinamakan demikian kerana masyhur dan nyata. Lihat *Sharḥ Nuzhah al-Naṣrī Nukhbah al-Fikrī* (17) terbitan al-Jāmi‘ah al-Salafiyyah, Benares, India.

16 *Hadīth mursal* ialah hadis yang digugurkan dari akhir sanadnya perawi selepas *tābi‘īn*, seperti seorang *tābi‘īn* berkata: “Telah bersabda Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* seperti ini tanpa menyebut perawi yang meriwayatkan ucapan Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* itu.

17 *Al-Fikr al-Sāmī* (1/399).

*al-Mursalah* dan mengingkari hujahnya. Beliau menolak untuk berhujah dengan *qiyās* yang tidak diasaskan kepada ‘illah yang tepat dan nyata. Beliau menolak berhujah dengan amalan Ahli Madinah, sebagaimana beliau tidak dapat menerima pendirian al-Hanafiyah yang meninggalkan kebanyakan sunnah kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang mereka tetapkan seperti masyhur dan sebagainya, dan beliau tidak membataskan diri untuk mengambil hadis-hadis orang-orang Hijāz sebagaimana pendirian Imām Mālik.

Inilah dasar-dasar mazhab Imām al-Shāfi‘ī yang terpenting secara ringkas, di samping perbezaan yang tidak terkira banyaknya dengan dasar-dasar mazhab al-Hanafiyah dan al-Mālikiyah.

## MANHAJ IMĀM AHMAD BIN HANBAL

Kaedah-kaedah mazhab Imām Ahmad bin Ḥanbal, ternyata sangat hampir dengan kaedah-kaedah mazhab Imām al-Shāfi‘ī yang telah disebutkan, iaitu:

1. Berpegang kepada nas-nas al-Qur’ān dan sunnah, apabila beliau menjumpainya dan tidak akan berpaling kepada yang selain daripadanya. Beliau tidak mendahulukan amalan Ahli Madinah, pemikiran, *qiyās*, pendapat sahabat, atau *ijmā‘* yang tidak diketahui pertikaianya, daripada hadis sahih lagi *marfū‘*.
2. Apabila beliau tidak menjumpai nas dalam sesuatu masalah, beliau beralih kepada fatwa sahabat. Apabila beliau menjumpai pendapat sahabat dan tidak ada yang menentangnya daripada kalangan sahabat, beliau tidak akan beralih kepada pendapat yang lain, dan tidak akan mendahulukan sesuatu amalan, pemikiran dan *qiyās* ke atasnya.
3. Apabila para sahabat berbeza pendapat, beliau memilih pendapat yang lebih hampir kepada al-Qur’ān dan al-sunnah dan menepati pendapat itu. Apabila tidak jelas pendapat yang lebih hampir kepada al-Qur’ān dan al-sunnah, beliau menceritakan perbezaan pendapat itu dan tidak memutuskan salah satu daripadanya.
4. Beliau mengambil *hadis mursal* dan *hadis da‘īf* apabila tidak mendapati *āthār* yang menolaknya, atau pendapat sahabat, atau *ijmā‘* yang menentangnya. Beliau mendahulukan *hadis da‘īf* daripada *qiyās*.

5. Bagi beliau *qiyās* adalah dalil darurat yang digunakan ketika tidak didapati dalil-dalil yang terdahulu.
6. Beliau mengambil *sadd al-zarā'i*.<sup>18</sup>

## **MANHAJ IMĀM AL-ΖĀHIRĪ**

Barangkali ada baiknya dikemukakan juga kaedah-kaedah mazhab *Zāhirī* dan dasar-dasarnya secara ringkas, kerana mazhab ini termasuk antara mazhab-mazhab Islam yang berpengaruh dan mempunyai pengikut dalam kalangan Ahli Sunnah. Sesungguhnya, telah terjadi perbezaan pendapat yang hebat antara mazhab *Zāhiriyah* dengan *Hanafiyah*, *Mālikiyah*, *Ḥanābilah* dan *Shāfi‘īyah*. Bagaimanapun, Imām Dāwūd al-Ζāhirī mengiktiraf akan banyaknya kelebihan Imām al-Shāfi‘ī.

Dasar mazhab *Zāhirī* yang paling utama ialah berpegang kepada zahir ayat-ayat al-Qur’ān dan sunnah serta mendahulukan kepada penelitian makna-makna, hikmah-hikmah dan *maṣlahah-maṣlahah* yang mengikut anggapan menjadi punca ia disyariatkan. *Qiyās*<sup>19</sup> tidak diamalkan selagi ‘illah ditegaskan pada tempat pertama (yang diqiyāskan atasnya) dan pasti adanya pada tempat kedua (yang diqiyāskan), di mana hukum menepati pasti wujud ‘illah (*tahqīq al-manāt*).<sup>20</sup>

---

18 *Sadd al-zarā'i*: *al-Zāri‘ah* mengikut bahasa ialah jalan yang menyampaikan kepada sesuatu yang lain sama ada nyata atau maknawi, baik atau buruk. mengikut istilah ia bermakna yang menyampaikan kepada sesuatu yang dilarang yang mengandungi kerosakan. Contohnya melihat perempuan ajnabi, maka sesungguhnya ia menyampaikan kepada zina, lalu diharamkan melihatnya, dengan anggapan dapat menutup jalan yang menyampaikan kepada zina.

Boleh diteliti perkara-perkara yang diambil ataupun tidak oleh Imām Ahmad daripada dalil-dalil yang dipertikaikan dalam kitab-kitab seperti *I'lām al-Muwaqqi‘in*, dan *al-Madkhāl wa Uṣūl Imām Ahmad*.

19 *Al-Qiyās*: boleh merujuknya dalam pembahasan yang berkaitan dengan kecederaan ‘illah dan soalan-soalan yang timbul atas *qiyās*.

20 *Tahqīq al-manāt*: ialah mengenali bahawa keadaan sifat itu sebagai ‘illah bagi hukum, maka para mujtahid melakukan ijtihad untuk mengenali perkara-perkara yang diperoleh padanya ‘illah. *Al-Manāt* ialah ‘illah. Dinamakan

Beliau juga melarang penggunaan *istihsān* dan hanya berdalil dengan *ijmā‘* yang berlaku pada zaman sahabat sahaja, tidak beramal dengan *ḥadīth mursal* dan *munqati‘*, iaitu berbeza daripada pendirian Mālikiyah, Ḥanafiyah dan Ḥanābilah, dan tidak mengamalkan syariat orang yang terdahulu, dan tidak membenarkan seseorang beramal dengan pendapat pemikiran, sepermata firman Allāh:

(٣٨) ... مَا فَطَنَاهُ اللَّكَبِ مِنْ شَيْءٍ

“...tidak Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam Kitab al-Qur’ān ini...” (al-An‘ām, 38)

Melaksanakan hukum yang ditetapkan untuk sesuatu perkara yang lain adalah bertentangan dengan hukum Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*, dan tidak dibenarkan bagi seseorang mengatakan pendapat dengan *maṣḥūm* yang berlawanan.

Taklid adalah haram ke atas orang awam sebagaimana haramnya ke atas orang alim. Tiap-tiap mukallaf wajib berijtihad mengikut kadar kemampuannya.<sup>21</sup>

## ULASAN KAMI

Sebenarnya kebanyakan dasar yang dinisbahkan kepada para imam yang menjadi ikutan umat itu adalah dasar-dasar yang dihasilkan daripada pendapat-pendapat mereka, yang tidak dapat dipastikan kebenaran riwayat daripada mereka.

---

demikian kerana hukum itu dipertautkan dengannya. Apabila ditegaskan bahawa ‘illah memotong tangan pencuri ialah perbuatan mencuri, iaitu mengambil harta secara sembunyi dari gudangnya, maka mujtahid berusaha mengenali perkara-perkara yang wujud padanya sifat mengambil harta orang lain secara sembunyi dari tempat penyimpanannya, lalu diqiyāskanlah penyeluk saku atau pencuri barang-barang dalam kubur kepada pencuri, kerana masing-masing sesuai perbuatannya itu atas sifat ini dan didapati ada ‘illah padanya.

21 Dasar-dasar ini kami ringkaskan dari kitab-kitab *al-Nabdhū* dan *al-Ihkām* oleh Ibn Hazm.

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

Oleh itu, mengikat diri dengannya dan mempertahankannya serta bersusah payah untuk menampilkannya dan menjawab serta menolak segala pendapat yang berbeza dengannya sehingga memalingkannya daripada mempelajari al-Qur'an dan sunnah adalah merupakan faktor yang paling menonjol daripada perbezaan pendapat yang buruk, yang tidak menjadi tujuan para imam itu sendiri.

Malangnya umat Islam pada zaman yang akhir ini telah jauh daripada nilai-nilai yang mulia itu sehingga mereka terlibat dalam persoalan-persoalan yang remeh-temeh, yang menyeret mereka ke jurang kehancuran yang menimpa umat pada hari ini.

BAB KEMERDEKAAN

# **SEBAB-SEBAB PERBEZAAN PENDAPAT DAN PERKEMBANGANNYA**

## **SEBAB-SEBAB PERBEZAAN PENDAPAT DAN PERKEMBANGANNYA**

### **SEBAB-SEBAB PERBEZAAN PENDAPAT PADA ZAMAN KENABIAN HINGGA ZAMAN FUQAHĀ**

Apabila kita terima bahawa perbezaan pendapat dalam persoalan pemikiran, termasuk dalamnya persoalan fiqh merupakan suatu perkara yang *tabī‘ī*, berdasarkan fitrah manusia yang terdiri daripada pelbagai pemikiran, fahaman dan pengetahuan, maka kita mestilah mengakui bahawa perbezaan pendapat yang berlaku pada zaman Nabi dan Khulafā’ al-Rāshidīn antara sebahagian sahabat, merupakan suatu realiti yang telah dibuktikan oleh pelbagai peristiwa dan kejadian. Usaha untuk menafikannya tidak membawa kebaikan kepada agama ini, malahan kami berpendapat bahawa penjelasan itu tidak membawa kesan buruk kepada dakwah *Islāmiyyah*, kerana orang-orang yang berbeza pendapat itu mempunyai niat yang baik.

Namun, suatu kepastian yang meyakinkan ialah bahawa perbezaan pendapat itu bukanlah muncul daripada sebab kelemahan akidah, atau keraguan terhadap risalah yang dibawa oleh Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, tetapi semata-mata untuk mencari kebenaran dan keinginan untuk mencapai ketepatan hukum-hukum yang dimaksudkan oleh al-Shāri‘, adalah merupakan matlamat daripada semua pihak yang berbeza pendapat.

Apabila Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang menjadi sumber hukum-hukum itu, maka ternyata tempoh perbezaan pendapat itu tidak berpanjangan dari jalan yang membawa kepada pertemuan dan penyelesaian daripada Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*. Sesungguhnya, kita telah melihat daripada peristiwa-peristiwa yang telah berlalu bahawa perbezaan pendapat pada keseluruhannya terjadi adalah disebabkan perbezaan dalam memahami nas dengan sebab-sebab bahasa atau ijtihad, dalam mentafsirkan Kitab *subḥānahu wa ta ‘ālā* dan sunnah Rasul-Nya *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang ada di hadapan mereka. Tidak ada di sebalik sebab-sebab ini niat buruk

untuk menyebabkan perselisihan yang sentiasa dinantikan oleh golongan *munāfiqīn*.

Dengan demikian, perbezaan pendapat itu segera berakhir dengan menemui Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, atau dengan menerima ketetapan nas yang diperolehi oleh sesetengah mereka, kerana matlamat daripada fitrah yang sihat adalah untuk menegakkan kebenaran di mana-mana sahaja.

Memang logik sekiranya sesetengah asas persoalan dalam perbezaan pendapat itu beralih dari semasa ke semasa, kerana amat sukar untuk membuat batasan pada setiap masa, namun satu perkara baharu telah timbul dalam konteks perbicaraan mengenai Islam, di mana ia telah menghasilkan sebab-sebab dan faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pendapat itu.

Maka, selepas pembunuhan Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān *raḍiyAllāhu ‘anhu*, negara Islam menghadapi pergolakan yang hebat, yang mana peristiwa-peristiwa yang terjadi telah menyebabkan berlakunya perbezaan pendapat terhadap perkara-perkara baharu, yang menyebabkan negara-negara Islam mengambil tindakan yang berhati-hati untuk menerima hadis-hadis Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, kerana takut terambil hadis-hadis palsu yang direka-reka oleh golongan yang tidak bertanggungjawab, sebagaimana yang kami sebut sebelum ini.

Maka, terbinalah Madrasah Kufah dan Basrah yang menyediakan daerah persekitaran yang subur bagi pergelutan dan pertembungan pemikiran politik, di mana lahirnya bermacam-macam fikrah dan golongan, seperti Khawārij, Shī‘ah, Murji‘ah,<sup>1</sup> Mu‘tazilah, Jahmiyyah dan sebagainya daripada golongan pendukung hawa nafsu dan *bid‘ah*.

---

<sup>1</sup> *Murji‘ah* ialah golongan yang dinisbahkan kepada pendapat *irjā*’ di dalam iman. Erti *irjā*’ mengikut bahasa ialah menta’*khirkan*. Manakala, mengikut istilah ialah menta’*khirkan* amalan dari iman, kerana mereka berkata bahawa maksiat bersama iman tidak merosakkan, sebagaimana tidak bermanfaat taat bersama kufur, iaitu berbeza dari pendapat *Ahl al-Kiblah*. Mereka terbahagi kepada lima golongan.

Untuk mengenali golongan-golongan mereka dan perbicaraan mengenainya, lihat *al-Tafsīr fī al-Dīn* (97), *I’tiqādāt al-Firaq* oleh al-Rāzī (107 dan berikutnya) dan *Mawāqif* oleh ‘Aḍuddīn al-Ījī (427).

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Dari sini lahir pula bermacam sistem pemikiran sesuai dengan pelbagai ragam fikrah dan golongan itu. Masing-masing mempunyai prinsip dan kaedah sendiri dalam memahami nas-nas syarak serta mentafsirkannya sebagai sumber perundangan Islam, termasuk juga sikap dan pendirian mereka dalam menghadapi pelbagai persoalan yang baharu. Disebabkan inilah perlunya untuk membuat garis panduan serta menetapkan manhaj dan metode untuk mengistinbātkan hukum daripada wahyu Ilahi terhadap perkara-perkara yang berlaku, di samping menetapkan perkara-perkara yang boleh berbeza pendapat, ataupun yang tidak boleh.

Barangkali ini adalah termasuk kurniaan Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*, yang menjadikan lapangan fikrah berada dalam lingkungan yang mengharuskan perbezaan pendapat mengenainya. Ini kerana ‘fiqh’ adalah merupakan pengetahuan seorang ahli fiqh tentang ketetapan hukum bagi peristiwa yang berlaku berdasarkan satu dalil daripada dalil-dalil syarak yang terperinci yang ditetapkan oleh al-Shāri‘ bagi menunjukkan hukum-hukum-Nya berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan sunnah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*. Pendapat tersebut boleh jadi menepati hukum al-Shāri‘ ataupun mungkin juga tidak menepati. Namun, dalam dua keadaan ini ia tidak dituntut lebih daripada berusaha sejauh yang dapat dicapai oleh akal dan pemikirannya untuk sampai kepada hukum itu. Seandainya ia tidak sampai, maka kepada yang paling hampir, mengenai hakikat, tujuan dan kesan-kesannya.

Oleh yang demikian, perbezaan pendapat (الاختلاف) itu merupakan perkara yang disyariatkan, tetapi dengan memenuhi dua syarat:

Bahawa masing-masing yang berbeza pendapat mempunyai dalil yang sah dijadikan hujah. Apabila tidak ada dalil yang sah untuk dijadikan hujah, maka dengan sendirinya ia gugur dan tidak dikira daripada asal lagi.

Bahawa pegangan dengan pendapat yang bertentangan itu tidak membawa kepada perkara yang mustahil atau batil. Apabila berlaku sedemikian, pendapat tersebut terbatal sejak pemulaan lagi dan tidak dibenarkan sama sekali bagi sesiapa pun untuk mengambil pendapat yang demikian. Apabila berlaku yang demikian, berubahlah perbezaan pendapat (الاختلاف) menjadi perselisihan (الخلاف).

Perbezaan pendapat (*الاختلاف*) merujuk kepada keadaan yang memenuhi dua syarat yang disebutkan. Ia merupakan satu fenomena yang muncul berdasarkan pemikiran rasional dan ijтиhad. Manakala, sebab-sebabnya berdasarkan manhaj yang terarah mengikut kebiasaannya.

Adapun perselisihan (*الخلاف*) ialah keadaan yang tidak memenuhi dua syarat atau salah satu daripada syarat tersebut. Ia merupakan kecelaruan, hawa nafsu dan kedegilan. Ia juga tidak mempunyai sebab yang dapat menyelesaikan sesuatu persoalan.

## **SEBAB-SEBAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM LAPANGAN FIQH PADA ZAMAN FUQAHĀ**

Para fuqaha, yang telah disepakati oleh umat tentang pendapat-pendapat mereka sangat mengambil berat terhadap dua syarat yang telah disebutkan sebelum ini. Perbezaan pendapat pada bahagian fiqh sangat banyak dibicarakan, namun dapat disimpulkan kepada perkara-perkara berikut:

### **A. SEBAB-SEBAB YANG BERPUNCA DARIPADA BAHASA (LUGHAH)**

Hal ini disebabkan pada perkataan al-Shāri‘ ada lafaz *mushtarak*, iaitu lafaz yang mengandungi banyak erti dan beragam. Contohnya, lafaz (عن) boleh digunakan untuk erti mata, anak dara, emas murni, mata-mata, dan pelbagai makna yang lain.

Apabila lafaz itu bebas daripada *qarīnah* (tidak ada indikasi bagi makna yang dimaksudkan), maka kemungkinan makna yang dimaksudkan adalah sama di antara semua makna yang berkongsi daripada lafaz *mushtarak* itu. Di sinilah terjadinya perbezaan pendapat dalam kalangan para mujtahid, sama ada yang dimaksudkan dengannya adalah salah satu daripada makna itu, atau keseluruhannya.

Sesungguhnya, telah terjadi perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha tentang apa yang dimaksudkan oleh al-Shāri‘ dengan lafaz *القرء* dalam firman Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*:

وَالْمُطْلَقُ يَرْبَضُ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةٌ قُرُونٌ ... ﴿٢٢٨﴾

“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid)...”  
(Al-Baqarah, 228)

Lafaz الضریب berkongsi erti antara suci dan haid. Kerana itu para fuqaha berbeza pendapat mengenai ‘iddah wanita yang ditalak sama ada diukur dengan masa haid atau masa suci? Para ulama Hijāz berpendapat bahawa ‘iddah wanita yang ditalak itu tiga kali suci, manakala ulama Iraq berpendapat bahawa ‘iddahnya tiga kali haid.<sup>2</sup>

Kadang-kadang lafaz itu mempunyai dua penggunaan iaitu lafaz *haqīqī* dan *majāzī*. Di sini pun terjadi perbezaan pendapat, iaitu untuk yang mana satukah penggunaan lafaz daripada nas-nas syarak itu?

Dari awal lagi para ulama telah berbeza pendapat tentang harusnya berlaku *majāz* pada lafaz syarak. Kebanyakan mengakuinya, namun sebahagian lagi menafikannya, seperti Ustādh Abū Ishāq al-Isfirāyīnī dan Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah.

Golongan yang menafikan penggunaan *majāz* adalah kerana lafaz tersebut bukan makna yang asal, seperti penggunaan lafaz (الأَسْد) dengan makna singa atau seorang yang berani. Padahal nas-nas al-Shārī‘ datang untuk menerangkan hukum-hukum syarak, sedangkan penggunaan lafaz *majāz* itu memberi maksud yang lain daripada makna yang asal. Sebenarnya persoalan ini bukanlah topik perbincangan utama. Kebanyakan ulama berpendapat, berlakunya *majāz* dalam lafaz al-Shārī‘ adalah terlalu berlebih-lebihan dalam penafsiran ayat.<sup>3</sup>

Berdasarkan ini para ulama telah berpendapat dalam memahamkan apa yang dimaksudkan dengan perkataan al-Shārī‘, apabila ia terbit dalam susunan yang dapat diandaikan antara *haqīqat* dan *majāz*, atau lafaz *mufrad* yang dapat diandaikan kepada dua perkara itu, sesetengah ulama mengandaikannya kepada makna

2 Pada *Tafsīr al-Qurtubī* (3/113) dan *Tafsīr al-Mughnī* Ibn Qudāmah (9/77).

3 Lihat *Rawdah al-Nāzir* (35) cetakan al-Salafiyyah.

*haqīqī*, manakala yang lain mengandaikannya kepada makna *majāzī*. Contohnya, lafaz الميزان, mengikut hakikatnya ialah alat yang digunakan untuk menimbang sesuatu, dan digunakan dengan makna ‘adil’ secara *majāz*. Firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*:

وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ ﴿٨﴾ الْأَقْطَغَوْ فِي الْمِيزَانِ  
وَأَقْيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ ﴿٩﴾

“Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta Ia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan, Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan; Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang.” (al-Rahman, 7-9)

Lafaz pada yang pertama dan kedua digunakan dengan makna ‘adil’, sebagaimana firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا إِبْلِيسَتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ  
وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ الْأَنْسُ بِالْقِسْطِ ... ﴿٢٥﴾

“Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan...” (al-Ḥadīd, 25)

Dan pada yang ketiga dikehendaki dengan lafaz ميزان itu makna yang nyata, iaitu alat yang digunakan untuk menimbang sesuatu.<sup>4</sup>

Sebagaimana untuk ilmu ‘*Ariūd*’ dikatakan ‘timbangan syair’ dan untuk ilmu *Nahū* dikatakan ‘timbangan *al-kalam*’. Demikian juga halnya dengan lafaz السَّلْسَلَةُ dan sebagainya.

Kadangkala *majāz* itu berlaku dalam susunan ayat, sebagaimana firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*:

<sup>4</sup> Tafsīr Ibn Kathīr (4/270)

٦٣ ﴿ يَبْنَىٰ عَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوْءَاتَكُو وَرِيشًا ...

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan...”  
(al-A‘rāf, 26)

Seperti dimaklumi bahawa pakaian tidak turun dari langit, tetapi Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* menurunkan hujan, lalu menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan menjadikan haiwan dengan bermacam-macam bulunya, menumbuhkan kapas untuk dijadikan pakaian. Lantas dalam ayat itu disebut *musabbab* iaitu pakaian berbanding menyebut sebab iaitu air yang Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* menjadikan daripadanya segala sesuatu yang hidup.

Telah dimaklumi bahawa perkataan افعل adalah perintah, manakala perkataan لا فعل adalah untuk mlarang. Semata-mata perintah menunjukkan wajib, dan semata-mata larangan menunjukkan haram. Begitulah penggunaan yang hakiki bagi dua perkataan itu, namun kadang-kadang digunakan bagi makna yang bukan diletakkan baginya. Kadang-kadang perintah (الْأَمْرُ) digunakan untuk sunat, seperti firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*:

٦٤ ﴿ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عِمِّتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ...

“...Hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian)...” (al-Nūr, 33)

Kadang-kadang digunakan untuk bimbingan, seperti firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*:

٦٥ ﴿ وَلَا تَسْتَهِدُوا شَهِيدَيْنِ ...

“...Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu...” (al-Baqarah, 282)

Atau firman-Nya *subḥānahu wa ta‘ālā*:

٤٨٠ ... إِذَا تَدَأْيَنْتُم بِدِينِ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَأَكْتُبُوهُ ...

“...Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu...”  
(al-Baqarah, 282)

Kadang-kadang digunakan untuk mengancam, seperti firman Allāh subḥānahu wa ta’ālā:

٤٩ ... أَعْمَلُوا مَا شَئْتُمْ ...

“...Buatlah apa yang kamu suka...” (Fuṣṣilat, 40)

dan sebagainya.<sup>5</sup>

Demikian pula larangan (النبي), kadang-kadang digunakan untuk menunjukkan perkara selain daripada pengharaman seperti makruh atau menunjukkan penghinaan misalnya dalam firman Allāh subḥānahu wa ta’ālā:

٨٨ ... لَا تَمْدَدَّنَ عَيْنَيْكَ إِلَى مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْهُمْ ...

“Janganlah kamu sekali-kali menunjukkan pandanganmu kepada kenikmatan hidup yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan di antara mereka (orang-orang kafir itu)...”  
(al-Hijr, 88)

Kadang-kadang digunakan untuk bimbingan seperti dalam firman Allāh subḥānahu wa ta’ālā:

١٦ ... لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءِ إِنْ تُبَدَّلْ كُلُّ تَسْؤُلٌ ...

“...Janganlah kamu menanyakan (kepada Nabimu) hal-hal yang jika diterangkan kepadamu nescaya menyusahkan kamu...” (al-Mā’idah, 101)

dan sebagainya.<sup>6</sup>

<sup>5</sup> Rujuk *al-Maḥṣūl* dengan komentar kami (1/Q2/75 dan hlm. selepasnya). Terdapat 15 makna yang ditunjukkan daripada sighah (فعل)

<sup>6</sup> *Ibid* (469) dan *al-Iḥkām* oleh *Amīdī* (2/187) cetakan Riyad.

Sepertimana lafaz perintah, kadang-kadang ia digunakan dalam bentuk berita, begitulah juga larangan digunakan dalam bentuk berita dan penafian. Semuanya itu membawa kesan kepada perbezaan pendapat, pada metode dan cara mengisbatkan hukum syarak daripada nas. Kadang-kadang pendapat ulama berbeza dalam memahamkan nas, kerana perbezaan keadaan kalimat yang ada padanya, walaupun tidak berbeza maknanya, seperti perbezaan mereka dalam firman Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*:

﴿٦٨٦﴾ ... وَلَا يُضَارَّ كَاتِبُهُ وَلَا شَهِيدُهُ ...

“...Dan janganlah penulis dan saksi menyulitkan dan dipersulit...” (al-Baqarah, 282)

Sesetengah mereka berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengannya ialah terbitnya mudarat (kesulitan) daripada penulis dan saksi, iaitu penulis menulis apa yang tidak dinyatakan kepadanya, dan saksi menyaksikan apa yang berlainan dengan kenyataan. Dalil mereka ialah *qirā’at* Ibn ‘Abbās *raḍiyya Allāhu ‘anhu*:

﴿٦٨٦﴾ ... وَلَا يُضَارَّ كَاتِبُهُ وَلَا شَهِيدُهُ ...

“...Dan janganlah penulis dan saksi menyulitkan dan dipersulit...” (al-Baqarah, 282)

Pihak lain berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengannya ialah berlakunya mudarat (kesulitan) itu ke atas keduanya (penulis dan saksi) seperti dihalang keduanya menjalankan tugas, atau dibebankan tulisan atau kesaksian yang tidak sesuai waktunya. Dalil mereka ialah *qirā’at* Ibn Mas‘ūd *raḍiyya Allāhu ‘anhu*:

﴿٦٨٦﴾ ... وَلَا يُضَارَّ كَاتِبُهُ وَلَا شَهِيدُهُ ...

“...Dan janganlah penulis dan saksi menyulitkan dan dipersulit...” (al-Baqarah, 282)

Mengikut loghat Tamīm, lafaz *yadarru* adalah *idgham*, di mana berkemungkinan kata kerja yang berkenaan berubah daripada aktif kepada pasif, maka terjadilah perbezaan pendapat, sekalipun loghat ahli Ḥijāz *idghamnya* itu terbuka.<sup>7</sup>

7 Rujuk *al-Tanbīh ‘alā-Asbāb al-Ikhtilāf* (32-33)

Orang yang meneliti sebab-sebab perbezaan pendapat ini mendapati banyak contoh berlaku pada kalimat *mufrad*, pada susunan kalimat yang pelbagai rupa dan jenis daripada bentuk-bentuk umum, khusus, *iṭlāq*, *taqyīd*, *ijmāl*, *bayān* dan sebagainya. Barangkali apa yang telah kita sebutkan, memperingatkan kita terhadap apa yang tidak menjadi perhatian kita untuk mendapat penelitian sewajarnya.<sup>8</sup>

## B. SEBAB-SEBAB YANG BERPUNCA DARIPADA RIWAYAT SUNNAH

Sebab-sebab ini mempunyai banyak persoalan dan pelbagai kesan, yang mana kebanyakan perbezaan pendapat fiqh yang terjadi dalam kalangan ulama Salaf adalah berpunca daripadanya.

Kadangkala hadis tidak sampai kepada seorang mujtahid, lalu ia berfatwa mengikut kehendak zahir ayat, atau hadis yang lain, atau menggunakan *qiyyās* kepada persoalan yang telah ada ketetapan Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* padanya atau mengikut kehendak *istiṣḥāb* bagi hal yang terdahulu,<sup>9</sup> atau mengikut kehendak bahawa pada asalnya bebas dan tidak ada apa-apa bebanan,<sup>10</sup> atau mengikut kehendak mana-mana cara yang telah diperakui daripada cara-cara ijtihad.

Dalam pada itu, ada kemungkinan bahawa hadis telah sampai kepada mujtahid yang lain dalam kes yang menjadi tajuk perbincangan, lantas dia berfatwa mengikut kehendak hadis itu, maka terjadilah perbezaan pendapat dalam fatwanya itu.

Kadangkala sampai hadis kepada seorang mujtahid, namun dia berpendapat ada sebab yang menghalangnya untuk beramal dengan kehendak hadis itu. Seperti dia mempercayai tidak sahif *isnādnya* sampai kepada Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* disebabkan ada perawi yang tidak diketahui keadaannya, atau masih

8 Rujuk kitab Ibn al-Sayyid al-Batlyūsī, *al-Tanbīh ‘alā al-Asbāb Allatī Awjabat al-Ikhtilāf Bayn al-Muslimīn*.

9 *Istiṣḥāb al-Hāl* ialah menjadikan hukum yang telah thabit masa yang lalu berkekalan hingga masa kini kerana tidak yakin ada yang mengubahnya, atau mengekalkan apa yang ada atas apa yang telah ada.

10 Mengikut asal, tiada bebanan dan terlepas tanggungan seseorang dari bebanan. Oleh itu tidak ada bebanan melainkan dengan ada dalilnya.

dipersoalkan, atau lemah hafalannya dalam rangkaian *isnād* hadis itu, atau terputus sanadnya, atau *Hadīth Mursal*, ataupun kerana dia mensyaratkan pada hadis riwayat perseorangan (*khabar wāhid*) mesti adil dan *ḥāfiẓ* syarat-syarat yang tidak disyaratkan oleh orang yang lain. Kemudian, salah seorang beramal dengan hadis itu, kerana dia berpendapat bahawa hadis itu mempunyai jalan yang sahih dan bersambung sanadnya, manakala yang lain tidak beramal dengan kehendak hadis itu, kerana mengandungi ‘*illah* daripada ‘*illah*-‘*illah* yang disebutkan, maka terjadilah perbezaan pendapat.

Kadangkala terjadi perbezaan pendapat ulama disebabkan perbezaan pendapat mereka mengenai makna-makna hadis dan *dilālahnya*. Misalnya, perbezaan pendapat mereka tentang masalah-masalah “*al-muzābahah*,”<sup>11</sup> “*al-mukhābarah*,”<sup>12</sup> “*al-muḥāqalah*,”<sup>13</sup> “*al-mulāmasah*,”<sup>14</sup> “*al-munābadhah*”<sup>15</sup> dan “*al-gharar*”<sup>16</sup> kerana perbezaan pendapat mereka dalam menafsirkannya.

Kadangkala sampai hadis kepada sesetengah mereka daripada satu susunan kata-kata, tetapi sampai pula kepada mujtahid lain dengan susunan kata-kata yang berbeza, seperti menggugurkan salah seorang daripada hadis itu kata-kata yang menyebabkan maknanya tidak sempurna, atau berubah maknanya dengan sebab pengguguran itu.

---

11 *Al-muzābahah* mengikut bahasa *al-mudāfa‘ah*. Manakala, mengikut istilah ahli ilmu ialah menjual *ruṭab* (tamar tangkai) yang masih ada di pokoknya dengan tamar, menjual anggur dengan *zabīb*, menjual biji-bijian dengan gandum cara sukatian. Sesetengah ulama berpendapat bahawa *al-muzābahah* adalah *al-muzāra‘ah*. Lihat *Qāmūs al-Fiqhī* (158).

12 *Al-mukhābarah* ialah tuan tanah memberi kepada petani sebidang tanah untuk ditanami dengan mendapat separuh daripadanya hasilnya, atau bekerja di atas sebidang tanah dengan separuh daripada hasilnya.

13 *Al-muḥāqalah* ialah menjual biji-bijian sebelum nyata matangnya.

14 *Al-mulāmasah* ialah jual beli pada zaman Jahiliyyah, bentuknya ialah seseorang menyentuh barang yang berkenaan, maka dengan semata-mata menyentuhnya dianggap perjanjian jual beli tanpa memeriksa barang itu. Kebiasaannya barang pakaian.

15 *Al-munābadhah* ialah bahawa seseorang menjual kainnya dengan kain orang lain atau dengan harganya dan dengan semata-mata melemparkan kain itu sudah dianggap berlaku jual beli.

16 *Al-gharar* ialah menjual sesuatu yang tidak diketahui adanya atau tiadanya, atau tidak diketahui sedikit atau banyaknya, atau tidak sanggup menyerahkannya.

Kadangkala sampai hadis kepada salah seorang mujtahid lengkap bersama-sama dengan sebab-sebab timbulnya hadis itu sehingga sempurna fahamannya terhadap hadis itu, tetapi sampainya kepada mujtahid lain tanpa disertai oleh sebab-sebab timbulnya hadis itu, maka berbezalah pemahamannya.

Kadangkala perawi mendengar sebahagian hadis, manakala yang lainnya mendengarnya secara lengkap, dan kadangkala dipindahkan hadis daripada tulisan dengan lafaz yang ada kesilapan pada titik-titik huruf atau perubahan, manakala yang lainnya memindahkan dengan lafaz yang sejahtera, maka berlakulah perbezaan pendapat berdasarkan yang demikian. Kadangkala hadis telah sahih di sisi seorang mujtahid, namun dia percaya bahawa hadis itu berlawanan dengan hadis yang lebih sahih atau lebih kuat daripadanya, lalu dia utamakan yang lebih kuat atau tidak jelas baginya dalil yang lebih kuat, lalu dia *tawaqif* (tidak bertindak) untuk mengambil masing-masing daripadanya sehingga nyata baginya dalil yang menguatkan.

Kadangkala seorang mujtahid menemui sesuatu yang menasakhkan hadis, atau yang mentakhṣiṣkan ‘āmnya, atau mengqayyadkan *muṭlaqnya*, manakala mujtahid yang lain tidak berhasil menemui perkara-perkara itu semuanya, lalu berbezalah kedua-dua mazhabnya.<sup>17</sup>

### C. SEBAB-SEBAB YANG BERPUNCA DARIPADA KAEDAH *UŞUL* DAN PANDUAN *ISTINBĀT*

Ilmu '*uşul al-fiqh* ialah mengetahui dalil-dalil fiqh secara menyeluruh, dan cara-cara mempergunakannya serta mengetahui keadaan mujtahid.

Ilmu ini adalah merupakan sejumlah kaedah dan panduan yang dicipta oleh mujtahid sebagai panduan cara kerja ijtihad dan *istinbāt* hukum-hukum syarak yang bersifat *furu'* daripada dalil-dalil yang terperinci. Para mujtahid menetapkan dalam manhaj '*uşul* yang mereka menggunakan dalil-dalil yang menjadi sumber hukum itu, yang merekajadikan hujah, dan mereka menerangkan semua perkara yang menjadi cabaran kepada dalil-dalil itu supaya nyata cara-cara menghasilkan hukum syarak daripada setiap dalil

---

17 Lihat *Raf' al-Malām* (7) al-Maktab al-Islāmī.

dan langkah-langkah yang mereka tempuh semenjak permulaan hingga sampai kepada hukum syarak itu.

Berhubung dengan kaedah-kaedah dan garis panduan ini, maka berbezalah pandangan para mujtahid. Perbezaan itu disebabkan oleh perbezaan mazhab yang mereka ikuti. Sebahagian imam berpendapat bahawa fatwa sahabat adalah menjadi hujah, sekiranya ia masyhur dan tidak ada daripada kalangan sahabat yang menentangnya, berdasarkan kepercayaan dengan keadilan sahabat, dengan kesedaran bahawa sahabat tidak menfatwakan sesuatu melainkan didasarkan kepada dalil, atau dia faham tentang dalil, atau dia mendengar daripada Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang tidak masyhur dan belum sampai kepada kita.

Sesetengah mereka mempunyai pendapat yang berbeza mengenai mazhab sahabat ini, di mana mereka berpendapat bahawa yang menjadi hujah ialah apa yang diriwayatkan oleh sahabat daripada Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* bukan pendapat sahabat. Dengan ini berbezalah mazhab fuqaha.

Sesetengah para mujtahid mengambil *al-Maṣālih al-Mursalah* iaitu perkara-perkara yang tidak dijumpai dalam syarak dalil-dalil yang memperakuinya, sebagaimana tidak pula dijumpai dalil-dalil yang tidak memperakuinya, dia bebas daripada pembatalan dan pertimbangan (wahyu). Apabila seorang mujtahid mendapati dalam perkara-perkara itu keadaan yang membuktikan adanya *maṣlahah*, maka dia berpendapat mengikut kehendak *maṣlahah* itu dengan kepercayaan bahawa al-Shāri‘ tidak mensyariatkan hukum melainkan untuk mewujudkan *maṣlahah* kepada hamba-Nya.

Namun, pihak lain tidak mengambilnya dan tidak menganggapnya satu perkara yang dapat menghasilkan hukum. Maka, berdasarkan yang demikian berbezalah pendapat mereka dalam suatu persoalan itu.

Ada lagi perkara-perkara lain daripada jenis ini yang menyebabkan para mujtahid berbeza pendapat, yang dikenal dalam kitab-kitab *'uṣūl al-fiqh* dengan istilah-istilah: *al-adillah al-mukhtalif fīhā*, *sadd al-dharā'i*, *al-istihsān*, *al-istiṣḥāb*, *al-akhḍhu bi al-ahwāt*, *al-akhḍhu bi al-akhāf*, *al-akhdu bi al-athqal*, *al-'urf*, *al-'ādah*, dan sebagainya.

Demikian juga, berlaku perbezaan pendapat pada perkara yang berkaitan dengan *dilālah* nas dan cara-cara *dilālah* itu serta apa-apa yang dapat dijadikan hujah daripada *dilālah* itu. Daripada semua itu terbitlah perbezaan pendapat fiqh dalam banyak perkara mengenai *furu'*.

Demikianlah sebab-sebab yang paling penting dan utama yang menjadi punca perbezaan pendapat dalam lapangan fiqh yang dapat kami utarakan secara ringkas. Sesiapa yang ingin mendalami pengetahuan mengenai sebab-sebab itu secara lebih luas dengan contoh-contohnya, silalah rujuk kitab-kitab yang ditulis untuk menghurai dan menyelesaikan masalah ini pada masa dahulu dan sekarang.<sup>18</sup>

---

18 Lihat *Nuzhat al-Awliyā'* (392) dan *Dā'irah al-Ma'ārif al-Qarn al-'Ishrīn* (4/141).



## BAB KELIMA

# **PANDUAN DAN ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM KALANGAN IMAM MAZHAB**

## **PANDUAN DAN ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM KALANGAN IMAM MAZHAB**

Sesungguhnya, telah berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan imam mazhab melalui pelbagai persoalan *ijtihādiyyah*, sebagaimana berlakunya perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat dan *tābi‘īn* sebelumnya. Mereka sentiasa berada dalam sinaran petunjuk Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* selagi perbezaan pendapat itu tidak berpunca daripada hawa nafsu, atau didorong oleh keinginan untuk bertengkar atau berseteru. Seseorang imam telah memberikan segala daya dan upaya yang termampu olehnya semata-mata untuk mencari kebenaran dan keredhaan Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*.

Oleh yang demikian, para ahli ilmu pada setiap zaman menerima fatwa para mufti dalam masalah-masalah *ijtihādiyyah* selagi mereka mempunyai kelayakan. Mereka membenarkan mufti yang tepat ijihadnya dan memohon ampun bagi mufti yang tersalah pendapatnya, dengan meletakkan prasangka baik terhadap semuanya. Mereka menerima keputusan yang dibuat oleh para hakim walau apa pun mazhabnya. Sebaliknya para hakim mengamalkan mazhab yang berbeza daripada mazhab mereka ketika diperlukan, tanpa perasaan fanatik atau memihak kepada sesuatu mazhab yang tertentu. Semuanya mengambil daripada sumber yang sama, walaupun berbeza dalilnya.

Ramai yang menyatakan ungkapan-ungkapan yang menunjukkan sejauh mana mereka telah membuat usaha dan pilihan. Misalnya, mereka menyebut, “Inilah pendapat yang lebih teliti dan hati-hati,” atau “Inilah pendapat yang lebih baik,” atau “Pendapat ini tidak sepatutnya demikian,” atau “Aku tidak menyukai pendapat ini,” atau “Pendapat ini tidak menarik perhatianku,” dengan mengambil sikap toleransi yang besar dan tidak menaruh prasangka buruk terhadap seseorang, di samping mereka mengamalkan pendapat yang mempunyai sandaran nas. Sikap keterbukaan ini dilakukan demi membuka jalan serta menyenangkan manusia menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalahnya.

Sesungguhnya, dalam kalangan sahabat, *tābi‘īn* dan generasi selepasnya ada berbagai-bagai pendapat. Ada yang membaca *bismillāh* (ketika membaca surah al-Fātiḥah), ada pula yang tidak membacanya. Ada yang menjaharkannya, ada pula yang

memperlahankannya. Ada yang membaca qunut sewaktu solat Subuh, ada pula yang tidak membaca qunut. Ada yang berpendapat wajib berwuduk disebabkan darah yang keluar daripada hidung, atau disebabkan muntah dan berbekam, tetapi ada pula yang berpendapat tidak wajib berwuduk disebabkan perkara-perkara sedemikian. Ada yang berpendapat batal wuduk disebabkan menyentuh perempuan, tetapi ada pula yang berpendapat tidak batal. Ada yang berpendapat wajib berwuduk kerana memakan daging unta atau makanan yang dibakar secara langsung, tetapi ada pula yang berpendapat sebaliknya.

Kesemua perkara ini tidak menghalang mereka mengikut sesetengah yang lain untuk menjadi maknum di dalam solat, sebagaimana Imām Abū Ḥanīfah dan sahabat-sahabatnya serta Imām al-Shāfi‘ī dan para imam yang lainnya, menjadi maknum solat kepada orang-orang yang bermazhab Mālikī yang berpendapat bahawa tidak wajib membaca *bismillāh* (ketika membaca surah al-Fātiḥah) sama ada perlahan atau *jahar*. Imām Abū Yūsuf menjadi maknum kepada Khalifah Hārūn al-Rashīd yang baru saja berbekam, walaupun Abū Yūsuf berpendapat bahawa berbekam membantalkan wuduk, tetapi beliau tidak mengulangi solatnya.

Imām Aḥmad bin Ḥanbal *raḥimahullāhu ta‘ālā* berpendapat wajib berwuduk apabila darah keluar daripada hidung, atau kerana berbekam. Namun, ketika beliau ditanya, “Adakah boleh bersolat di belakang imam sekiranya keluar darah daripada tubuhnya dan dia tidak berwuduk?” Lantas beliau membalas, “Kenapa saya tidak boleh bersolat dan menjadi maknum kepada Imām Mālik dan Sa‘īd bin al-Musayyab?”<sup>1</sup>

Imām al-Shāfi‘ī *raḥimahullāhu ta‘ālā* pernah solat Subuh berhampiran makam Imām Abū Ḥanīfah *raḥimahullāhu ta‘ālā*. Beliau (Imām al-Shāfi‘ī) tidak membaca qunut, padahal beliau berpendapat bahawa qunut itu hukumnya sunat *mu’akkad*. Oleh itu, beliau ditanya mengapa beliau berbuat demikian. Lantas beliau menjawab, “Adakah patut aku menyalahinya (yakni Imām Abū Ḥanīfah) padahal aku berada di hadapannya? Beliau juga berkata, ‘Barangkali kami telah cenderung kepada mazhab ahli Iraq.’”<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Imām Mālik dan Ibn Musayyab berpendapat tidak wajib berwuduk disebabkan keluar darah.

<sup>2</sup> *Hujjah al-Bālighah* (335).

Imām Mālik *rahimahullāhu ta‘ālā* adalah antara para imam yang paling teguh dan dipercayai dalam hal sanad hadis yang diriwayatkan oleh penduduk Madinah, selain daripada yang paling tahu tentang keputusan-keputusan yang dibuat oleh Sayyidinā ‘Umar dan pendapat-pendapat ‘Abdullāh bin ‘Umar, ‘Ā’ishah dan tujuh tokoh fuqaha yang terkenal *rađiyAllāhu ‘anhum*, yang memegang panji-panji fatwa dan riwayat.

Imām Mālik *rahimahullāhu ta‘ālā* telah mengajar dan menyampaikan hadis serta berfatwa dan mengarang kitabnya *al-Muwaṭṭā'* yang menjadi tumpuan dan sumber yang terpenting daripada hadis-hadis ahli Madinah, di samping pendapat-pendapat sahabat dan fatwa *tābi‘īn*. Beliau menyusun dalam kitab itu mengikut susunan bab-bab fiqh dengan cara yang paling rapi, sehingga kitab *al-Muwaṭṭā'* dianggap karya hasil kesungguhan Imām Mālik *rahimahullāhu ta‘ālā* selama 40 tahun. Kitab *al-Muwaṭṭā'* adalah kitab hadis dan fiqh yang julung-julung kali dalam sejarah Islam dan hadis-hadis yang ada di dalamnya telah disepakati oleh 70 ulama Hijāz yang sezaman dengannya.

Apabila Khalifah al-Manṣūr ingin menyalin beberapa naskah untuk dibahagi-bahagikan ke seluruh negeri dengan tujuan untuk menyeragamkan pendapat-pendapat fiqh yang pelbagai dan menyelesaikan perbezaan pendapat yang berlaku, Imām Mālik adalah orang yang pertama menolaknya. Diriwayatkan bahawa beliau berkata, “Yā Amīrul Mu’minīn, jangan lakukan ini kerana orang ramai telah mempunyai pelbagai pendapat sebelum ini dan mendengar hadis dan meriwayatkannya, di mana setiap golongan telah mengambil apa yang lebih dahulu sampai kepada mereka, sehingga dengan itu terjadi perbezaan pendapat. Oleh itu, biarkanlah mereka sendiri memilih apa yang dianggap baik untuk dirinya.” Lalu khalifah berkata, “Semoga Allāh memberi taufiq kepadamu wahai Abū ‘Abdullāh.”<sup>3</sup>

Alangkah tingginya peribadi Imām Mālik yang menolak permintaan Khalifah al-Manṣūr agar kitabnya dijadikan satu-satunya rujukan bagi menyelaras semua pendapat yang berbagai-bagai, walaupun dipersetujui oleh semua ulama Madinah yang sezaman dengannya.

---

3 *Hujjah al-Bālighah* (307) dan *al-Fikr al-Sāmī* (1/336).

## SURAT LAYTH BIN SA'AD KEPADA IMĀM MĀLIK

Mungkin termasuk antara contoh adab perbezaan pendapat yang paling baik ialah surat ilmiah yang paling menarik yang ditulis oleh imam, ulama dan ahli fiqh Mesir, Layth bin Sa‘ad kepada imam Mālik *rahimahullāhu ta‘ālā* di mana beliau telah mengutarakan pandangannya dengan adab yang paling tinggi mengenai banyak perkara tentang pendapatnya yang berbeza daripada pendapat Imām Mālik. Memandangkan surat ini amat panjang, kita hanya memetik beberapa perkara yang berkenaan dengan adab yang mulia para Salaf al-Šālihīn, apabila berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan mereka. Layth bin Sa‘ad berkata,

“...Salam bahagia diucapkan kepadamu. Aku bersyukur kepada Allāh, tiada Tuhan melainkan Dia. *Amma ba‘du*, semoga Allāh memberi kesejahteraan kepada kita semua dengan sebaik-baik kesejahteraan di dunia dan akhirat. Sesungguhnya, aku telah menerima suratmu yang menyatakan perihalmu yang sangat menggembirakan kami, semoga Allāh mengekalkannya dan menambah *‘ināyah*-Nya kepadamu kerana mensyukuri nikmat-Nya dan menambah *ihsān*-Nya.”

Kemudian Layth bin Sa‘ad berkata,

“Sesungguhnya, telah sampai kepadamu bahawa aku telah berfatwa berbagai-bagai perkara yang berbeza daripada pendapat orang-orang yang ada di sini. Sebenarnya aku sangat takut mengenainya, mengingat pegangan orang-orang yang sebelum aku, di mana mereka sentiasa mengikut pendapat orang-orang Madinah, tempat hijrah dan turunnya al-Qur’ān. Sesungguhnya, apa yang engkau tulis mengenainya benar, *inshā’Allāh*, namun aku percaya orang yang penuh ilmu seperti engkau tidak membenci fatwa yang berbeza. Sebenarnya, tidak ada orang yang lebih mengutamakan ulama-ulama Madinah selain daripada aku, yang sentiasa mengambil fatwa-fatwa yang mereka sepakati, dan untuk ini aku memuji Allāh, Tuhan alam semesta, tiada sekutu bagi-Nya.”

Kemudian Imām Layth bin Sa‘ad menerangkan lebih lanjut punca-punca perbezaan pendapat antara beliau dengan Imām Mālik, iaitu mengenai perbahasan amal orang-orang Madinah, dengan menerangkan bahawa kebanyakan

generasi awal yang keluar dari *madrasah nubuwah* telah membawa dan menyebarkan ilmu ke timur dan barat. Mereka memperjuangkan apa yang mereka pelajari daripada Kitab Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* dan sunnah Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*. Beliau menjelaskan bahawa para *tābi‘īn* telah berbeza pendapat dalam beberapa perkara. Begitu pula orang-orang yang selepas *tābi‘īn* seperti Rabī‘ah bin ‘Abd al-Rahmān, lalu menyebut beberapa pendiriannya, kemudian berkata:

“Walau bagaimanapun, Rabī‘ah mempunyai banyak keutamaan, akal yang bijak, petah bercakap, banyak kelebihan, sistem yang baik, persaudaraan yang jujur, baik kepada teman-temannya mahupun kepada kita. Semoga Allāh memberi rahmat kepadanya dengan mengampuni dosa-dosanya dan memberi pembalasan sebaik-baiknya terhadap segala amalannya.”

Kemudian beliau menyebut beberapa contoh perbezaan pendapat antara beliau dengan Imām Mālik dalam beberapa persoalan, seperti menjamak solat pada malam hari hujan, memutuskan hukum berdasarkan seorang saksi dan sumpah, orang yang melewatkkan pemberian mahar dan tidak menerima melainkan waktu bercerai, mendahulukan solat daripada khutbah pada solat meminta hujan dan beberapa persoalan lain. Lalu beliau berkata pada akhir suratnya,

“...Sesungguhnya, aku telah meninggalkan banyak perkara yang serupa dengan ini kerana aku mengharapkan ada manfaatnya kepada manusia. Aku mengharapkan Allāh memberi taufiq kepadamu dan melanjutkan usiamu, dan tidak ada yang aku takuti melainkan hilangnya orang yang sepertimu. Aku merasa sentiasa bersama-sama denganmu walaupun tempatku berada jauh. Demikianlah kedudukanmu dalam pandanganku dan pendapatku mengenaimu, yakinlah!

Janganlah engkau bosan menulis surat kepadaku memberitahu akan halmu dan anak-anak serta keluargamu, demikian juga sekiranya ada hajat daripadamu, atau hajat seseorang lain disampaikan kepadamu, sesungguhnya aku sangat bergembira menerimanya. Aku tulis surat ini kepadamu, kami berada dalam sihat *wal ‘āfiyat*, *Alhamdulillāh*. Kami mohon kepada Allāh supaya sentiasa memberi kita semua taufiq untuk mensyukuri nikmat-Nya

seraya menyempurnakan lagi nikmat itu kepada kita, *wassalāmu 'alaykum warahmatullāh.*”<sup>4</sup>

Sebenarnya, banyak sekali perbincangan ilmiah yang mendalam penuh dengan adab perbezaan pendapat, sebagaimana dapat kita temui pada buku-buku riwayat hidup, buku-buku sejarah dan buku-buku yang membicarakan pertukaran pendapat dan yang seumpamanya. Namun, ketandusan adab perbezaan pendapat dalam kalangan ahli ilmu ini berlaku semenjak bermaharajalelanya sikap taklid, fanatik dan merosotnya akhlak ahli ilmu dan pandangan mereka terhadap ilmu itu sendiri, sementelah ketandusan tokoh-tokoh ulama seperti yang digambarkan oleh Imām al-Ghazālī *radīy Allāhu 'anhu*:

“Kiranya masih ada ulama-ulama seperti ulama-ulama tābi‘īn generasi yang pertama, yang sentiasa memelihara kesucian agama dan komited dengan ciri-ciri ulama Salaf, iaitu apabila mereka diminta supaya memegang jawatan dalam pemerintahan, mereka berusaha mengelakkan diri.”

Sehinggakan para khalifah berusaha keras meminta mereka supaya memangku jabatan kehakiman dan pemerintahan. Malangnya di tempat mereka itu duduklah ulama pencari dunia dengan agama, iaitu orang-orang yang hina di tempat orang-orang yang baik itu, sepertimana yang digambarkan oleh Imām al-Ghazālī:

“Orang-orang pada masa itu melihat betapa tingginya martabat ulama sehingga pemerintah yang datang kepada mereka. Lalu mereka melihat bahawa ilmu adalah jalan untuk mencapai kemuliaan di samping untuk mendapat pangkat di sisi pemerintah. Maka mereka menumpukan perhatian untuk mempelajari ilmu-ilmu yang berkenaan dengan fatwa, dan kemudiannya mereka datang menawarkan diri kepada pemerintah menuntut jawatan dan pangkat. Antaranya, ada yang berjaya. Bagi yang berjaya bukan saja dia hina kerana meminta-minta, tetapi malangnya kedudukan fuqaha menjadi hina disebabkan mereka menjadi pengemis (jawatan), padahal dahulunya mereka mulia dan tinggi martabatnya kerana mereka yang dicari oleh pemerintah dan sikap mereka yang mengelakkan diri daripada jawatan pemberian pemerintah, kecualilah orang-orang

---

4 Lihat selengkapnya surat ini dalam *I'lām al-Muwaqqi 'īn* (3/83-88) dan *al-Fikr al-Sāmī* (1/370-376).

yang mendapat taufiq daripada Allāh dalam kalangan ulama pada setiap masa.”<sup>5</sup>

Imām al-Ghazālī menggambarkan apa yang telah terjadi kepada ulama setelah mereka menjadikan dunia sebagai matlamat dan menjadikan agama sebagai alat untuk mencapai maksud di sisi penguasa, dan keinginan itulah yang menjadi pendorong bagi banyak pihak untuk berlagak sebagai ulama dengan berkedok ilmu pengetahuan.

Sesungguhnya, Imām Mālik pernah berkata:

“Tidak boleh diambil ilmu daripada empat golongan, tetapi boleh diambil ilmu daripada golongan selainnya. Tidak boleh diambil ilmu daripada orang dungu, dan tidak boleh diambil ilmu daripada hamba hawa nafsu yang menyeru orang kepada bid‘ah dan tidak boleh diambil ilmu daripada pembohong yang suka berbohong dengan manusia walaupun ia tidak mendustakan hadis Rasūlullāh ﷺ ‘alayhi wa sallam, dan tidak boleh diambil ilmu daripada seseorang yang mempunyai keutamaan, kebaikan dan ibadat, tetapi ia tidak tahu untuk apa ia menerima dan menyampaikan hadis.”<sup>6</sup>

Imām Mālik juga berkata:

“Sesungguhnya, ilmu ini adalah agama. Oleh itu, perhatikanlah daripada mana kamu mengambil agama kamu itu. Sesungguhnya, aku telah berjumpa dengan 70 orang di antara tiang-tiang masjid Rasūlullāh ini yang berkata, ‘Telah bersabda Rasūlullāh ﷺ ‘alayhi wa sallam.’, tetapi tidak seorang pun antara mereka yang aku ambil hadisnya. Andainya ada antara mereka yang boleh dipercayai memelihara Baitulmal, nescaya bolehlah dipercayai, tetapi mereka tidak layak untuk ini. Kemudian datang Ibn Shihāb, lalu kami berebut-rebut mengambil ilmu daripadanya.”<sup>7</sup>

Sekiranya para ulama memiliki ciri-ciri peribadi yang mulia itu nescaya tidak berlaku banyak perbezaan pendapat dalam kalangan mereka. Kalaupun berlaku, hanya untuk mencari kebenaran

---

5 *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (1/41) dan halaman berikutnya bab 4 tentang sebab-sebab orang beralih kepada ilmu khilaf.

6 *Al-Intiqā’* (16).

7 *Al-Intiqā’* (16).

dan mereka tidak membuka jalan bagi hawa nafsu memainkan peranannya.

Semoga kita dapat mengikuti adab yang ditempuh oleh para ulama kita yang mulia, di mana kita jadikan mereka teladan yang sebaik-baiknya dengan mencontohi sifat-sifat mereka yang mulia itu. Sekarang kita kemukakan contoh-contoh adab perbezaan pendapat antara pemuka-pemuka Imām Salaf al-Ṣālihīn *rađiyAllāhu ‘anhūm*.

## ABŪ ḤANĪFAH DAN MĀLIK

Ketika mengutarakan pendapat-pendapat para imam mazhab, kita telah mengetahui perbezaan yang besar antara mazhab Imām Abū Ḥanīfah dengan Imām Mālik *raḥimahumāllāhu ta ‘alā* dan perbezaan asas-asas yang dianut oleh kedua-duanya dalam hal mengenai mazhabnya, di samping perbezaan usia, serta tidak menghalang mereka untuk menghormati antara satu sama lain dengan adab yang tinggi, walaupun kedua-duanya berbeza aliran dalam fiqh.

Qādī ‘Iyād meriwayatkan dalam kitab *al-Madārik* katanya, Layth bin Sa‘ad berkata, aku bertemu dengan Mālik di Madinah, lalu aku berkata, “Aku lihat engkau menyapu peluh di keningmu.” Imām Mālik menjawab, “Aku berpeluh kerana Abū Ḥanīfah, sesungguhnya dia adalah seorang yang *faqīh*, wahai orang Mesir.” Layth berkata, “Kemudian aku menemui Abū Ḥanīfah, dan aku berkata kepadanya: Sungguh baik ucapan orang ini terhadapmu (dengan menyebut ucapan Imām Mālik).” Lantas Abū Ḥanīfah berkata, “Tidak pernah aku melihat orang yang lebih cepat daripadanya memberi jawapan yang benar dan kritikan yang tepat.”<sup>8</sup>

## MUHAMMAD BIN AL-HASAN DAN MĀLIK

Muhammad bin al-Hasan dianggap sahabat Abū Ḥanīfah yang paling utama, kerana dialah yang menyusun dan membukukan mazhab Imām Abū Ḥanīfah. Kemudian dia pergi menemui Imām Mālik dan belajar dengannya selama tiga tahun termasuklah kitab *al-Muwaṭṭa’*.

---

8 *Al-Intiqā’*(16).

Pada suatu hari, Imām Muḥammad bin al-Ḥasan berbincang dengan Imām al-Shāfi‘ī. Maka Muḥammad berkata, “Sahabat kami (maksudnya Abū Ḥanīfah) lebih alim daripada sahabat kamu (maksudnya Mālik), kerana sahabat kami tidak mahu diam sedangkan sahabat kamu tidak mahu bercakap, seolah-olah ia memberitahu Imām al-Shāfi‘ī hal yang demikian.” Lalu Imām al-Shāfi‘ī berkata, “Aku mengajak engkau bersumpah dengan Allāh, siapakah yang lebih alim mengenai sunnah Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, Mālik atau Abū Ḥanīfah?” Muḥammad berkata, “Mālik, tetapi sahabat kami lebih pandai menguasai ilmu *qiyās*.” Shāfi‘ī berkata, “Memang, tetapi Mālik lebih alim tentang Kitab Allāh berbanding Abū Ḥanīfah. Dan sesiapa yang lebih alim tentang Kitab Allāh dan Sunnah Rasul-Nya adalah lebih diutamakan pembicaraanya.” Lalu diamlah Imām Muḥammad bin al-Ḥasan.”<sup>9</sup>

## **AL-SHĀFI‘Ī DAN MUḤAMMAD BIN AL-ḤASAN**

Imām al-Shāfi‘ī berkata, “Pada suatu hari, aku berbincang dengan Muḥammad bin al-Ḥasan, di mana antara kami telah berlaku perbincangan dan perbezaan pendapat, sehingga aku lihat peluh memancar di tenguknya dan terputus butang bajunya.”<sup>10</sup>

Lalu Muḥammad bin al-Ḥasan berkata, “Jika ada orang yang menyalahi pendapat kami, maka orang yang paling teguh pendapatnya dalam pandangan kami ialah al-Shāfi‘ī.” “Kenapa begitu?” Jawabnya, “Kerana keterangannya dan keteguhannya dalam bersoal jawab dan teliti.”<sup>11</sup>

Demikianlah sebahagian contoh adab perbezaan pendapat yang ditunjukkan para ulama pada zaman dahulu, di mana kita mengambil kesimpulan bahawa kesinambungan adab-adab yang baik sentiasa berterusan pada kurun yang baik itu, iaitu para ulama yang datang kemudian sentiasa mengikut perilaku ulama Salaf, kerana semuanya mengambil daripada *Adab al-Nubuwah*.

---

9 *Al-Intiqā’*(16).

10 *Ibid.*

11 *Ibid,* (38).

Adab para Salaf al-Šālihīn tidak terbatas dalam usaha menjauhkan diri daripada memburukkan orang lain, bahkan adab yang hidup berkembang dalam generasi para Salaf al-Šālihīn ialah kegigihan mencari ilmu, tetapi menjauhkan diri daripada berbicara perkara-perkara yang mereka tidak ada ilmu mengenainya dan sedapat mungkin menghindarkan diri dari berfatwa kerana takut tersalah.

Pengarang kitab *al-Qūt* berkata dan diriwayatkan daripada ‘Abd al-Rahmān bin Abī Laylā, katanya, “Aku telah menemui di masjid ini (maksudnya masjid Rasūlullāh ᷃allAllāhu ‘alayhi wa sallam) 120 orang sahabat Rasūlullāh ᷃allAllāhu ‘alayhi wa sallam, tiada seorang pun daripada mereka apabila ditanya mengenai hadis atau fatwa melainkan dia mengharapkan saudaranya yang akan menjawabnya,” dengan kata lain, “Ada suatu masalah dikemukakan kepada salah seorang di antara mereka, lalu dia menolak kepada yang lain, dan yang lain menolak pula kepada yang lainnya, sehingga kembali kepada orang yang mula-mula bertanya.”<sup>12</sup>

Sesungguhnya, para ulama Salaf al-Šālihīn ini jauh daripada perasaan kekurangan dan rendah diri, namun sangat berhati-hati menghadapi sesuatu persoalan. Misalnya, seorang lelaki pernah bertanya kepada Mālik bin Anas tentang suatu masalah, dengan menyebut bahawa kaumnya telah mengutusnya untuk menanyakan masalah itu setelah menempuh perjalanan enam bulan. Lalu Mālik berkata, “Beritahulah kepada mereka yang mengutusmu bahawa aku tidak mempunyai ilmu tentang masalah itu.” Lantas orang itu berkata, “Kalau begitu siapa yang ada ilmu mengenainya?” Mālik berkata, “Orang yang diberi ilmu oleh Allāh, sedangkan para Malaikat pun berkata:

○ ۲۳ ... لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلِمْتَنَا ...

“...Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami...” (al-Baqarah, 32)

Ada juga diriwayatkan daripada Imām Mālik bahawa beliau pernah ditanya 48 masalah, maka dijawabnya pada 32 masalah dengan jawapan, “Aku tidak tahu.”

---

12 *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn* (1/279-280).

Daripada Khālid bin Khidāsh, katanya: “Aku datang dari Iraq menemui Imām Mālik dengan membawa 40 soalan, lalu aku bertanya beliau mengenainya, maka tidak dijawabnya melainkan lima soalan sahaja.”

Ibn ‘Ajlān berkata, “Apabila seorang alim tersalah dalam masalah yang tidak diketahuinya, sesungguhnya binasalah ia.”

Mālik meriwayatkan bahawa, ‘Abdullāh bin Yazīd bin Hurmuz berkata, “Seyogianya, bagi seorang alim mewariskan kepada orang yang hadir majlisnya perkataan, "Aku tidak tahu" sehingga menjadi dasar kepada mereka apabila ditanya seseorang tentang perkara yang dia tidak tahu, maka hendaklah dia jawab, aku tidak tahu.”

Abū ‘Umar bin ‘Abd al-Barr (wafat tahun 463H) berkata, telah sahih riwayat daripada Abū al-Dardā’, bahawa beliau berkata, “aku tidak tahu, adalah separuh ilmu.”

## **MĀLIK DAN IBN ‘UYAYNAH**

Sesungguhnya, Ibn ‘Uyaynah<sup>13</sup> adalah rakan dan sekutu Imām Mālik. Imām al-Shāfi‘ī berkata, “Mālik dan Ibn ‘Uyaynah adalah dua rakan karib. Andainya tidak ada Mālik dan Ibn ‘Uyaynah, nescaya hilanglah ilmu orang Hijāz.”<sup>14</sup> Namun demikian, ada diriwayatkan; pernah satu kali Ibn ‘Uyaynah menyebut hadis, lalu dikatakan kepadanya bahawa Mālik berbeza dengan engkau tentang hadis ini. Maka, beliau berkata, “Adakah engkau samakan aku dengan Mālik. Padahal aku dengan Mālik tiada ubahnya seperti kata Jarīr, “Anak unta apabila dipadankan dalam pasangannya, nescaya tidak mampu mengimbangi unta yang kuat.”

Ada diriwayatkan pendapat Sufyān bin ‘Uyaynah tentang sabda Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* yang bermaksud, “Nanti orang-orang akan mengembara mencari ilmu, tetapi tidak akan

13 Sufyān bin ‘Uyaynah ialah Sufyān bin Abī ‘Uyaynah bin Abī ‘Imrān Maymūn al-Hilālī yang digelar Abū Muḥammad. Imām Kūfī, *faqīh muhaddith*. Lahir di Kufah, wafat di Makkah tahun 198H. Riwayat hidupnya terdapat dalam *Tārīkh Baghdād* (9/174), *al-Hilyah* (7/270), *Tabaqāt Ibnu Sa‘ad* (5/497), *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* (2Q1/55) dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* (4/117).

14 *Al-Intiqā’* (22).

dijumpai orang yang lebih alim daripada orang alim Madinah.” Lalu ditanya kepada Sufyān, “Siapakah dia (alim Madinah) itu?” Lalu jawabnya, “Sesungguhnya, dia ialah Mālik bin Anas *raḥimahullāhu ta ‘ālā*, kerana dia tidak mengambil hadis melainkan daripada orang-orang yang *thiqah*. Aku berpendapat bahawa Madinah akan mundur selepas matinya Mālik bin Anas.”<sup>15</sup>

## MĀLIK DAN AL-SHĀFI‘Ī

Imām al-Shāfi‘ī berkata, “Mālik bin Anas adalah guruku, kerana daripada beliaulah aku mengambil ilmu. Apabila disebut ulama, maka Mālik adalah bintangnya. Tiada seorang pun yang lebih aku percaya selain daripada Mālik bin Anas.”<sup>16</sup>

Beliau juga ada berkata, “Apabila engkau mendapat hadis daripada Mālik, peganglah kuat-kuat, kerana apabila Mālik bin Anas merasa ragu dalam satu hadis dia buang keseluruhannya.”<sup>17</sup>

## AHMAD BIN HANBAL DAN MĀLIK

Abū Zur‘ah al-Dimashqī berkata, “Aku mendengar Ahmād bin Hanbal ditanya tentang Sufyān dan Mālik apabila kedua-duanya berbeza di dalam riwayat.” Jawabnya, “Mālik lebih besar dalam hatiku.”

Lalu aku bertanya, “Bagaimana kalau Mālik dengan Awza‘ī berbeza pendapat?” Jawabnya, Mālik lebih aku sukai, walaupun Awza‘ī termasuk salah seorang imam.”

Ketika ditanya lagi, “Kalau dengan Ibrāhīm al-Nakha‘ī?” Seolah-olah dia berpendapat bahawa Ibrāhīm tidak patut disamakan dengan Mālik, kerana dia bukan ahli hadis, lalu – Ahmād – berkata, “Yang ini letakkan mengikut ahli sezamannya.”

Kemudian, dia ditanya tentang seseorang yang ingin menghafaz hadis daripada seorang sahaja, siapakah pada pendapatnya? Lalu

15 *Ibid* (36).

16 *Al-Intiqā’* (23).

17 *Ibid*

Imām Ahmād menjawab, “Hendaklah dia menghafaz hadis Imām Mālik.”

## PENDAPAT SEBAHAGIAN ULAMA MENGENAI ABŪ HANĪFAH

Shu‘bah bin al-Hajjāj merupakan Amīrul Mu’minīn dalam hadis,<sup>18</sup> manakala Abū Ḥanīfah dikenali sebagai *Ahl al-Ra’y* yang dihormati, sebagaimana yang telah kita ketahui. Meskipun berlainan manhaj antara kedua-duanya, namun Shu‘bah sangat menghormati Abū Ḥanīfah. Malah, terjalin hubungan kasih sayang antara kedua-duanya dan mereka sering berutus surat.

Shu‘bah menganggap Abū Ḥanīfah *thiqah* dan menuntut hadis daripadanya. Tatkala sampai kepadanya berita kematian Abū Ḥanīfah, beliau berkata: “Sesungguhnya, telah pergi bersama Abū Ḥanīfah fiqh Kufah, semoga Allāh mencucuri rahmat-Nya kepadanya dan kepada kita semua.”<sup>19</sup>

Seorang lelaki bertanya kepada Yaḥyā bin Sa‘īd al-Qaṭṭān tentang Abū Ḥanīfah. Lalu jawabnya: “Tidak dapat dinilai seseorang di sisi Allāh selain daripada apa yang diketahui oleh Allāh ‘azza wa jalla. Demi Allāh, sesungguhnya apabila kami menganggap baik pendapatnya mengenai sesuatu perkara, maka kami ambil pendapat itu.” Demikianlah perbezaan pendapat tidak menghalang seseorang daripada mengambil pendapat yang dianggapnya baik pada saudaranya dengan menyebutkan kelebihannya dan mengatakan pendapat itu sebagai pendapat saudaranya.

Daripada ‘Abdullāh bin al-Mubārak, banyak sekali riwayat memuji Imām Abū Ḥanīfah. Beliau hanya menyebut perkara-perkara yang baik sahaja daripadanya, memberi sokongan kepadanya, mengambil beberapa pendapatnya, dan memberi

18 Shu‘bah bin al-Hajjāj, ialah Shu‘bah bin al-Hajjāj bin al-Ward Abū Busṭām yang digelar Amīrul Mu’minīn. Wafat tahun 160H. Riwayat hidupnya terdapat dalam *Tārīkh Baghḍād* (9/255) dan halaman selepasnya, *Tahdhīb al-Tahdhīb* (4/338), dan selepasnya, *al-Tadhkirah* (193 dan selepasnya), *Tārīkh al-Kabīr* oleh al-Bukhārī (2Q2/244) dan selepasnya, *Tārīkh al-Ṣaghīr* oleh al-Bukhārī (2/135) dan *Tabaqāt ibn Sa‘ad* (7/280).

19 *Al-Intiqā’* (126).

sanjungan kepadanya. Beliau tidak membenarkan masjidnya digunakan untuk memperkatakan perkara yang tidak baik terhadap Abū Ḥanīfah. Suatu hari ada seorang yang cuba mencaci Abū Ḥanīfah, lalu ‘Abdullāh bin al-Mubārak bangun dan berkata kepada orang itu. “Diamlah, demi Allāh, sekiranya engkau melihat Abū Ḥanīfah, nescaya engkau akan melihat seorang yang penuh dengan akal dan kemuliaan.”

Imām al-Shāfi‘ī meriwayatkan bahawa beliau berkata, “Pada suatu hari, Imām Mālik ditanya orang mengenai ‘Uthmān al-Buttī. Jawabnya, “Sederhana.” Lalu ditanya pula mengenai Abū Shubrumah. Jawabnya, “Sederhana.” Tetapi apabila ditanya mengenai Abū Ḥanīfah, maka jawabnya, “Seandainya dia datang dekat tiang-tiang masjid ini lalu dia beranalogi bahawa tiang-tiang ini adalah kayu, nescaya kamu menyangka bahawa ia kayu,”<sup>20</sup> sebagai gambaran betapa pakarnya Abū Ḥanīfah dalam ilmu *qiyās*. Imām al-Shāfi‘ī sendiri diriwayatkan sering menyatakan: “...penuntut ilmu fiqh sangat berhajat kepada Abū Ḥanīfah.”<sup>21</sup>

Dalam majlis mereka ini tidak pernah disebut kecuali yang baik. Sesiapa yang cuba melanggar adab yang patut dipelihara terhadap para imam itu segera diperbetulkan agar jangan sampai menyentuh peribadi seseorang. Al-Fadl bin Mūsā al-Sīnānī<sup>22</sup> pernah ditanya: “Apa pendapat anda mengenai orang yang memperkatakan sesuatu terhadap Abū Ḥanīfah?” Beliau menjawab, “Sesungguhnya, Abū Ḥanīfah membawa kepada mereka ilmu yang telah mereka ketahui dan ilmu yang belum mereka ketahui sehingga tiada suatu pun yang tertinggal. Oleh sebab itu, mereka cemburu terhadapnya.”<sup>23</sup>

Inilah sebahagian ucapan dan kenyataan para imam hadis terhadap Imām Abū Ḥanīfah yang berbeza pendapat dengan mereka dalam

20 *Al-Intiqā'* (147).

21 *Ibid* (136).

22 Al-Fadl bin Mūsā al-Sīnānī adalah seorang ulama *thiqah*, berasal dari bandar Sinan di Khurasan. Beliau meriwayatkan hadis *Sīghār al-Tābi‘īn*. Wafat tahun 191H atau 192H. Riwayat hidupnya terdapat dalam kitab *al-Mīzān* (3/360), *al-Tarjamah* (6754), *al-Taqrīb* (2/111) cetakan al-Maktabah ‘Ilmiyyah al-Madinah al-Munawwarah, *Tahdhīb al-Tahdhīb* (8/286).

23 *Ibid*.

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

kebanyakan pendapatnya. Namun, perbezaan itu tidak menghalang mereka untuk memberi penghormatan dalam hal-hal yang memang dia ahli mengenainya. Sikap demikian adalah disebabkan mereka percaya bahawa perbezaan pendapat antara mereka dengan Imām Abū Ḥanīfah bukanlah didorong oleh hawa nafsu atau keinginan untuk menunjukkan kelebihan, tetapi semata-mata mencari kebenaran yang menjadi matlamat bagi semua pihak. Semoga Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* mencucuri rahmat ke atas mereka.

Andainya bukan kerana akhlak dan adab yang mulia, nescaya sudah hilanglah kebanyakan ahli fiqh dalam kalangan ulama Salaf al-Šālihīn. Pembelaan yang mereka lakukan terhadap seseorang imam itu adalah untuk memelihara fiqh yang akan diwariskan kepada umat bagi memimpin hidup mereka ke arah jalan yang benar.

## **PENDAPAT SESETENGAH ULAMA MENGENAI IMĀM AL-SHĀFI‘Ī**

Imām Ibn ‘Uyaynah dalam kedudukan yang sudah dikenali apabila menerima sesuatu pertanyaan mengenai tafsir dan fatwa mengalihkan pandangannya kepada Imām al-Shāfi‘ī, lalu berkata, “Tanyalah orang ini.” Apabila beliau melihat Imām al-Shāfi‘ī, beliau sering berkata, “Orang inilah sebaik-baik pemuda pada zamannya.”

Ketika Imām Ibn ‘Uyaynah menerima berita wafatnya Imām al-Shāfi‘ī, beliau berkata, “Jika benar Muḥammad bin Idrīs telah wafat, maka bererti telah matilah sebaik-baik orang pada zamannya.”

Yahyā bin Sa‘īd al-Qattān berkata, “Aku sentiasa mendoakan al-Shāfi‘ī hatta dalam solatku.”

‘Abdullāh bin ‘Abd al-Ḥakim dan anaknya menjadi pengikut mazhab Mālik, namun tidak menghalang ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Ḥakim mewasiatkan anaknya Muḥammad supaya melazimi Imām al-Shāfi‘ī dengan mengatakan kepadanya, “Lazimilah Shaykh ini (maksudnya Imām al-Shāfi‘ī). Tidak pernah aku melihat seorang yang lebih faham tentang *uṣūl ilmu* atau *uṣūl al-fiqh* selain daripadanya.”

Ternyata anaknya telah menuruti nasihat bapanya, di mana beliau pernah menegaskan, “Andainya bukan Imām al-Shāfi‘ī nescaya aku tidak tahu bagaimana menjawab soalan seseorang.

Melalui dia lah aku dapat mengetahui ilmu yang ada padaku. Dia lah yang mengajari aku ilmu *qiyās*, semoga Allāh mencucuri rahmat kepadanya. Sesungguhnya, beliaulah pemilik sunnah dan *āthār*, keutamaan dan kebaikan, di samping lisan yang fasih dan akal yang sihat dan kuat.”<sup>24</sup>

## ANTARA IMĀM AHMAD DENGAN IMĀM AL-SHĀFI‘Ī

‘Abdullāh bin Imām Aḥmad berkata bahawasanya aku bertanya kepada bapaku, “Apakah kedudukan Imām al-Shāfi‘ī itu, kerana aku mendengar engkau sering mendoakannya.” Maka, Imām Aḥmad berkata, “Wahai anakku, sesungguhnya al-Shāfi‘ī *rāhimahullāhu ta ‘ālā* adalah laksana matahari bagi dunia ini dan laksana kesihatan bagi manusia. Cuba anakanda perhatikan, adakah dapat dicari ganti?”

Şāliḥ bin Imām Aḥmad berkata, “Yahyā bin Ma‘īn menjumpai aku dan berkata: Tidakkah bapamu malu tentang apa yang telah dilakukannya?” Lalu aku berkata, “Apa yang dia telah lakukan?” Dia berkata, “Aku lihat dia bersama-sama al-Shāfi‘ī, sedang al-Shāfi‘ī menunggang kuda, manakala bapamu berjalan kaki sambil menarik tali kekangnya.” Maka, aku sampaikan apa yang dikatakannya itu kepada bapaku. Lantas bapaku berkata, “Katakan kepadanya, bapaku berkata kepadamu: Sekiranya engkau ingin mendapat fahaman yang baik, marilah bersama-sama Imām al-Shāfi‘ī dan iringilah tunggangannya dari sebelah yang lain (kiri dan kanan tunggangan).”<sup>25</sup>

Abū Ḥamīd Aḥmad bin Aḥmad al-Baṣrī berkata, “Aku berada di sisi Aḥmad bin Ḥanbal membincangkan suatu masalah, lalu seseorang berkata kepada Aḥmad,” Wahai Abū ‘Abdullāh, tidak ada hadis yang sahih mengenainya.” Maka, Aḥmad berkata, “Jika tidak ada hadis yang sahih, tetapi ada kata-kata al-Shāfi‘ī mengenainya dan hujahnya adalah paling kuat.” Kemudian Imām Aḥmad berkata, “Aku berkata kepada al-Shāfi‘ī, “Apa pendapat engkau tentang masalah ini dan ini?” Lalu dia menjawabnya. Maka, aku berkata, “Dari mana engkau mendapatinya?” Adakah hadis atau ayat al-Qur’ān mengenainya? Dia menjawab, “Ya, lalu

24 *Al-Intiqā'* (73).

25 *Al-Intiqā'* (73).

dia mengeluarkan hadis Nabi *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* iaitu hadis itu dalilnya.”<sup>26</sup>

Imām Aḥmad berkata, “Apabila aku ditanya mengenai suatu masalah yang aku tidak tahu hadis mengenainya, lalu aku berkata Imām al-Shāfi‘ī ada berkata mengenainya, kerana beliau adalah imam yang alim daripada bangsa Quraysh.”<sup>27</sup>

Dāwūd bin ‘Alī al-Asbahānī berkata bahawasanya beliau mendengar Iṣhāq bin Rahawayh berkata, “Aku bertemu Aḥmad bin Ḥanbal di Makkah, dan beliau berkata, Mari ke sini. Sehingga aku tunjukkan kau seorang lelaki yang kau tidak pernah melihat dengan mata kau sendiri... Maka, aku ditunjukkan Imām al-Shāfi‘ī.”

Demikianlah pendapat Imām Aḥmad terhadap Imām al-Shāfi‘ī. Memanglah tidak menghairankan jika seseorang murid mengagumi gurunya dan mengakui kelebihannya, namun Imām al-Shāfi‘ī sendiri tidak segan-segan mengiktiraf kelebihan dan keilmuan mengenai sunnah yang ada pada muridnya Imām Aḥmad, di mana beliau pernah berkata kepada Imām Aḥmad, “Kamu lebih tahu daripada aku mengenai hadis dan perawinya. Jika ada hadis yang sahih beritahulah aku, sekalipun ia hadis dari Kūfah, atau dari Baṣrah atau dari Shām, nescaya aku menerima sekiranya ia sahih.”<sup>28</sup>

Imām al-Shāfi‘ī apabila menyampaikan hadis daripada Aḥmad, beliau tidak menyebut nama Imām Aḥmad kerana membesarinya, malahan menyebut, “Telah disampaikan kepada kami hadis oleh *thiqah* daripada sahabat kami, atau telah memberitakan kepada kami oleh *thiqah*, atau telah mengkhabarkan kepada kami oleh *thiqah*.”<sup>29</sup>

Demikianlah sekilas lalu<sup>30</sup> keterangan yang menjelaskan kepada kita sebahagian perilaku para Salaf al-Šālihīn tentang adab yang mulia dan akhlak yang tinggi, tidak terjejas oleh sebab perbezaan pendapat dan tidak tercabar oleh kerana berlainan ijtihad.

---

26 *Ādāb al-Shāfi‘ī wa Manāqibuhu* (86-87).

27 *Hāmish Ādāb al-Shāfi‘ī wa Manāqibuhu* (86).

28 *Al-Intiqā’* (75).

29 *Manāqib al-Imām Aḥmad* oleh Ibn al-Jawzī (116).

30 Semoga Allāh ta‘ālā memberi peluang dan masa kepada kita untuk mengumpulkan sedapat yang mungkin warisan pemimpin Islam di dalam bidang ini.

Itulah adab tokoh-tokoh yang keluar daripada *Madrasah al-Muhammadiyyah*. Hawa nafsu tidak ada jalan untuk menguasai mereka. Kitab-kitab riwayat hidup, tabaqāt, manāqib dan sejarah, penuh dengan keterangan-keterangan yang menggambarkan pendirian yang mulia, perbincangan-perbincangan yang indah antara para imam yang terkemuka, bahawa adab menjadi jiwanya dan akhlak Islam yang tinggi menjadi intinya.

Dalam suasana dan situasi kita hidup berpecah belah dan bertikai-pangkai dalam setiap persoalan kita, seyogianyalah kita kembali bernaung di bawah pohon rimbun yang penuh berkat itu, di mana kita dapat berpadu pada adab yang mulia yang ditinggalkan oleh para Salaf al-Šālihīn kepada kita, jika benar-benar kita bersungguh-sungguh hendak memulai kehidupan Islam yang mulia.

Memang kita mengaku ada sesetengah pendirian yang tidak komited dengan adab-adab ini, atau kosong sama sekali daripada ciri-ciri ulama yang telah kita sebutkan. Tetapi, pendirian yang demikian adalah pendirian pendukung taklid, atau kalangan *muta'akhkirīn* yang telah dipenuhi oleh jiwa fanatik dan terjebak dalam jerat taklid dan tidak dapat menanggapi hakikat roh ilmiah yang tinggi yang berada di sebalik sebab-sebab perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha, dan tidak mendapat ilham daripada adab yang tinggi yang bersumberkan niat yang benar untuk mencari kebenaran dan ketetapan yang dimaksudkan oleh al-Shāri‘ yang Maha Bijaksana. Nampaknya mereka ini termasuk dalam golongan yang disebutkan oleh Imām al-Ghazālī:

“Maka, jadilah para fuqaha setelah mereka dicari dan diperlukan tenaganya jatuh menjunam menjadi pengemis dan peminta jawatan, dan selepas mereka berada dalam kedudukan yang mulia kerana menjauhkan diri daripada penguasa jatuh menjadi hina-dina kerana menjilat para penguasa.”

Orang yang dicari dan diperlukan tenaganya itu sentiasa memimpin dirinya dan tidak akan keluar melainkan untuk kepentingan kebenaran, manakala pengemis dan peminta jawatan menjual dirinya untuk kepentingan dan kesenangan pembelinya. Maka, perbezaan pendapat yang menjadi nikmat dan ciri ulama bagi fiqh Islam serta mengukuhkan realiti yang berlaku dalam agama

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

ini dan memeliharanya untuk *maṣlahah* manusia, mereka tukarkan menjadi azab sengsara yang menjadi salah satu faktor perpecahan dan persengketaan yang amat berbahaya dalam kalangan umat Islam. Malahan, bertukar menjadi seksa yang menghabiskan tenaga yang banyak daripada umat Islam kepada perkara-perkara yang tidak perlu, di samping menghabiskan masa kepada kerja-kerja yang tidak berguna.

Perbezaan pendapat yang telah kami huraikan pada halaman-halaman yang lalu, yang berlaku pada peribadi-peribadi utama yang dihiasi adab-adab yang mulia, merupakan perbezaan pendapat yang menjadi tajuk buku-buku para penulis, iaitu: “Sebab-sebab perbezaan pendapat para fuqaha, dahulu dan sekarang.” Namun begitu, segala pertikaian yang timbul selepas kurun yang baik itu, adalah perselisihan dalam bentuk yang lain, atas sebab-sebab yang pelbagai.

## BAB KEENAM

# **PERSELISIHAN PENDAPAT SELEPAS KURUN TERBAIK DAN ADABNYA**

## PERSELISIHAN PENDAPAT SELEPAS KURUN TERBAIK DAN ADABNYA

Semenjak kurun keempat Hijrah terhentilah ijtihad dan ia digantikan dengan taklid yang berleluasa di mana-mana. Penulisan dan penyusunan buku-buku mengambil bentuk yang baru. Pendapat dan fatwa berjalan mengikut aliran satu mazhab sahaja, yang harus menjadi pegangan dan disebarluaskan. Malahan kegiatan fiqh hanya berkisar dalam satu mazhab sahaja. Hal-hal ini tidak pernah wujud dalam kurun pertama dan kurun kedua.<sup>1</sup>

Pada kurun ketiga pula, ijtihad masih bersemarak, walaupun sesetengah ulama berusaha membuat keputusan mengikut kaedah dan *uṣūl* ulama yang terdahulu, namun mereka tidak taklid dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pendapat-pendapat ulama yang terdahulu itu.

Dalam kurun keempat, manusia terbahagi kepada dua, iaitu ulama dan orang awam. Bagi orang awam, sesungguhnya mereka telah menerima daripada ahli ilmu apa yang diriwayatkan daripada Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* tentang masalah-masalah yang tidak ada pertikaian antara *jumhūr mujtahidīn*, seperti masalah-masalah *tahārah*, solat, puasa, zakat dan sebagainya. Lalu mereka beramal mengikut apa yang diriwayatkan kepada mereka mengenainya. Apabila berlaku sesuatu perkara yang memerlukan penjelasan, mereka meminta fatwa kepada ahli ilmu tanpa memandang kepada mazhab yang dipegang oleh ahli ilmu itu.

Para ulama dan golongan tertentu, sesungguhnya menumpukan perhatian mereka kepada hadis, di mana mereka telah berjaya mendapatkan hadis-hadis Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dan *āthār* para sahabat, yang mana dengan sesuatu hadis tersebut mereka tidak memerlukan pendapat-pendapat lain untuk menghadapi sesuatu masalah. Apabila seseorang berasa tidak puas hati terhadap apa yang didapatinya disebabkan pertentangan riwayat, atau tidak

---

<sup>1</sup> *Qūṭ al-Qulūb* oleh Abī Tālib al-Makkī dari *Hujjat Allāh al-Bālighah* (321).

jelas yang mana satu yang lebih kuat, maka dia merujuk pendapat fuqaha yang terdahulu, dan apabila dia mendapat ada dua pendapat mengenainya dia pilih pendapat yang lebih kuat dan meyakinkan, sama ada daripada ulama Madinah atau ulama Kufah.

Manakala *ahl al-takhrīj* (kalangan yang berusaha untuk menghasilkan sesuatu pendapat) dalam menghadapi perkara-perkara yang tidak ada penegasan hukumnya, mereka berusaha mencari hukumnya dengan melakukan *ijtihad* pada pendapat-pendapat pelbagai mazhab yang ada, kemudian menegaskan pendapat itu kepada mazhab yang berkenaan dengan mengatakan ini pendapat al-Shāfi‘ī, atau ini pendapat Ḥanafī tanpa mengikat diri dengan mazhab yang berkenaan sebagaimana yang berlaku selepasnya. Adapun ahli hadis yang menisbahkan diri kepada mazhab adalah kerana banyaknya persamaan, misalnya al-Nasā’ī, al-Bayhaqī, al-Khaṭṭābī dinisbahkan kepada al-Shāfi‘ī. Urusan kehakiman mestilah dipegang oleh seorang mujtahid dan seorang alim tidak dinamakan *faqīh* kecuali dia seorang mujtahid.

## SITUASI SELEPAS KURUN KEEMPAT

Selepas kurun keempat keadaan telah banyak berubah yang mana Hujjatul Islām Imām al-Ghazālī (wafat tahun 505H) telah memberikan pendapat beliau:

“Ketahuilah bahawa selepas Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam* wafat, jawatan khalifah telah dipegang oleh Khulafā’ al-Rāshidīn yang mendapat petunjuk daripada Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā*. Sesungguhnya, mereka yang selain daripada tokoh pemimpin adalah juga tokoh ulama dan ahli fiqh yang cukup mahir dengan hukum-hakam Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā*. Kerana itu, mereka sendiri mampu memberi fatwa terhadap persoalan-persoalan yang berlaku tanpa meminta bantuan fuqaha, kecuali dalam persoalan-persoalan yang memerlukan mesyuarat. Dengan itu, para ulama pada waktu itu lebih banyak menumpukan perhatiannya kepada soal-soal akhirat untuk mendapatkan keredaan Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* sebagaimana yang telah dicatatkan dalam riwayat hidup mereka. Malangnya apabila jawatan khalifah beralih kepada orang-orang yang tidak layak dan tidak mempunyai kemampuan

tentang fatwa dan hukum-hakam Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* selepas Khulafā’ al-Rāshidīn, mereka terpaksa meminta bantuan fuqaha untuk mendampingi mereka bagi memberi fatwa dalam menyelesaikan pelbagai persoalan yang berlaku. Sesungguhnya, masih ada ulama *tābi‘in* daripada lapisan generasi awal yang tetap setia memelihara kesucian agama dan tetap komited mengikuti ciri-ciri ulama Salaf. Apabila diminta, mereka mengelakkan diri dan menolak, sehingga para khalifah terpaksa berusaha dengan gigih meminta mereka untuk menyandang jawatan kehakiman atau pemerintahan. Jelaslah bahawa pada zaman itu tingginya kedudukan ulama sehingga pemimpin yang mencari mereka sedangkan mereka mengelakkan diri. Memandangkan hal inilah orang-orang pada zaman itu berpendapat bahawa ilmu adalah jalan untuk mencapai kemuliaan dan beroleh pangkat di sisi penguasa. Dengan itu, mereka menumpukan perhatian untuk mencari ilmu-ilmu yang berkenaan dengan fatwa, lalu mendekati penguasa dan menawarkan diri untuk mendapatkan pangkat dan kedudukan. Ada antara mereka yang berjaya, tetapi ada pula yang hampa. Manakala, bagi yang berjaya, selain daripada dia menghinakan dirinya kerana mengemis kepada penguasa, maka dia juga telah merendahkan martabat fuqaha kerana menjadi pengemis dan peminta jawatan, padahal sebelumnya penguasa sendiri yang datang kepada mereka. Mereka menjadi hina kerana menjadi pengemis dan penjilat penguasa, padahal sebelumnya mereka mulia dalam pandangan penguasa kerana sikap mereka yang memelihara maruah ulama, kecuali orang-orang yang diberikan ilmu-ilmu yang berkenaan dengan fatwa dan hukum-hakam demi kepentingan jawatan dan pemerintahan.

Kemudian, timbul pula kecenderungan untuk mengadakan polemik dalam bidang akidah dan perdebatan dalam ilmu kalam, sehingga manusia menumpukan perhatiannya pula kepada ilmu kalam.<sup>2</sup> Untuk ini banyak buku ditulis dengan menampilkan metode-metode perdebatan dan seni ilmu berpolemik dan berdebat, dengan anggapan bahawa tujuan mereka ialah untuk mempertahankan kesucian agama, membela sunnah Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* dan menghapuskan *bid‘ah*. Tujuan mereka ini sama dengan

---

2 Ilmu kalam: ialah ilmu akidah dan tauhid. Dinamakan ilmu kalam disebabkan keterlibatannya dalam perbahasan-perbahasan yang bersifat perdebatan, yang mana para pembahas cenderung untuk memperlihatkan kekeliruan dan menghancurkan pendapat pihak lawan.

tujuan orang-orang yang sebelumnya yang menyatakan bahawa mereka sibuk mempelajari ilmu-ilmu fatwa demi kepentingan agama bagi memelihara hukum-hakam Islam dan memenuhi keperluan kaum Muslimin.

Kemudian, selepas itu timbul golongan yang tidak mempunyai kelayakan untuk membicarakan ilmu kalam dengan membuka pintu polemik dan perdebatan yang sengit, yang telah melahirkan sikap fanatik yang sempit dan permusuhan yang dahsyat, sehingga membawa kepada pertumpahan darah dan kehancuran negara. Lantas kecenderungan ini merambat pula ke lapangan ilmu fiqh bagi menyatakan pendapat-pendapat yang lebih baik daripada mazhab Shāfi‘ī dan mazhab Ḥanafi secara khususnya. Lalu manusia beralih daripada ilmu kalam kepada masalah-masalah *khilāfiyyah* antara Shāfi‘ī dan Abū Ḥanīfah khasnya, dan kurang memberi perhatian kepada Mālik, Sufyān dan Aḥmad,<sup>3</sup> dan imam-imam yang lain. Mereka menyangka bahawa cara ini bertujuan untuk menghasilkan ketetapan hukum-hakam syarak yang lebih halus dan terperinci dan penetapan ‘illah-‘illah yang digunakan oleh mazhab di samping pengantar kepada dasar-dasar fatwa. Amat banyak buku ditulis untuk merakamkan hasil-hasil *istinbāt* dan pelbagai rupa perbincangan. Demikianlah berterusan sehingga sekarang dan kita tidak tahu apa yang akan terjadi selepas kita. Inilah faktor yang mendorong kepada perselisihan pendapat dan perdebatan. Andainya perselisihan pendapat ini ditujukan kepada imam lain atau ilmu lain, nescaya alasan yang digunakan adalah sama, iaitu untuk kepentingan agama dan mendekatkan diri kepada Allāh *Rabb al-‘ālamīn*.<sup>24</sup>

Berdasarkan penelitian terhadap asas pemikiran yang terkandung dalam teks tersebut didapati:

## **PERTAMA**

Imām al-Ghazālī *raḥimahullāh* telah melakukan diagnos terhadap penyakit yang sebenarnya menimpa umat, iaitu pemisahan yang tragis di antara kepimpinan fikrah dengan kuasa politik selepas

<sup>3</sup> Imām al-Ghazālī berpendapat bahawa imam mujtahid yang mempunyai pengikut ada lima orang, dan Sufyān al-Thawrī adalah yang kelima.

<sup>4</sup> *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (1/41 dan halaman selepasnya), Bab 4 tentang kecenderungan manusia kepada ilmu khilaf.

pemerintahan Khulafā' al-Rāshidīn. Sejarah umat penuh dengan ciri-ciri sedemikian yang terus menjadi persoalan hingga ke hari ini, iaitu praktik politik yang tidak Islamik, kerana para politikus jahil terhadap *siyāsah shar'iyyah Islāmiyyah*, sementara di hadapan kita hanya ada fiqh yang bersifat teori andaian yang tidak menyentuh secara hakiki persoalan-persoalan yang dihadapi oleh manusia dan tidak menyelesaikan masalah-masalah harian dengan cara yang praktis, sebagaimana yang pernah digunakan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan fiqh, dan masalah-masalah *uṣūl* hanyalah perkara-perkara andaian yang dihasilkan oleh polemik, perdebatan dan persoalan-persoalan *khilāfiyyah*.

## **KEDUA**

Status fiqh selepas praktik-praktik yang salah itu berubah daripada menjadi alat untuk melindungi manusia dan segala persoalannya dengan peraturan syariat kepada alat untuk menghalalkan segala kejadian yang berlaku, walau apa pun kejadiannya. Hal yang demikian menyebabkan kehidupan perundangan Islam bagi kaum Muslimin seperti tidak tentu arah, kerana sering terjadi suatu perkara kepada seseorang pada masa dan tempat tertentu dihukumkan sebagai halal oleh seorang ahli fiqh, tetapi haram bagi ahli fiqh yang lain (pada perkara yang sama). Cukuplah untuk menggambarkan apa yang telah menjadi suatu dasar daripada *uṣūl al-fiqh* dan merupakan bab yang luas diperkatakan, iaitu yang dikenali dengan istilah ‘jalan keluar dan hiyal’ (الخراج والخيال),<sup>5</sup> di mana ketinggian ilmu dan kepakaran

---

5 Perkara ini merupakan salah satu daripada dasar *Uṣūl al-Hanafiyyah*, kerana Imām Muḥammad bin al-Hasan telah menulis kitabnya *al-Makhārij wa al-Hiyal*. Kemudian dibicarakan secara meluas. Sila rujuk Bab *al-Hiyal* pada kitab *I'lām al-Muwaqqi'īn* dan kitab *al-Hiyal fī al-Sharī'at al-Islāmiyyah* oleh Muḥammad Buhairiy (tesis Ijazah Kedoktoran). Sebagaimana kitab-kitab fiqh jarang sekali tidak membincarakan persoalan ini atau menyebut sebahagian bentuknya dalam bab-bab fiqh seperti bab mu'amalat, nikah, talak dan sebagainya. Ibn Qayyim telah membincarakan persoalan ini dengan panjang lebar di dalam kitabnya *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, satu bahagian daripada juzuk ketiga dan satu bahagian lagi daripada juzuk keempat, yang mana beliau menjelaskan hakikat helah, jenis-jenisnya dan hukum setiap jenisnya, serta mengemukakan contoh-contohnya, antaranya: helah yang dimaksudkan oleh si pembunuh untuk menggugurkan hukum *qiyās* daripada dirinya, helah mengatakan gugur hukum *qiyās* daripadanya sebab tidak dikira membunuh. Ini termasuk helah yang batil dan ditolak.

mengenai bab ini dianggap sebagai bukti keluasan dan kedalaman ilmu seorang ahli fiqh berbanding dengan yang lainnya. Keadaan bertambah runcing apabila pengaruh agama semakin lemah, yang mana orang semakin tidak peduli dan mengambil mudah terhadap hukum-hakam syarak, sehingga sampai kepada satu keadaan yang mana sesetengah orang yang bertanggungjawab terhadap fatwa mengeluarkan fatwa yang tidak disandarkan kepada dalil dan tidak meyakini kebenaran fatwanya, dengan andaian bahawa yang demikian dapat meringankan hukum atas manusia ataupun untuk memperketat tanpa melanggar batasan, seperti meringankan hukum kepada sesetengah penguasa dalam satu perkara, tetapi hal yang sama tidak boleh diringankan kepada orang ramai.<sup>6</sup>

Pernah mereka bertanya tentang hukum wuduk orang yang menyentuh perempuan atau menyentuh kemaluhan, lalu dijawabnya, tidak membatakan wuduk mengikut Abū Ḥanīfah.

Dan apabila ditanya mengenai hukum bermain catur dan memakan daging kuda, lalu dijawabnya halal mengikut al-Shāfi‘ī.

Dan apabila ditanya mengenai hukum menyeksa orang yang dituduh, atau melampaui batasan dalam perkara-perkara *ta‘zīr*, lalu dijawabnya boleh mengikut Mālik.

Dan apabila ditanya mengenai hukum seseorang yang ingin berbuat helah untuk menjual wakaf apabila harta wakaf itu telah

---

Demikian pula apabila seseorang ingin mengeluarkan isterinya daripada waris ketika dia dalam kesakitan membawa matinya, ketimbang dia mentalaknya pada waktu sakit seperti itu. Orang-orang yang berhelah berpendapat suami boleh memperakui atas dirinya bahawa dia telah mentalaknya dengan talak tiga. Ini juga adalah helah yang batil. Demikian juga helah sesetengah orang kaya untuk menggugurkan kewajipan zakat dengan menghibahkan hartanya, atau menjualnya sebelum cukup haulnya, atau dengan meletakkan zakatnya pada karung atau bejana dan memberikannya kepada fakir miskin seolah-olah dia telah membayar zakatnya, kemudian memintanya kembali dengan membelinya. Ini semuanya adalah perkara-perkara yang diharapkan, kerana manusia berhadapan dengan Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* yang Maha Mengetahui yang mengetahui apa yang tersembunyi daripada pemandangan dan yang terselit dalam hati.

6 Lihat *Manāhij al-Ijtihād fī al-Islām* oleh Sallam Madkūr (4506451) *Uṣūl Aḥkām* oleh Ḥamid al-Kabīsī (390).

rosak dan tidak dapat dimanfaatkan lagi sedangkan orang yang menguruskannya tidak ada belanja untuk membangunkannya, lalu dijawabnya harus mengikut mazhab Ahmad, sehingga akhirnya harta-harta wakaf kaum Muslimin beralih daripada status wakaf kepada milik-milik peribadi dari setahun ke setahun.<sup>7</sup>

Demikianlah hilang maksud dan tujuan syarak dengan sebab hilangnya takwa kepada Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* dan diabaikan kaedah-kaedah utamanya, sehingga sampai di kemuncaknya seorang penyair yang sesat dan kegila-gilaan begitu berani mempermain-mainkan hukum-hakam Allāh *subḥānahu wa ta’ālā*, sebagaimana yang diucapkan oleh Abū Nuwās dalam syairnya:

**“Seorang Irāqī mengharuskan perahan anggur dan  
meminumnya,**

**Dia berkata apa yang haram ialah arak dan mabuk,**

**Seorang Ḥijāzī berkata meminum kedua-duanya  
adalah sama sahaja,**

**Maka dari celah-celah ucapan kedua-duanya,  
halallah arak untuk kami,**

**Aku ambil pandangan di hujung ucapan kedua-  
duanya,**

**Lalu aku meminumnya supaya aku bezakan antara  
pelaku dosa akan dosanya.”**

Sesungguhnya, mereka yang bertanggungjawab untuk memelihara kehormatan agama menganggap enteng terhadap kesuciannya dan memandang mudah terhadap hukum-hukumnya, sehingga bertindak di luar batasan dengan alasan untuk melapangkan manusia. Demikianlah perilaku sesetengah mufti yang tidak memelihara kehormatan dirinya dengan fatwa yang selari dengan kemahuan hawa nafsunya. Pihak yang berhadapan secara kontras dengan pendirian mereka ialah golongan yang keras dan ekstrim, yang sentiasa berusaha mencari-cari pendapat-pendapat yang keras dan sempit untuk difatwakan dengan anggapan bahawa kerjanya ini adalah merupakan khidmat yang baik kepada Islam, untuk

---

<sup>7</sup> *Al-Irtisāmāt al-Lutāf*: oleh Shakīb Arsalān.

mengembalikan manusia berpegang kepada hukum-hukum yang asal sahaja. Namun, perkara itu tidaklah sedemikian, kerana hasilnya tidak selamanya seperti yang mereka harapkan. Malah sering terjadi sebaliknya, apabila orang ramai lari dan benci kepada hukum-hukum syarak dan tidak mahu patuh kepadanya, kerana kesukaran telah mengganti kemudahan. Sebagaimana kisah Raja Andalus yang menanyakan mufti Mālikī, Yahyā bin Yahyā<sup>8</sup> menjawab bahawa wajib atasnya berpuasa dua bulan berturut-turut dan tidak boleh yang lainnya. Padahal sepatutnya Yahyā menjawab dengan mengatakan memerdekaan hamba terlebih dahulu. Dan apabila ditanya mengapa demikian? Dia menjawab, “Bahawa – raja – mampu memerdekaan beratus-ratus hamba. Oleh itu, mestilah diambil yang lebih sukar iaitu berpuasa.” Jika kita perhatikan realiti Islam, kelapangan dan keinginannya supaya hukum-hukumnya disahut oleh manusia sesuai dengan keadaan fitrahnya tanpa meletihkan dan menyusahkan, dan dalam masa yang sama dia tidak dibiarkan bebas mengikut kehendak hawa nafsunya. Jika perkara itu berlaku, maka jelaslah kepada kita bahawa kedua-dua golongan tadi adalah tersalah, kerana masing-masing telah melampaui maksud dan tujuan Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā* yang Maha Bijaksana.

Sesungguhnya, tugas seorang alim ialah menyampaikan risalah Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* kepada manusia sebagaimana yang diturunkan-Nya di dalam kitab-Nya dan sebagaimana Dia telah mengutuskan Rasul-Nya, yang mana seseorang tidak mempunyai kuasa untuk melebih-lebihkan atau meringankan-ringankan (hukum Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā*). Firman Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*:

○ ... قُلْ أَعْلَمُونَ اللَّهَ يَدِينَ كُلُّ مَنْ

“Katakanlah (kepada orang-orang *A‘rāb* itu wahai Muhammad): “Patutkah kamu hendak memberitahu kepada Allāh tentang agama kamu (dengan berkata: ‘kami telah beriman’)?...” (al-Hujurāt, 16)

<sup>8</sup> Yahyā bin Yahyā al-Laythī al-Andalūsī, yang meriwayatkan *al-Muwaṭṭā'* Imam Mālik dan penyair mazhabnya di Maghribi. Wafat tahun 234H. Lihat kitab *al-Bidāyah* (10/312).

Dan firman Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*:

١٤٠ ... قُلْ إِنَّمَا أَعْلَمُ أَمْرُ اللَّهِ ...

“...Katakanlah (wahai Muhammad): “Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allāh?...” (al-Baqarah, 140)

Pengajarannya, sesiapa yang melampaui batas ialah orang yang mengada-adakan sesuatu (*ibtidā’*), sama ada dengan melebih-lebihkan atau meringan-ringankan.

## TAKLID DAN AKIBATNYA

Berdasarkan keterangan yang lalu kita telah melihat mengenai kedudukan dan keadaan ijтиhad. Ramai yang mengkhuatiri bahawa pintu ijтиhad dimasuki oleh orang yang tidak layak memasukinya sebagaimana orang yang memberi fatwa kepada para penguasa dengan memperalat dan menundukkan nas demi kepentingan hawa nafsu. Dalam hal ini pula mereka tidak sama kerana ada yang meringan-ringankan dan ada pula yang melebih-lebihkan.

Memandangkan keadaan ini, kalangan ulama tertentu sangat bimbang dengan nasib yang akan menimpa agama ini, lalu mereka mencari jalan penyelesaiannya. Maka, mereka tidak mendapati jalan keluarnya kecuali mewajibkan umat bertaklid. Sungguh malang jika jalan keluar daripada krisis ini hanyalah melalui pintu taklid.

Sesungguhnya, perselisihan pendapat dan perdebatan yang sengit dalam kalangan fuqaha mengenai polemik dan pertentangan yang tidak berkesudahan telah menemui satu-satunya jalan keluar iaitu dengan kembali kepada pendapat-pendapat para ulama yang terdahulu dalam masalah-masalah *khilāfiyyah*. Sementara di sisi lain pula, orang ramai tidak menaruh kepercayaan lagi kepada para qādī, kerana sikap mereka yang mendekati penguasa, mementingkan dunia dan keterlanjuran mereka dalam pelbagai masalah hukum. Orang ramai tidak percaya kepada hukum yang diputuskan oleh qādī, kecuali yang sesuai dengan pendapat salah satu imam yang empat.

Demikianlah berkuatkuasanya taklid kepada imam yang empat dalam kalangan kebanyakan orang Islam, dengan mengikut setiap pandangan mereka. Tindakan mengeluarkan pendapat yang tiada penegasan imam mazhab mengenainya merupakan jaminan yang paling kukuh daripada menerima ijtihad yang menyeleweng yang terbit daripada orang yang tidak warak iaitu mereka yang telah memperalat ilmu syarak untuk kepentingan dirinya. Oleh yang demikian, Imām al-Haramayn (wafat tahun 478H) mendakwa bahawa telah berlaku *ijmā'* dalam kalangan *muhaqqiqīn* yang tidak membenarkan pendapat para sahabat, tetapi wajib mengikut pendapat-pendapat para imam mazhab yang telah melakukan penelitian mendalam serta menyusun bab-bab (fiqh) dan menyebut tema-tema persoalan mazhab-mazhab terdahulu. Kemudian, beliau mengambil kesimpulan dengan hukum dan pendapatnya yang ganjil itu, dengan memerintahkan orang ramai mengikut mazhab.<sup>9</sup>

Berdasarkan pendapat Imām al-Haramayn ini serta dakwaannya bahawa adanya *ijmā'* para *muhaqqiqīn*, maka Ibn Salah (wafat tahun 643H) membuat dakwaannya pula atas wajibnya taklid kepada imam yang empat, disebabkan jelasnya pendapat-pendapat mereka yang telah dibukukan serta dihuraikan syarat-syaratnya, malah tidak didapati pada mazhab-mazhab lain dalam kalangan sahabat dan *tābi'īn*,<sup>10</sup> kemudian dipindahkan dalam kalangan *muta'akhkhirīn*.<sup>11</sup>

Semenjak ini bermulalah manusia mencuaikan al-Qur'an dengan segala ilmunya dan sunnah dengan segala cabang ilmu yang berkaitan dengannya. Mereka telah merasa puas dengan menukilkan ilmu daripada pendapat-pendapat mazhab di samping menyokong, mengukuhkan, berdebat, memperincikan, dan mengeluarkan pendapat-pendapat mengikut teori mazhab dengan cara yang sebaik-baiknya.

Kemunduran berpanjangan, pertikaian semakin sengit, menyebabkan muncul kurun taklid semata-mata. Maka, berhentilah

<sup>9</sup> *Al-Burhān* (2/1146, fiqh 1173), dan *al-Taqrīr wa al-Taḥbīr* (3/353).

<sup>10</sup> Lihat *al-Taqrīr wa al-Taḥbīr* (3/353).

<sup>11</sup> Lihat *al-Taqrīr wa al-Taḥbīr* dan *Sharah Jawharah al-Tawhīd Tuḥfah al-Murīd* (152).

gerakan berfikir dan layulah pohon ijtihad serta meratalah fitnah dan kejahanan. Pada waktu itu seorang *faqīh* yang alim dalam pandangan manusia ialah orang yang hafaz sejumlah pendapat fuqaha ditambah pula dengan pelbagai pendapat lain tanpa dapat membezakan antara pendapat yang kuat dengan pendapat yang lemah. Manakala, seorang *muḥaddith* pula ialah seorang yang dapat menghafaz sejumlah hadis tanpa dapat membezakan antara hadis yang sahih dengan yang lemah.

Sungguh malang, keadaan umat semakin jatuh dan sukar untuk bangkit, seolah-olah sinaran ilmu telah tenggelam dari dunia kaum Muslimin, yang menyebabkan kebuntuan pemikiran. Akibatnya *bid'ah* dan penyelewengan berleluasa manakala muncul perkara-perkara khurafat dalam pelbagai bentuk di mana-mana. Sesungguhnya, fenomena ini membuka jalan bagi pihak musuh untuk menghapuskan tamadun Islam dan menguasainya.

## **SITUASI UMAT PADA ZAMAN AKHIR**

Demikianlah situasi umat Islam terbuai lena dalam ayunan taklid, tidur lelap dalam mimpi yang indah pada masa lalu. Semenjak terjadinya pemisahan yang tragis antara pemerintah dengan sumber perundungan Islam, umat berada dalam keadaan yang tidak menentu, dipermainkan oleh pelbagai kepentingan yang berdasarkan hawa nafsu, sementara ulama tidak ambil tahu kerana ingin menyelamatkan diri, sehingga yang memerhatikan hampir tidak percaya bahawa generasi Khalaf yang beku ini adalah warisan daripada generasi Salaf yang hidup bersemarak itu. Manakala, tamadun Eropah telah bangkit melangkah cergas melalui zaman yang baharu, sedangkan di hadapan mereka terdapat umat yang sedang jatuh daripada kekuatannya yang sebenar iaitu kerapuhan akidah, kegoyahan iman, kelemahan keyakinan, kerosakan akhlak, hilangnya istiqamah, kebekuan pemikiran, kelayuan ijtihad, kelenyapan fahaman fiqh, berleluasanya *bid'ah*, pengabaian amalan sunnah dan hilangnya kesedaran, seolah-olah dia bukan lagi umat Islam. Situasi seperti ini memberi peluang kepada musuh yang memang mengintai

kesempatan untuk menakluki dan menguasai negara Islam dan seterusnya menyapu bersih semua faktor keperibadian umat sehingga berada pada situasi dan keadaan kita pada hari ini, iaitu kehinaan dan kelemahan. Akibatnya urusan dan nasib kita berada dalam tangan musuh, sehingga kita terpaksa mencari penyelesaian daripada mereka ke atas masalah-masalah yang kita sendiri cipta.

Namun, dari celah-celah situasi yang merawakan itu, dengan nafas yang masih tinggal, kita cuba berusaha untuk bangun daripada kejatuhan. Tetapi, segera menemui kegagalan, kerana ia tersalah jalan dan menyalahi *sunnatullāh*, iaitu menjadi pak turut kepada orang asing dalam mencari penyelesaian. Hasilnya, menambahkan masalah dan melahirkan situasi yang lebih buruk. Dalam situasi yang sedemikian, lahirlah generasi baru daripada umat ini, yang mengharapkan penyelesaian yang selamat, lalu mereka mencari penawar yang mujarab, maka beberapa kelompok daripada generasi umat ini mendapat:

إِنَّ آخِرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ لَنْ يُصْلِحَ إِلَّا بِمَا صَلَحَ بِهَا أَوْلَاهَا

*“Sesungguhnya, pengakhiran umat ini tidak akan menjadi baik melainkan umat terdahulu telah sedianya baik.”*

Lalu mereka menumpukan perhatian kepada Islam sebagai sumber mata air jernih, maka lahirlah istilah apa yang dinamakan: “الصحوة الإسلامية” (Kebangkitan Islam).

Namun, musuh-musuh Islam daripada pelbagai ideologi dan sistem yang berlainan tidak membiarkan dakwah yang diberkati ini bergerak. Segala macam rupa senjata digunakan untuk memeranginya termasuklah memperalat generasi umat yang hidup di tengah-tengah kita dengan merelakan dirinya menjadi alat kepada musuh bangsanya sendiri. Pelbagai media komunikasi digunakan untuk menyekat pemikiran dan dakwah ke arah pemulihan kehidupan *Islāmiyyah*, di samping pelbagai komplot diatur untuk menghancurkan gerakan kebangkitan ini.

Di tengah-tengah gerakan kebangkitan Islam ini kita menghadapi pelbagai cabaran yang amat berbahaya, iaitu ‘perselisihan pendapat’

(الاختلاف) yang menghabiskan banyak tenaga yang sepatutnya digunakan untuk menghadapi cabaran-cabaran berat yang datang daripada pihak musuh.

Dalam arena perselisihan pendapat ini, kita melihat ada belia-belia yang menggelarkan dirinya Salafiyyah, manakala yang lain menyebut dirinya *Ahl al-Hadīth*, sementara satu golongan yang menisbahkan dirinya kepada mazhab dan golongan yang lain pula mendakwa tidak bermazhab. Terdapat dalam kalangan mereka saling bertuduhan dengan kata-kata yang tidak layak disebut oleh seorang Muslim terhadap saudaranya, seperti menuduh kafir, fasik, *bid'ah*, menyeleweng, agen musuh, perisik musuh dan sebagainya. Apatah lagi untuk mengisyiharkan tuduhan ini kepada orang ramai dalam pelbagai cara, sama ada secara sedar atau tidak sedangkan ancaman musuh yang jauh lebih berbahaya daripada perselisihan pendapat yang berlaku antara mereka.

Apabila para imam mujtahid mempunyai sebab-sebab yang membolehkan mereka berbeza pendapat, yang mana terdapat adanya kaedah dan peraturan perbezaan pendapat dalam kalangan mereka, maka orang-orang terkemudian yang berselisih pendapat seharusnya tidak diterima perselisihannya kerana mereka bukan mujtahid. Mereka semuanya adalah orang-orang yang bertaklid, termasuklah orang-orang yang melaungkan seruan membuang taklid, atau menafikan dirinya bertaklid, atau mengambil hukum secara langsung daripada al-Qur'an dan sunnah tanpa taklid. Sebenarnya, mereka adalah orang-orang yang mengkaji beberapa kitab hadis, lalu bertaklid kepada pengarangnya dalam setiap apa yang dikatakan mengenai hadis itu berhubung dengan darjatnya dan *rijāl*nya, dan mengikut apa yang telah ditetapkan hukumnya atau menukilkannya daripada fuqaha. Ramai antara mereka yang mendakwa mempunyai ilmu tentang *rijāl hadīth* dan mengetahui martabat-martabat *al-jarḥ wa al-ta'dil* dan *tārīkh rijāl*, padahal tidak lebih daripada mengkaji salah satu kitab dalam masalah ini, lalu dia menaiki mimbar ijtihad untuk menyatakan kelebihannya kepada orang ramai. Sepatutnya orang yang berilmu menjauhkan diri daripada sikap orang jahil dan mengawal dirinya daripada melemparkan tuduhan kepada orang lain. Dia harus menyedari betapa besarnya bahaya yang

mengancam akidah umat, yang meminta pengorbanan untuk berjuang mempertahankannya, dengan mengutamakan perpaduan daripada perselisihan pendapat. Selagi semuanya masih bertaklid dan mengambil pendapat-pendapat para imam mereka mengikut aliran masing-masing sekalipun mereka menyangka bukan begitu – maka, sekurang-kurangnya mereka setia dan komited dengan adab-adab perbezaan pendapat yang diamalkan oleh para imam dalam kalangan ulama Salaf al-Šālihīn itu.

Orang-orang yang ikhlas memang sangat mengharapkan agar kebangkitan ini berkembang terus untuk menghapuskan segala gejala yang ditimbulkan oleh pemikiran kufur dan ideologi-ideologi yang merosakkan mempengaruhi sebahagian anak muda kita dan membersih pemikiran mereka daripada noda-noda pencemaran pemikiran dan ideologi yang merosakkan itu, lalu mengukuhkan *aqīdah Islāmiyyah* yang sahih untuk bergerak memperjuangkan risalah Allah *subḥānahu wa ta’ālā* di muka bumi ini.

Tetapi, sangat menyedihkan tindak-tanduk sesetengah orang Islam mematahkan tunas kebangkitan ini dengan perbuatan mereka menyemarakkan perselisihan pendapat yang tidak jelas dalam beberapa perkara, yang menghabiskan banyak masa dan tenaga, yang mana mereka tidak dapat membezakan antara perkara-perkara yang penting dan remeh-temeh. Bagaimana mereka dapat menyelesaikan masalah-masalah mereka mengikut kepentingannya dan menyusun program yang teratur yang membolehkan mereka memulihkan kehidupan *Islāmiyyah*?

Sesungguhnya, menyemarakkan perselisihan pendapat dalam kalangan orang Islam atau memperbesar sebab-sebabnya adalah khianat yang paling besar terhadap tujuan Islam, di samping menghancurkan kebangkitan baharu yang menjadi harapan ini, menyekat perjalanan Islam dan memporak-perandakan segala kesungguhan dan perjuangan orang-orang yang ikhlas, yang sudah tentu tidak diredayai oleh Allāh *subḥānahu wa ta’ālā*.

Oleh yang demikian, kewajipan yang paling penting bagi orang-orang Islam hari ini amnya, – dan para *du’āt khasnya* – selepas beriman kepada Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* ialah menyatukan golongan pendukung Islam dan para pendakwahnya serta menyelesaikan segala faktor perselisihan antara mereka.

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

Sekiranya tidak mungkin, sekurang-kurangnya dalam batas-batas yang paling minimum, dengan menjamin terpeliharanya adab-adab yang diamalkan oleh para al-Salaf al-Šālihīn.

Sebenarnya, perbezaan pendapat tidak menghalang perpaduan jiwa untuk memulakan dan memulihkan kehidupan *Islāmiyyah* selagi niatnya ikhlas untuk mencari keredaan Allāh ta ‘ālā, dan mengharapkan mendapat taufiq dan ‘ināyah *Allah subḥānahu wa ta ‘ālā*.

## **SEBAB-SEBAB PERSELISIHAN PENDAPAT PADA HARI INI**

Dapat diterima bahawa sebab-sebab perbezaan pendapat itu berlainan dari semasa ke semasa, sekalipun sebab-sebab itu diwarisi pada masa yang selepasnya. Antara sebab-sebab perbezaan pendapat yang paling penting hari ini dalam kalangan kaum Muslimin ialah kejahanan terhadap Islam, atau kekurangan ilmu mengenai Islam.

Keadaan ilmu pengetahuan di negara-negara Islam sebelum datangnya penjajah kafir adalah seperti yang telah kita terangkan. Adapun, setelah negara-negara Islam dijajah orang kafir, keadaannya bertambah buruk kerana penjajah mengetahui rahsia kekuatan umat ini, lalu mereka mengambil perhatian berat untuk menyusun program pendidikan dan mendirikan institusi-institusi pendidikan yang dapat mengubah akal dan pemikiran orang-orang Islam, sehingga bersedia menerima pola-pola pemikiran baru dan memberikan tindak balas kepadanya. Dengan demikian, penjajah menyangka bahawa penerimaan orang-orang Islam terhadap realiti baru akan menjadi pendorong kepada mereka untuk maju sebagaimana halnya orang-orang Eropah melangkah maju dengan cepat setelah mereka memberontak terhadap hukum-hukum agama lalu membebaskan diri daripada ikatan gereja. Agama mengikut pandangan mereka hanyalah belenggu yang menghalang mereka mencapai kemajuan dan kesenangan.

Firman Allāh subḥānahu wa ta ‘ālā:

كَبُرَتْ كَلِمَةٌ تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا... ٥

“...Besar sungguh perkataan syirik yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan perkara yang dusta...” (al-Kahfi, 5)

Apabila dakwaan ini benar berbanding dengan agama mereka yang telah diubahsuai, maka hal yang demikian jauh sekali daripada Islam yang menghendaki Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* memberi kebahagian kepada manusia dan menjayakan segala harapannya bergerak dengan petunjuk daripada Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*.

Untuk memutuskan umat daripada faktor-faktor kewujudan dan kehidupan Islam, penjahah kafir berusaha menyekat dan menghalang pengajaran Islam, terutamanya pengajaran bahasa Arab. Untuk mencapai tujuan ini mereka mengabaikan pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah agama, dan menyebarkan pemikiran yang memandang rendah terhadap pelajaran agama untuk tidak melayakkan mereka menyandang jawatan pentadbiran dan pemerintahan. Sebaliknya, pihak penjahah memberikan perhatian khusus kepada pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah moden, dengan membuka peluang untuk mencapai masa depan yang cerah, sehingga jawatan-jawatan yang penting dikuasai mereka. Demikianlah sekatan-sekatan dibuat dan disempitkan jalan mereka untuk mempelajari agama Islam dan bahasa Arab, sehingga amat sedikit pelajar-pelajar yang bersedia mempelajarinya. Itu pun banyak dilakukan tekanan-tekanan sehingga ramai antara mereka berhenti setengah jalan. Manakala, yang meneruskan sekolahnya terpaksa menghadapi pelbagai diskriminasi dalam pekerjaan, tugas, jawatan dan pangkat, yang mana berlakunya kezaliman, bahkan mereka dianggap tidak bernilai. Hal yang demikian menyebabkan pelajaran agama Islam dan jumlah sekolah agama di kebanyakan negara-negara Islam tinggal sedikit pelajarnya dan dianggap rendah martabatnya. Kebanyakan mereka yang memasuki sekolah ini adalah laksana orang yang mananam tetapi tidak dapat memetik buahnya.

Ini kerana terdapat situasi tertentu yang memaksanya untuk memasuki sekolah ini atas faktor tertentu yang dia tidak dapat membebaskan diri daripada tekanan walaupun selepas tamat persekolahan kerana menemui jalan buntu. Malah, dia tidak mampu berperanan sebagai seorang alim di tengah-tengah masyarakat dalam merealisasikan risalah yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Dalam kebuntuan itu, hilanglah kebebasannya dan peribadinya akan menjadi kerdil sehingga akhirnya dia dibawa terlibat dengan institusi-institusi keagamaan yang telah dibangunkan sebelumnya untuk

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

kepentingan tertentu yang mana dia tidak mampu menguasainya, sebaliknya menyekat daripada melaksanakan peranannya dalam masyarakat, sehingga menyebabkan hilangnya kepercayaan masyarakat kepadanya.

Dalam usaha untuk memperdalam jurang antara umat dengan akidahnya, serta keinginan untuk memutuskan rantaian yang menghubungkan umat dengan syariatnya penajah kafir berusaha meletakkan pengajian Islam dan pelajaran bahasa Arab di bawah naungannya, dengan menyediakan idea-idea yang telah dipilih untuk memikat dan mempengaruhi para belia. Para belia merasakan bahawa usaha-usaha ini menambah getirnya pengalaman yang harus mereka lalui, kerana mereka telah mencuba berbagai-bagai pemikiran dan ideologi yang disalurkan kepada mereka seperti, komunisme, sosialisme, radikalisme, nasionalisme, demokrasi dan sebagainya, yang mereka lihat bahawa percubaan-percubaan ini semuanya menambah kehinaan dan kehancuran kepada umat Islam.

Daripada pengalaman ini mereka yakin bahawa hanya Islam satu-satunya fahaman yang mampu mengubati dan menyelesaikan masalah umat, serta membangunkan umat daripada kemunduran dan menyelesaikan sebab-sebab keterbelakangannya.

Daripada itu mereka menetapkan arah yang ditempuh menuju Islam, dengan memastikan bahawa jalan yang dilalui untuk mencapainya adalah jalan yang tepat dan selamat. Namun, mereka terpaksa berhadapan dengan masalah untuk mendalami agama dan mengetahui hukum-hukumnya. Untuk ini mereka mengkaji kitab-kitab tanpa sistem yang teratur yang dapat menolong mereka untuk mendapatkan fahaman yang betul, di samping ketiadaan guru yang mampu membimbing mereka mempelajari pengetahuan yang baru bagi mereka. Hasilnya muncullah para belia yang memahami Islam dari celah-celah kitab yang mereka baca, yang hanya melihat satu sudut tertentu daripada Islam yang tidak memberikan kepada mereka fikrah yang komprehensif dan sempurna, dan tidak memungkinkan mereka mengetahui maksud dan prinsip umum Islam dan tidak memberi kepada mereka pandangan yang sihat mengenai tujuan-tujuan Islam. Mereka bagaikan orang-orang buta yang menyentuh bahagian-bahagian yang berlainan daripada tubuh seekor gajah, masing-masing memberikan gambaran mengikut apa yang dirasakannya. Demikianlah keadaan orang-orang Islam terhadap

Islam pada hari ini. Umat Islam telah berpecah kepada beberapa golongan. Ada golongan yang membelaikan Islam sehingga tidak ada hubungannya dengan Islam melainkan nama dan warisan sahaja, seandainya tidak malu, nescaya dia melepaskan diri sama sekali dari Islam. Sementara golongan yang lain ingin kembali kepada naungan pokok Islam yang rimbun, malangnya mereka merempuh jalan yang berbeza-beza sehingga terjadi perselisihan yang memberi peluang kepada musuh memasukkan jarumnya, di samping tekanan para penguasa yang menutup segala peluang baginya dan mematahkan tunasnya sebelum stabil perjalanannya.

## JALAN YANG SELAMAT

Kita telah dapat menentukan penyakit yang menimpa umat. Semoga perkara-perkara yang berikut ini termasuk di antara penyelesaiannya:

### **PERTAMA**

Para Muslimin yang ikhlas dan bekerja di lapangan dakwah *Islāmiyyah* serta hidup di tengah-tengah realiti penderitaan dan persoalan yang dihadapi umat wajib memilih sekelompok generasi umat yang paling cergas dan para belia yang cakna untuk dipersiapkan mempelajari ilmu-ilmu syariat dengan cara yang paling baik dari tangan sekelompok kecil yang masih tinggal daripada ulama-ulama syariat yang dalam diri mereka terhimpun antara keilmuan dan kepimpinan yang baik, antara takwa dan pemikiran yang sihat yang mampu mengetahui dengan tepat tujuan-tujuan Islam, maksud-maksud dan prinsip-prinsipnya serta kefahaman yang mendalam tentang ilmu-ilmunya dan mereka mengambil *uslub tarbiyyah al-Nabawiyyah* sebagai manhajnya.

Para belia itu dibantu dan disokong oleh kelompok lain yang menguasai pelbagai ilmu moden yang memiliki keikhlasan dan ketakwaan yang tinggi. Semoga mereka inilah yang diharapkan untuk membimbing kebangkitan, menentukan arah perjalanannya serta membetulkan langkahnya.

Dengan itu akan dapat dikembalikan kekuatan umat untuk memulakan peranannya memimpin manusia yang semakin hampir kepada lembah (kesesatan), dan tidak ada yang dapat menyelamatkannya melainkan Islam.

## **KEDUA**

Membetulkan jalan pemikiran kaum Muslimin, iaitu dengan mengubati krisis pemikiran yang sedang dihadapi oleh kaum Muslimin pada hari ini, yang tidak dapat mengetahui implikasinya melainkan segolongan kecil sahaja.

Krisis ini menonjol selepas hancurnya badan-badan dan organisasi umat, dan rendahnya taraf kesedaran, pengetahuan dan pendidikan umat, renggangnya perhubungan antara umat, penyelewengan kebanyakan pemimpinnya serta adanya usaha untuk menghapuskan setiap usaha kebaikan yang dilakukan oleh orang-orang yang soleh dalam kalangan umat ini.

Hal ini semua berlaku disebabkan Islam telah dijauhkan daripada kehidupan umat sehingga terjadilah jurang yang dalam di antara nilai-nilai Islam yang unggul dengan masyarakat manusia.

Masyarakat melihat Islam itu sebagai awan di langit yang tidak akan menurunkan hujan dan tidak akan dapat menghidupkan bumi yang mati, atau sebagai air di tanah tandus yang gersang yang tidak akan dapat menumbuhkan tanaman dan rerumputan, kerana hatinya sudah kesat ditutupi oleh karat kekotoran dan matanya kabur, sehingga tidak dapat membezakan di antara yang baik dengan yang buruk.

Institusi-institusi pendidikan yang pelbagai rupa gagal melahirkan manusia Muslim yang sempurna kerana universiti-universiti yang didirikan mengikut cara Barat di negara-negara Islam tidak melihat peranannya untuk mempersiapkan sarjana Muslim yang menguasai segala cabang ilmu pengetahuan yang dapat menguatkan usaha untuk mengislamkan segala pengetahuan dan ilmu. Tetapi, ia melihat bahawa peranannya ialah mempersiapkan pelajar yang terpesona dengan ilmu-ilmu Barat dan seninya di mana orang ini segera membelaikan akidah umat serta matlamat dan tujuannya di dalam kehidupan. Universiti-universiti itu hanya dapat melahirkan generasi yang lemah dalam pertumbuhannya, kacau-bilau dalam perhubungannya, goncang dalam pemikirannya dan tidak mampu menggunakan ilmu pengetahuannya untuk berkhidmat kepada umat.

Adapun institusi pendidikan yang bercorak syariat seperti al-Azhar dan universiti-universiti yang serupa dengannya atau fakulti dan akademi yang sama dengannya, sekalipun ia berjaya melahirkan sarjana yang pakar dalam sesetengah ilmu syariat tetapi ia tidak mampu melahirkan ulama, ahli pemikir, pemimpin dan mujaddid yang mampu menonjolkan Islam yang unggul kepada umat dari sudut prinsip-prinsip utamanya, tujuan-tujuan dan maksudnya, di mana mereka mampu berhadapan dengan isu dan cabaran kontemporari dan berjaya mengatasinya. Oleh yang demikian, pemikiran Islam terdedah dan tidak dapat memelihara kehidupan dan pemikiran kaum Muslimin sementara akal dan hati mereka terbuka untuk menerima pelbagai corak pemikiran yang bertentangan dengan Islam. Mereka hanya diam dan tidak mampu menyelesaikan persoalan-persoalan mereka dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Mereka hanya menjadi ‘pak turut’ dari setiap apa yang mereka lihat pada orang lain. Akibatnya terjadilah pertarungan yang hebat di kalangan orang terpelajar yang melibatkan setiap faktor kekuatannya, yang pada keseluruhananya untuk kepentingan golongan yang terpengaruh dengan Barat dan terpesona dengan kebudayaannya. Malangnya kelompok Islam yang sepatutnya berusaha menyatukan barisan untuk menghadapi cabaran-cabaran ini, tetapi mereka terlibat pula dalam pertarungan masalah-masalah *khilāfiyyah*. Yang demikian disebabkan kesamaran di antara perkara-perkara *juz' iyyāt* dengan *kulliyyāt* dan antara maksud dengan prinsip pada kebanyakan mereka.

Sesungguhnya, kita sangat berhajat kepada pemikiran Islam yang sihat yang berdiri di atas kefahaman roh Islam, tujuan dan kaedah-kaedah utamanya serta tingkatan martabat hukum-hukumnya berdasarkan dua sumber utamanya, iaitu: al-Qur'an al-Karim dan sunnah Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam*, di samping keperluan untuk mempelajari cara-cara yang ditempuh oleh Salaf al-Salihin dalam berinteraksi dengan sumber-sumber ini pada kurun-kurun yang terbaik itu dan metode-metode mereka dalam memahami *subḥānahu wa ta 'ālā* dan sunnah Rasul-Nya *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* agar kita dapat mengembalikan persepsi dan alternatif Islam terhadap apa yang dihadapi oleh umat dalam bentuk yang meyakinkan sepenuhnya bahawa Islamlah satu-satunya jalan yang dapat menyelamatkan umat dan penyelesaian

#### **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

yang unggul akan segala masalahnya. Keyakinan ini mendorong umat memberi perhatian sepenuhnya kepada asas-asas pemikiran Islam dengan kesedaran yang secukupnya untuk menghalang syaitan menyelewengkan pemikirannya. Apabila umat telah sedar dan kukuh kedudukannya dan mulai mengubati lukanya dan telah tahu penyakitnya, mestilah jelas langkah yang diambil menemui penawarnya dan tercapai matlamat. Mudah-mudahan hal itu tidak jauh lagi.

# PENUTUP

Dalam usaha mencapai dua tujuan yang terdahulu, para pelopor Islam mestilah menyedari sejumlah perkara agar mereka terselamat daripada batu penarung antaranya:

## PERTAMA

Pentingnya disedari oleh para belia Islam bahawa walaupun Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* memudahkan al-Qur’ān untuk dipelajari dan menyediakan jalan bagi kita untuk mengetahui dengan luas sunnah Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* melalui Kitab-kitab hadis yang begitu banyak, namun mengambil fahaman daripada sumber-sumber itu secara bersendirian dengan sikap agak tergesa-gesa menimbulkan perkara-perkara yang harus diawasi. Oleh itu, mereka mestilah mempersiapkan diri terlebih dahulu, kemudian memperlengkapkan diri dengan ilmu-ilmu alat sebagaimana yang diperincikan oleh *Ahl al-Ikhtīṣāṣ* dengan perkara-perkara berikut, iaitu mengetahui garis panduan *istinbāt* dan kaedah-kaedahnya, menguasai bahasa Arab dan gaya susunannya, mengetahui ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur’ān dan sunnah dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Sebarang pendapat yang terbit daripada seseorang tanpa ada pengetahuan dengan perkara-perkara itu adalah pendapat yang berdasarkan nafsu, agakan dan tekaan, bukan pendapat yang berdasarkan cahaya petunjuk dan ilmu. Barang siapa yang melakukannya bererti dia telah menempuh jalan yang sukar yang akan membinasakan dirinya, semoga Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* melindungi kita. Sesungguhnya Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* telah bersabda:

«مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلِتَبَوَأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ»

“Barang siapa berkata tentang al-Qur’ān tanpa ilmu bererti ia menempah tempatnya di dalam neraka.”<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Tirmidhī meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās dengan sanad yang sahih mengikut *al-Jāmi‘ al-Saghīr* (2/309), *al-Fath al-Kabīr* (3/219), dan

Pengetahuan seumpama ini tidak mungkin dihasilkan dengan hanya membaca satu atau dua kitab sahaja, tetapi memerlukan kajian yang sistematik dan rapi, yang meletakkan kunci-kunci ilmu itu di tangan si pengkaji untuk membuka jalan memasuki lapangan pemikiran Islam dan ilmu-ilmu Islam. Dan supaya pengkajian itu membawa hasil mereka mestilah membuat penyelidikan yang mendalam di bawah pimpinan seorang guru yang alim selaku pembimbing yang dedikasi dan kritis yang tajam pandangannya di bawah sinaran takwa kepada Allāh subḥānahu wa ta ‘ālā yang hanya mengharapkan balasan daripada-Nya.

## KEDUA

Perlu diingat bahawa syariat ini diturunkan untuk memberi kebahagiaan kepada manusia di dunia dan akhirat dan untuk merealisasi *maṣlaḥah* yang serasi dengan kemampuan akal yang dikurniakan Allāh subḥānahu wa ta ‘ālā kepada hamba-Nya, maka Allāh subḥānahu wa ta ‘ālā memuliakan mereka daripada seluruh makhluk-Nya, di mana syariat yang suci ini sama sekali tidak mengandungi hal-hal yang tidak disanggupi oleh manusia untuk melakukannya. Allāh subḥānahu wa ta ‘ālā berfirman:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ...  
○ ٧٨

“...Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu  
keberatan dan susah payah dalam perkara agama...”  
(al-Hajj, 78)

---

diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, Tirmidhī dan Nasā’ī dengan lafaz:

«مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقْدَ أَخْطَأَ»

“Barangsiapa berkata tentang al-Qur’ān dengan pendapatnya, lalu ia benar maka sesungguhnya ia tersalah.” Dari riwayat Jundub mengikut *al-Faṭḥ al-Kabīr* (3/219).

Sesungguhnya, Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* telah memudahkan agama ini kepada hamba-hamba-Nya agar mereka dapat mengamalkannya dalam suasana kasih sayang, bukan kekerasan dan paksaan. Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* berfirman:

... مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ  
الْعُسْرَ ... ١٨٠

“...(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...”  
(al-Baqarah, 185)

Dan firman-Nya:

رُبِّيْدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ ... ٢٨

“Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu...” (al-Nisā’, 28)

Kerana Dia mengetahui kelemahanmu sebagaimana firman-Nya:

وَخُلُقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا ... ٢٨

“...kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.”

(al-Nisā’, 28)

Segala hukum syariat penuh mengandungi *maṣlahah* kepada manusia serta ingin merealisasikan manfaat kepada mereka dan sedikit pun tidak ada kepentingan Allāh *subḥānahu wa ta’ālā*, kerana sesungguhnya Dia Maha Kaya dan Maha Terpuji. Oleh yang demikian, mestilah difahami *juz’iyyah* syariat itu dalam konteks *kulliyah*nya dan yang seumpamanya. Barangsiapa yang tidak mempunyai ilmu yang cukup mengenai *kulliyah al-shari’at* dan tidak memahami maksud-maksudnya dan tidak mengetahui kaedah-kaedahnya, sudah pasti ia tidak akan mampu menghubungkan *furu’* kepada *uṣūl*, atau *juz’iyyah* kepada *kulliyah*.

Dalam hubungan ini Imām Ibn Burhān<sup>2</sup> berkata, “Sesungguhnya, syariat adalah siasah yang dengannya Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* mengatur hamba-Nya, sedangkan manusia berbeza-beza mengenainya mengikut zaman yang berbeza. Bagi setiap zaman ada acara yang tertentu untuk mengaturnya dengan ciri-ciri toleransi dan *maṣlaḥah* masing-masing, sebagaimana setiap umat mempunyai cara tersendiri untuk mengaturnya, yang baik dan sesuai dengan mereka, walaupun hal itu tidak baik berbanding dengan yang lainnya.”<sup>3</sup>

Para ulama sudah sepakat bahawa keseluruhan hukum syariat adalah berdasarkan *illah* untuk kepentingan hamba Allāh dan kerananya ia disyariatkan, sama ada kita diberi petunjuk oleh Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* untuk mengetahuinya, atau kerana sesuatu hikmah yang Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* sahaja mengetahuinya. Oleh yang demikian, banyak hukum yang bersifat ijtihad berubah dengan sebab perubahan zaman dan berbeza dengan sebab berbeza orang, kemampuan dan suasannya.

Demikian juga perlu diketahui bahawa nas-nas al-Qur’ān dan sunnah ada *qat‘ī* (pasti) daripada segi periyatnya, iaitu al-Qur’ān al-‘Azīm dan *sunnah mutawātir*. Manakala sunnah ada yang *zannī* (sangkaan yang kuat) daripada segi periyatannya seperti hadis-hadis *āḥād* (hadis-hadis yang diriwayatkan oleh orang perseorangan yang bilangan perawinya tidak sampai bilangan perawi *ḥadīth mutawātir*). Sedangkan *dilālah* (indikasi) yang ditunjuk oleh nas ada yang bersifat *zannī* dan ada pula yang bersifat *qat‘ī*.

Dengan mengetahui semua perkara ini mempunyai pengaruh dalam melakukan *istinbāṭ*, ijtihad dan memahami nas. Seseorang tidak boleh mengingkari orang lain atas apa yang difahamkannya

2 Ibn Burhān ialah Ahmad bin ‘Alī bin Burhān al-Baghhdādī, wafat tahun 518H. Ahli ‘uṣūl al-fiqh yang terkenal. Banyak karangannya mengenai ‘uṣūl al-fiqh, di antaranya *al-Uṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl*, *al-Awsaṭ*, *al-Wajīz*. Pengikut Mazhab Ḥanbalī, kemudian beralih kepada Mazhab al-Shāfi‘ī. Riwayat hidup pada *Tabaqāt al-Shāfi‘iyah* oleh al-Subkī (4/42), *al-Wafayāt* (1/199), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (12/196), *Tabaqāt al-Ashnūdī* (1/208), *Al-Muntazam* oleh Ibn al-Jawzī (9/250). Gelarannya ialah Ibn Turkān.

3 Kitab *al-Uṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl: al-Mas’alah al-Rabī‘ah fī Masā’il al-Nasakh* (Manuskrip).

daripada nas yang berbeza daripada fahamannya selagi lafaz memberi kemungkinan untuk itu dan dalil memberi ruang baginya, sedang nas-nas syarak yang lain tidak ada yang menentang atau melawannya. Kebanyakan hukum yang berkaitan dengan *furu'* dan perlaksanaan daripada segi amalan adalah dari jenis yang *thabitnya* dengan cara *zannī*, sebagai rahmat Allāh *ta 'ālā* kepada hamba-Nya untuk memberi ruang kepada manusia melakukan ijtihad kepadanya. Selagi al-Shārī' yang Maha Bijaksana membuka pintu kelapangan kepada hamba-Nya dan memperakui *maṣlahah* dan kepentingan manusia, maka tidak layak bagi seseorang menggunakan kata-kata kafir, fasik atau *bid'ah* terhadap orang yang berbeza pendapat dengannya dalam sesuatu perkara, bahkan wajib atasnya mencari keuzuran orang yang menyalahi pendapatnya itu, agar hubungan kasih sayang terjalin terus antara mereka, di mana kejayaan akan menyebelahinya dengan sebab mengasihi, menghormati, memelihara persaudaraan dan mencintai saudaranya itu.

### KETIGA

Kewajipan yang paling utama agar semua pihak menyedari kepentingan persaudaraan Islam dan menyatukan serta memelihara barisan Muslimin dan *mukhlisiṇ* dan menghindarkan segala perkara yang dapat merosakkan perpaduan ini adalah antara kewajipan yang paling penting dan merupakan ibadat yang paling utama. Ini kerana dengan ukhuwah ini kita dapat memperkuatkan usaha untuk menghapuskan segala rintangan yang melambatkan usaha pemulihan kehidupan Islam mengikut bentuk yang direndai Allāh *subḥānahu wa ta 'ālā* dan Rasul-Nya. Memadailah kiranya apa yang diperingatkan oleh Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* supaya kita menjauhi perpecahan dengan dibolehkannya menumpahkan darah orang yang memisahkan diri daripada *jamā'ah*.<sup>4</sup>

---

4 Nota penyunting: Hadis yang dinukilkkan oleh Shaykh Tāha di sini adalah hadis yang terdapatnya *khilāf*. Shaykh Tāha di dalam buku terbaharunya, *Min Adab al-Ikhtilāf ilā Nabdh al-Khilāf*, telah melakukan pembacaan dan penelitian semula, dan menarik kembali beberapa pandangannya termasuklah pegangannya terhadap hadis ini. Dalam karyanya terbaru, Shaykh menyatakan bahawa perbezaan tidak membawa kepada *takfir* dan tidak membawa kepada penumpahan darah dan pembunuhan.

Oleh yang demikian, sikap cuai terhadap *ukhuwah Islāmiyyah* atau menganggap remeh terhadapnya kerana semata-mata perbezaan pendapat adalah perkara yang tidak dibolehkan kepada seorang Muslim melakukannya atau tidak mahu mengambil bahagian untuk menyertainya, terutama dalam situasi dan kondisi di mana umat lain sedang berebut-rebut untuk memadamkan bara iman yang baru menyala di dalam hati dan melenyapkan benih baik yang mula tumbuh di bumi, walaupun tangan-tangan kotor sentiasa berusaha untuk mencabutnya.

Sesungguhnya, *ukhuwah fillāh* dan perpaduan hati dalam kalangan Muslimin menempati martabat kewajipan yang pertama, malahan yang paling utama, kerana ia merupakan sahabat dan saudara kandung tauhid, sebagaimana ada martabat-martabat – perkara-perkara yang dilarang kerana menjaga ukhuwah. Oleh yang demikian, ulama-ulama Salaf sering melakukan yang kurang afdal dan meninggalkan yang afdal kerana menjaga perpaduan dan mengelakkan perselisihan. Kadang-kadang mereka meninggalkan yang sunat dalam pandangan mereka dan membuat yang harus demi memelihara ukhuwah tadi.

Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah berkata: “Kaum Muslimin sepakat tentang harusnya solat sesetengah mereka di belakang sesetengah yang lain sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat, *tābi‘īn* dan orang-orang yang selepas mereka dalam kalangan imam yang empat, yakni sesetengah mereka sembahyang di belakang sesetengah yang lain. Barangsiapa yang mengingkarinya adalah ahli *bid‘ah* dan sesat yang menyalahi al-Qur’ān, sunnah dan *ijmā‘* kaum Muslimin. Sesungguhnya, antara sahabat, *tābi‘īn* dan ulama-ulama yang selepas mereka, ada yang membaca *bismillāh* (sebelum membaca *Fātiḥah* dalam solat) dan ada pula yang tidak membacanya. Sungguhpun begitu, sesetengah mereka bersolat di belakang sesetengah yang lain, seperti halnya Abū Ḥanīfah dan sahabat-sahabatnya, al-Shāfi‘ī dan yang lain bersolat (sebagai maknum) di belakang imam-imam Madinah yang bermazhab Mālikī, sekalipun mereka yang bermazhab Mālikī tidak membaca *bismillāh*, sama ada perlahan ataupun *jahar*. Abū Yūsuf bersolat di belakang al-Rashīd, padahal al-Rashīd berbekam dan Mālik berfatwa tidak wajib wuduk, maka Abū Yūsuf bersolat di belakangnya dan tidak mengulangi

solatnya. Imām Alḥmad yang berpendapat bahawa mesti berwuduk kerana berbekam atau darah keluar dari hidung ketika ditanyakan kepadanya, “Sekiranya imamku telah keluar darah dan dia tidak berwuduk, adakah aku boleh bersolat di belakangnya?” Lantas jawabnya, “Kenapa engkau tidak boleh bersolat di belakang Sa‘īd bin al-Musayyab dan Mālik?”<sup>5</sup>

Walau bagaimanapun, janganlah terlintas dalam fikiran seseorang disebabkan mengutamakan *ukhuwah Islāmiyyah* dan perpaduan Muslimin, lalu dia menganggap mudah persoalan-persoalan akidah yang asas yang tidak mungkin ditakwilkan di samping ketentuan kaedah-kaedah yang sudah pasti dalam hal akidah.

Kerana kepentingan barisan menghadapi musuh, kita berganding bahu dengan orang-orang yang tidak ada kaitan dengan Islam selain nama dengan alasan kepentingan ukhuwah. Adapun persoalan perbezaan pendapat yang tidak dapat memecahkan kita ialah perkara-perkara yang telah diiktiraf oleh para imam ulama Salaf al-Šālihīn yang telah diamalkan oleh mereka di celah-celah adab yang utama, di mana mereka mempunyai dalil-dalil yang mengharuskan mereka beramal lebih daripada satu cara.

## KEEMPAT

Sebagaimana yang sedia dimaklumi bahawa Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā* telah mensyariatkan ke atas manusia supaya menunaikan ibadat dalam banyak perkara mengikut darjat-darjat yang terdiri daripada yang afdal, *ikhtiyār* dan harus. Sungguhpun ketiga-tiganya diterima di sisi Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*, namun martabatnya tidak sama, kerana banyak perkara fardū dan wajib dengan pelbagai rupa dan bentuknya termasuk dalam darjat yang tiga ini.

Seseorang boleh menunaikan ibadat dalam rupa yang paling afdal mengikut syarak, maka ibadatnya akan diterima dengan pahala yang lebih, seperti solat pada awal waktu dengan berjemaah dan menunaikan segala solat sunat yang dituntut. Di samping itu, ada pula martabat *ikhtiyār*, iaitu menunaikan ibadat yang berkenaan kurang daripada martabat afdal seperti solat pada waktunya, tetapi bukan

---

<sup>5</sup> *Al-Fawā’ih al-‘Adīdah* oleh Shaykh al-Manqūr (2/181).

pada awal waktu, bahkan pada waktu *ikhtiyār*. Kemudian martabat ketiga ialah martabat harus, iaitu martabat yang walaupun seseorang menerima yang kurang itu untuk dirinya maka termasuklah dia ke dalam golongan yang lemah.

Di dalam *āthār* ada disebut, “Apa-apa yang dianggap baik oleh golongan *Abrār*, dianggap keburukan bagi golongan *Muqarrabīn* (orang-orang yang hampir kepada Allah).” Sesiapa yang mengharapkan semua orang yang berlainan situasi dan kondisinya itu mesti dapat melaksanakan bentuk yang paling ideal daripada Islam, sesungguhnya dia menginginkan satu perkara yang tidak mudah hendak dicapai. Seandainya martabat ibadat dan taat itu tidak sama, nescaya tidak akan sama pula darjat orang-orang Mukmin di dalam syurga. Keupayaan dan kemampuan manusia berbeza. Setiap sesuatu diper mudahkan mengikut apa yang diciptakan baginya.

Ibn Jarīr al-Tabarī telah meriwayatkan di dalam tafsirnya<sup>6</sup> bahawa beberapa orang telah datang berjumpa ‘Abdullāh bin ‘Umar di Mesir, lalu mereka berkata, “Kami lihat beberapa perkara daripada Kitab Allāh yang diperintahkan supaya diamalkan, tetapi tidak diamalkan, maka kami ingin menemui Amīr al-Mu’minīn untuk membincangkan perkara itu.

Lalu ‘Abdullāh datang bersama-sama mereka. Maka, ‘Umar menemui ‘Abdullāh dan bertanya, “Bila engkau datang?” ‘Abdullāh menjawab: “Sekian, sekian.”

‘Umar bertanya lagi: “Adakah engkau datang dengan keizinan?” Al-Ḥasan (perawi hadis ini) berkata, “Aku tidak tahu bagaimana ‘Abdullāh menjawab.”

Kemudian ‘Abdullāh berkata, “Ya Amīr al-Mu’minīn, beberapa orang menjumpai aku di Mesir lalu berkata, “Kami lihat beberapa perkara daripada Kitab Allāh yang diperintahkan supaya diamalkan, tetapi tidak dilaksanakan, maka mereka ingin menemui engkau untuk membincangkannya.”

Lalu ‘Umar berkata, “Kumpulkan mereka menghadap aku.” ‘Abdullāh berkata, “Maka, aku kumpulkan mereka untuk menghadap ‘Umar.” ... Lalu ‘Umar memegang orang yang paling

---

6 *Tafsīr al-Tabarī* (5/29).

dekat kepadanya lantas berkata, “Aku meminta engkau bersumpah dengan nama Allāh dan hak Islam, adakah engkau telah membaca al-Qur’ān seluruhnya?” Dia menjawab, “Ya.”

‘Umar bertanya, “Adakah engkau telah laksanakan seluruhnya pada dirimu?” Dia menjawab, “Barangkali belum.” (dan andai dia menjawab ya, nescaya ‘Umar membantahnya).

‘Umar bertanya lagi, “Adakah engkau telah laksanakan pada penglihatanmu? Adakah engkau telah laksanakan pada perkataanmu? Adakah engkau telah laksanakan pada jejak langkahmu?” ‘Abdullāh berkata, “Kemudian ‘Umar mempergilirkannya hingga orang terakhir, lantas berkata: “‘Umar nescaya akan mati, adakah kamu bebankan dia supaya orang mengamalkan Kitab Allāh, padahal Tuhan kita telah tahu bahawa kita mempunyai kejahanatan? Lalu ‘Umar membaca firman Allāh *subḥānahu wa ta ‘ālā*:

إِن تَجْتَنِبُوا كَبَآئِرَ مَا تَنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفَّرُ عَنْكُمْ  
سَيِّئَاتِكُمْ وَنُذْخِلُكُمْ مُّدْخَلًا كَرِيمًا  
⑩

*“Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).”* (al-Nisā’, 31)

Kemudian ‘Umar berkata, “Adakah orang Madinah mengetahuinya?” Atau dia bertanya, “Adakah seseorang tahu akan kedatangan kamu ini?” Mereka menjawab, “Tidak.” ‘Umar berkata, “Sekiranya mereka tahu, nescaya aku jadikan pengajaran dengan kamu, ertinya aku ajar supaya jadi ibarat dan pengajaran kepada yang lainnya.”

Peristiwa ini mengandungi pengajaran yang mendalam, yang ingin dijelaskan oleh Sayyidinā ‘Umar *radiyAllāhu ‘anhu* bahawa bentuk yang paling ideal yang digambarkan oleh al-Qur’ān al-‘Azīm bagi seseorang Muslim adalah merupakan contoh yang sepatutnya diusahakan oleh setiap Muslim. Akan tetapi, sekiranya dia tidak mampu, maka dia boleh mendapatkan rahmat Allāh yang Maha Luas, dan sekiranya dia telah menjauhi dosa-dosa besar, maka dia telah mendapat kebaikan yang banyak, *inshā’Allāh*. Walau bagaimanapun, dia hendaklah berusaha sejauh yang mungkin untuk melaksanakan

## **ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM**

bentuk yang paling ideal itu dan jangan dia berasa puas hati dengan bentuk yang rendah, lalu dia berhenti setakat itu sahaja.

## **KELIMA**

Barangkali antara perkara yang dapat membantu mengurangkan sebab-sebab perselisihan pendapat pada waktu ini dan dapat mendorong untuk memakai adab-adabnya ialah mengetahui sebab-sebab perbezaan pendapat fuqaha dalam kalangan Salaf al-Šālihīn *riḍwānūllāh ‘alayhim* dan memahami sebab-sebab itu dan sejauh mana objektifnya, di mana mereka semua adalah orang-orang mujtahid. Tiap-tiap orang daripada mereka dalam mencari kebenaran adalah seperti orang yang mencari barang yang hilang, tidak ada beza baginya sama ada barang itu zahir di tangannya atau di tangan orang yang lain.

## **KEENAM**

Mungkin antara perkara yang berfaedah yang dapat mendorong kaum Muslimin berpegang kepada adab-adab perbezaan pendapat ialah mengetahui bahaya-bahaya yang menggerunkan, ancaman yang amat berbahaya dan perancangan halus yang diatur oleh musuh-musuh Islam untuk menghapuskan pelopor Islam yang mengibarkan panji-panji dakwah Islam. Pihak musuh tidak kira walau golongan manapun, nescaya dia akan bertindak untuk menghapuskannya, jika dia dapat berbuat demikian. Apa yang penting bagi mereka ialah menghapuskan penggerak Islam walaupun berbeza mazhab dan aliran pemikiran mereka. Oleh itu, mementingkan perbezaan pendapat dalam kalangan Muslimin, atau memperbesar sebab-sebabnya, atau mengetepikan adab-adabnya adalah khianat yang paling besar kepada matlamat umat dan jenayah yang paling dahsyat kepada haknya, yang tidak mungkin dibiarkan atau dimaafkan walau dalam keadaan apa sekalipun.

## **KETUJUH**

Sebelum dan sesudahnya tidak terlepas daripada sikap komited dan sentiasa bertakwa kepada Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* dan mencari keredaan-Nya sama ada ketika bersepakat atau berselisih

pendapat, dengan mengutamakan kefahaman terhadap agama Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā*, menjauhkan diri daripada pengaruh hawa nafsu dan godaan syaitan serta mengetahui jalan-jalan masuk iblis dan mengawasi konco-konconya. Kiranya cukuplah apa yang telah menimpa umat dan sudah tiba masanya untuk kembali kepada kepimpinannya, mengambil cahaya daripada Kitab Tuhan dan memegang teguh sunnah Rasūlullāh *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*. Mudah-mudahan Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* takdirkan penyelamat umat ini di tangan generasi yang baik ini, sekiranya niatnya benar kepada Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* dan ia menempuh jalan yang menjamin keselamatan untuk memimpin bahtera menuju pantai yang aman setelah sekian lama terapung-apung di lautan kesesatan. Semoga orang-orang soleh dalam kalangan umat ini tidak bakhil mendoakan kelompok Islam yang kecil ini untuk mendapat pimpinan dan taufiq Allāh.

نَسْأَلُهُ تَعَالَى أَنْ يُعَمِّنَا مَا يَنْفَعُنَا، وَيُنْفِعَنَا بِمَا عَلِمْنَا وَيَرِيَدَنَا

عَلَمًا، وَجَمِيعًا عَلَى الْحَقِّ كَمَتَنَا، وَلِيَهُمَنَا الرُّشْدُ وَالسَّدَادُ فِي  
أُمُورِنَا كُلُّهَا، وَيَقِينًا شُرُورُ أَنفُسِنَا وَسَيِّئَاتُ أَعْمَالِنَا، وَأَلَا يَجْعَلُنَا  
كَالَّتِي نَقَضْتُ عَزَلَهَا بَعْدَ قُوَّةِ أَنْكَاثِنَا، إِنَّهُ أَهْلُ ذَلِكَ سُبْحَانَهُ  
وَالْقَادِرُ عَلَيْهِ... وَآخِرُ دُعْوَانَا أَنِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

*Kami memohon kepada Allāh ta‘ālā semoga Dia mengajar kami apa yang bermanfaat supaya dapat kami gunakan apa yang telah diajarkannya dan sentiasa menambah ilmu kami dan menyatukan kami pada kebenaran dan mengilhamkan kepada kami pemimpin dan kebenaran pada setiap urusan kami dan memelihara kami daripada kejahanatan diri kami dan keburukan amalan kami dan jangan menjadikan kami seperti seorang perempuan yang menguraikan benangnya yang sudah dipintal dengan kuat, menjadi cerai-berai kembali. Sesungguhnya, hanya Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* yang layak dan berkuasa ke atasnya. Dan akhirnya kami menyeru bahawa segala puji-pujian itu hanyalah bagi Allāh, Tuhan semesta alam.*

---

## CATATAN

---

Kami telah tertinggal memberi catatan dan komentar mengenai tujuh orang tokoh fuqaha. Mereka ialah:

1. Sa‘īd bin al-Musayyab.
2. ‘Urwah bin al-Zubayr.
3. Al-Qāsim bin Muhammad.
4. Khārijah bin Zayd.
5. Abū Bakar bin ‘Abd al-Rahmān bin al-Hārith bin Hishām.
6. Sulaymān bin Yasār.
7. ‘Abdullāh bin ‘Abdullāh bin ‘Utbah bin Mas‘ūd.

Nama-nama mereka disebutkan dalam syair:

Apabila ditanya siapakan tujuh tokoh yang ilmunya laksana samudera,

Riwayat mereka tidak pernah terkeluar dari dasar ilmu,

Sudah tentu jawabnya, mereka ialah ‘Abdullāh, ‘Urwah dan Qāsim,

Sa‘īd, Abū Bakar, Sulaymān dan Khārijah.

Semuanya adalah generasi *tābi‘īn*.

[lihat *I‘lām al-Muwaqqi‘īn* (1/23)].